

[Dokumen ini belum disemak]

PARLIMEN KESEBELAS
PENGGAL PERTAMA
MESYUARAT KHAS

Bil. 69**Isnin****17 Januari 2005**

K A N D U N G A N

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA

- Bencana Tsunami – Bantuan Ahli-Ahli (Halaman 1)

**USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN
MESYUARAT 18(1):**

Bencana Tsunami – Persiapan Menangani
- *Yang Berhormat Tuan Ahmad Shabery Cheek (Kemaman)* (Halaman 2)

**USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN
MESYUARAT 18(1):**

Bencana Tsunami – Persiapan Menangani
- *Yang Berhormat Tuan Ahmad Shabery Cheek (Kemaman)* (Halaman 109)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2004 (Halaman 3)

MALAYSIA**DEWAN RAKYAT****Isnin, 17 Januari 2005****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA****[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA**BENCANA TSUNAMI – SUMBANGAN AHLI-AHLI**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya memaklumkan bahawa Dewan ini merakamkan perasaan yang amat dukacita dan sedih di atas kejadian bencana Tsunami yang telah melanda negara kita dan negara-negara tetangga pada Ahad, 26 Disember 2004 yang lalu. Akibat daripada tragedi tersebut, telah mengakibatkan kehilangan nyawa dan kemusnahan harta benda, antara yang terbesar pernah dialami oleh manusia.

Oleh yang demikian, maka besarlah harapan saya agar Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dapat menghulurkan sumbangan terhadap mangsa-mangsa Tsunami ini seperti wang ringgit. Untuk memudahkan Ahli-ahli Yang Berhormat menderma, Dewan ini telah menyediakan sebuah kotak derma di ruang sidang media Dewan Rakyat. Tabung ini dibuka pada 1.00 petang hingga 5.30 petang.

Saya difahamkan bahawa kebanyakan Ahli Yang Berhormat telah pun menderma sama ada secara peribadi mahupun melalui persatuan-persatuan. Walau bagaimanapun, sebagai Dewan yang tertinggi di negara ini, maka saya rasa perlulah kita juga menyumbang sebanyak mana yang kita boleh untuk mangsa-mangsa tragedi Tsunami ini. Bagi memperingati mangsa-mangsa yang terkorban, sekarang saya menjemput hadirin sekalian bangun, kepada yang beragama Islam di minta menghadihkan Al-Fatihah dan yang bukan beragama Islam diminta bertafakur selama satu minit untuk ditujukan kepada mangsa-mangsa bencana Tsunami itu.

[Semua Ahli bangun menghadihkan Al-Fatihah dan bertafakur]

USUL**MENANGGUHKAN MESYUARAT
DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18(1)****Bencana Tsunami - Persiapan Menangani**

10.06 pagi.

Tuan Ahmad Shabery Cheek [Kemaman]: Tuan Yang di-Pertua, saya Ahli Parlimen bagi Kemaman memohon mencadangkan mesyuarat ini ditangguhkan di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) bagi membolehkan Dewan yang mulia ini merundingkan isu bencana gempa bumi dan ombak besar Tsunami di Lautan Hindi yang melanda negara-negara Asia dan Afrika pada 26 Disember 2004.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini adalah perkara tertentu kerana ia adalah bencana besar kemanusiaan yang melanda banyak negara Asia dan Afrika termasuk negara kita Malaysia. Ianya telah mengorbankan lebih 160,000 nyawa, berjuta orang yang cedera dan kehilangan rumah tangga serta kerugian harta benda yang tidak ternilai harganya. Perkara ini ternyata berkepentingan ramai kerana sebagai negara maritim yang dikelilingi laut, kita terdedah kepada ancaman ombak Tsunami yang tidak semestinya datang dari arah lautan Hindi tetapi dari laut atau lautan lain yang boleh mengakibatkan kemusnahan yang mengerikan. Bahkan, sekiranya berlaku di negara lain pun, kesannya akan turut dirasakan oleh rakyat negara kita.

Perkara ini perlu disegerakan kerana ia menuntut kita segera membuat persiapan dan perubahan pendekatan dalam menangani bencana seperti ini. Ia turut menuntut tanggungjawab secara menyeluruh masyarakat negara kita dan masyarakat dunia agar bebanannya dapat dipikul bersama. Kita pula harus proaktif dan menjadi antara Parlimen yang pertama di dunia dalam membuat pendirian mengenai isu ini. Oleh yang demikian Tuan Yang di-Pertua, saya percaya hujah-hujah yang disebutkan tadi cukup untuk menjadikan usul ini penting untuk dibahaskan dalam Dewan yang mulia ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu pemberitahu usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada Ahli Yang Berhormat kawasan Kemaman pada 10 Januari 2005. Teks usul itu adalah seperti yang

dibacakan oleh Yang Berhormat tadi. Bagi membolehkan perkara ini ditimbangkan oleh Majlis Mesyuarat pada hari ini, saya sebagai Tuan Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memenuhi tiga syarat. Syarat yang pertama ialah, bahawa perkara itu tertentu. Syarat yang kedua adalah bagi kepentingan orang ramai dan syarat yang ketiga ialah berkehendakkan disegerakan. Saya telah meneliti perkara ini dan saya dapati bahawa:

- (a) Tertentu - Perkara ini adalah perkara yang tertentu;
 - (b) Kepentingan orang ramai - Ianya adalah bagi kepentingan orang ramai; dan
 - (c) Berkehendakkan disegerakan - Perkara ini juga perlu disegerakan.
- Oleh yang demikian, saya membenarkan usul ini dibahaskan.

Mengikut Peraturan Mesyuarat 18(3)(b), usul ini hendaklah ditempohkan sehingga pukul 4.30 petang ini dan hendaklah ditangguhkan pada jam 5.30 petang. Saya akan membenarkan pihak pencadang membahaskan selama 30 minit dan selepas itu, pihak kerajaan menjawab selama 30 minit. Sekian.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN (PINDAAN) 2004

Bacaan Kali Yang Kedua

10.09 pagi.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan bahawa rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Perlembagaan Persekutuan dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 3 rang undang-undang menyentuh tentang kenaikan umur persaraan Hakim-hakim Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Tinggi. Para hakim memegang jawatan itu sehingga mencapai umur 65 tahun mengikut peruntukan Perkara 125, Perlembagaan Persekutuan. Walau bagaimanapun, Perkara 125 itu memberi Yang di-Pertuan Agong kuasa untuk

melanjutkan tempoh perkhidmatan seseorang hakim selama suatu tempoh yang tidak melebihi enam bulan. Enam bulan lagi dari tarikh beliau mencapai umur 65 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, mulai 1 Oktober 2001, umur persaraan wajib bagi pegawai-pegawai awam telah dinaikkan setahun lagi supaya mereka bersara apabila mencapai umur 56 tahun. Kenaikan umur persaraan wajib anggota perkhidmatan awam mewajarkan juga penelitian semula umur persaraan wajib untuk hakim-hakim. Keupayaan pegawai awam untuk memberikan sumbangan kepada negara dan kerajaan walaupun sudah mencapai umur 56 tahun telah diakui. Keupayaan dan kemampuan hakim-hakim untuk menyumbangkan khidmat bakti kepada negara, walaupun pada umur 56 tahun patut juga menerima perakuan yang serupa.

Tuan Yang di-Pertua, institusi kehakiman teguh berdiri, bebas, berprestasi tinggi, berwibawa dan disegani. Adalah menjadi hakikat bahawa Hakim-hakim Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Tinggi yang akan mencapai umur 65 tahun merupakan insan yang berpengalaman luas dalam bidang undang-undang dan mempunyai kemahiran dan kepakaran yang dibanggakan. Persaraan mereka merupakan suatu kehilangan kepada negara. Oleh yang demikian, saya mencadangkan supaya pindaan dibuat kepada Perkara 125 Perlembagaan Persekutuan bagi menaikkan umur persaraan wajib hakim setahun lagi, sejajar dengan kenaikan umur persaraan wajib pegawai awam.

Pelanjutan perkhidmatan ke satu tahun lagi akan membolehkan para hakim yang bijaksana terus memastikan kesinambungan dan peningkatan pengurusan dan pengendalian kes-kes di mahkamah, khususnya ke arah usaha mempercepatkan pendengaran kes-kes yang tertunggak. Berbangkit daripada pindaan yang dicadangkan itu, sebutan mengenai umur 65 tahun dalam proviso kepada Fasal (1A) Perkara 122 Perlembagaan Persekutuan perlu juga ditukar kepada 66 tahun sebagaimana yang disebut dalam Fasal 2 rang undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 4 memperkatakan pindaan kepada Jadual Kesembilan kepada Perlembagaan Persekutuan untuk menjadikan bekalan dan perkhidmatan air dan pemeliharaan warisan perkara bersama. Pengurusan bekalan air adalah di bawah bidang kuasa negeri sebagaimana yang termaktub dalam Senarai Negeri, dalam Jadual Kesembilan kepada Perlembagaan Persekutuan iaitu dalam Butiran 6. Pengurusan air di sesuatu negeri yang ditadbirkan mengikut keupayaan dan

keperluan masing-masing menjadikan tiada bersepadu dan berbeza-beza antara negeri di negara ini.

Kerap kali juga terdengar rintihan, rungutan dan keluh kesah daripada orang ramai mengenai perkhidmatan air yang kurang memuaskan yang dikendalikan bukan sahaja oleh pihak-pihak berkuasa air negeri tetapi juga oleh syarikat pengendali swasta bagi negeri-negeri yang telah menswastakan perkhidmatan air mereka.

Antaranya ialah bekalan air sering terputus, paip pecah, tekanan air yang rendah dan mutu perkhidmatan pelanggan yang tidak memuaskan. Hakikat yang perlu diterima oleh semua pihak ialah bahawa kerajaan negeri menghadapi masalah kewangan untuk membangunkan prasarana bekalan air negeri masing-masing memandangkan kos perbelanjaan modal (*capital expenditure*) atau ringkasnya CAPEX, dengan izin, untuk membangunkan prasarana bekalan air adalah sangat tinggi.

Hasil kutipan air tidak mencukupi untuk menampung kos operasi dan membayar balik pinjaman kepada Kerajaan Persekutuan. Pada masa ini baki keseluruhannya bantuan kewangan berbentuk pinjaman mudah daripada Kerajaan Persekutuan kepada semua kerajaan negeri untuk membangunkan sektor bekalan air adalah sebanyak lebih kurang RM7.5 bilion dan kerajaan negeri menghadapi kesukaran untuk membayar balik pinjaman itu.

Peruntukan yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan walaupun besar tetapi masih tidak mencukupi untuk menampung kos operasi perkhidmatan air. Modal yang tinggi juga diperlukan untuk menaikkan taraf serta menggantikan infrastruktur sedia ada dan membina infrastruktur baru bagi memenuhi keperluan air yang dijangka semakin meningkat pada masa yang akan datang.

Bagi negeri-negeri yang mengkorporatkan atau menswastakan pengurusan bekalan air mereka, kos perbelanjaan CAPEX perlu ditampung bagi mengurangkan beban kewangan yang ditanggung oleh pihak swasta. Apabila kerajaan negeri tidak berkemampuan untuk membiayainya maka Kerajaan Persekutuan berperanan untuk membantu mengurangkan beban itu untuk memastikan supaya pembiayaan CAPEX tidak akan dipindahkan oleh pihak swasta untuk ditanggung oleh pengguna dalam bagi tahun kewangan kenaikan tarif air.

Bagi negeri-negeri yang tidak atau belum lagi mengkorporatkan atau menswastakan pengurusan pembekalan air masing-masing pula, CAPEX adalah

ditanggung daripada peruntukan kerajaan negeri. Keadaan ini menambahkan beban kewangan kerajaan negeri untuk membangun dan memajukan infrastruktur yang diperlukan bagi mewujudkan pengurusan bekalan air yang cekap. Oleh itu penglibatan Kerajaan Persekutuan adalah diperlukan untuk membantu sama ada melalui pemberian peruntukan atau pinjaman mudah.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi yang menambah beban kewangan kepada kerajaan negeri ialah tahap peratusan kehilangan air tidak terhasil (*non-revenue water*), dengan izin, yang tinggi di kebanyakan negeri. Penyumbang utama kepada kadar NRW yang tinggi ialah:

- (i) kebocoran paip air 60%;
- (ii) meter tidak didaftarkan 23%;
- (iii) kecurian air 12%; dan
- (iv) air kegunaan bomba dan penyelenggaraan 5%.

NRW akan terus meningkat dan menjadi lebih serius jika usaha untuk menggantikan paip-paip air yang usang khususnya daripada jenis simen asbestos tidak dilaksanakan segera. Dalam apa keadaan sekalipun, langkah-langkah untuk mengurangkan tahap NRW akan menelan belanja yang besar. Tahap NRW yang tinggi sudah tentu akan menjejaskan imej kerajaan sekali gus menggagalkan hasrat kerajaan untuk menarik pelabur-pelabur luar kerana keadaan sedemikian sering kali mengakibatkan berlakunya penurunan kualiti air dan gangguan operasi kepada sektor domestik dan industri.

Banyak masalah lain yang telah dikenal pasti sebagai melanda industri air negara. Umpamanya ketiadaan badan kawal selia di peringkat nasional yang boleh mengawal dan membantu perkhidmatan bekalan air bagi negeri-negeri yang telah menswastakan perkhidmatan bekalan air mereka. Perjanjian penswastaaan air yang tidak jelas objektif dan terma-termannya dan merugikan kerajaan negeri, kelemahan dalam pelaksanaan penswastaaan projek-projek bekalan air, ketidakcekapan dan urus tadbir lemah (*poor governance*), dengan izin, merupakan antara faktor utama yang membantut pembangunan sepatutnya perkhidmatan air kita. Badan kawal selia di peringkat negeri juga didapati tidak dapat berfungsi dengan berkesan kerana menghadapi masalah kekurangan tenaga pakar dan juga penguatkuasaan yang tidak bermaya.

Tuan Yang di-Pertua, perlu saya memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa bukanlah menjadi hasrat Kerajaan Persekutuan untuk mendedahkan kepincangan, kekurangan atau kelemahan mana-mana pihak semata-mata untuk mewajarkan atau menjustifikasikan cadangan pengambilan arahan dan pengurusan air oleh Kerajaan Persekutuan daripada kerajaan negeri.

Masalah-masalah yang telah saya huraikan sebentar tadi merupakan masalah-masalah yang telah sekian lama membelenggu industri perkhidmatan air negara dan yang mesti diatasi dan ditangani dengan cekap. Daripada kajian dan penelitian mendalam yang dibuat, adalah didapati bahawa penglibatan Kerajaan Persekutuan dalam pengurusan air nama telah menjadi kritikal, mendesak dan merupakan satu-satunya jalan keluar yang terbaik walaupun ini tentunya akan melibatkan implikasi kewangan yang besar kepada Kerajaan Persekutuan. Penglibatan ini bukan sahaja bertujuan untuk mengatasi masalah berhubung dengan bekalan air di negeri-negeri tetapi juga untuk membangunkan industri perkhidmatan air yang mapan dan berdaya maju.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah saya jelaskan awal tadi, perkara air adalah dalam senarai negeri iaitu berada di bawah bidang kuasa negeri mengikut Perlembagaan Persekutuan. Bagi membolehkan penglibatan terus dan langsung Kerajaan Persekutuan dalam pembekalan dan pengurusan air, maka saya mencadangkan supaya Butiran 6 dalam senarai negeri digantikan dengan Butiran 6 yang baru yang mengeluarkan daripadanya perkara tentang bekalan dan perkhidmatan air daripada kuasa negeri.

Kuasa berhubung dengan bekalan dan perkhidmatan air dicadang dimasukkan ke dalam senarai bersama sebagai Butiran 9D. Cadangan ini akan membolehkan perkongsian kuasa antara Kerajaan Persekutuan dengan kerajaan negeri mengenai pengurusan bekalan dan perkhidmatan air. Perkongsian kuasa yang dicadangkan bermaksud Kerajaan Persekutuan hanya akan mengambil alih pengurusan air bermula daripada aspek rawatan hinggalah kepada pengagihan dan pengebilan (*billing*) dengan izin.

Kuasa dan tanggungjawab ke atas sumber air mentah dan kawasan tadahan punca air dan lembangan sungai akan dikekalkan di bawah kerajaan negeri. Keadaan ini membolehkan negeri-negeri mengawal sumber air mentah dan memperoleh pendapatan daripada sumber tersebut dengan cara mengenakan royalti kepada

syarikat-syarikat pengeluar air bagi membantu kerajaan-kerajaan negeri memelihara kawasan tadahan dan kualiti sumber air mentah, Kerajaan Persekutuan akan memberikan kerjasama serta bantuan sewajarnya melalui kaedah yang akan ditentukan.

Pindaan ini juga akan memberi laluan kepada penubuhan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara atau ringkasnya SPAN yang berperanan antara lain untuk:

- (i) mengkaji dan menentukan struktur tarif air;
- (ii) mengeluarkan lesen-lesen air;
- (iii) merancang program pembangunan;
- (iv) mengawal kualiti perkhidmatan air;
- (v) menjalankan penguatkuasaan;
- (vi) memastikan pematuhan standard dan pencapaian sasaran yang ditetapkan; dan sebagainya.

Untuk tujuan ini, suatu rang undang-undang berhubung dengan penubuhan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara akan digubal. Selain itu, suatu rang undang-undang berhubung dengan industri perkhidmatan air akan turut digubal yang bertujuan untuk menyediakan garis panduan kepada industri perkhidmatan air keseluruhannya pada masa akan datang.

Dalam proses menggubal kedua-dua akta yang disebut tadi, Jabatan Peguam Negara dan agensi pelaksana iaitu Kementerian Tenaga Air dan Komunikasi akan mendapatkan pandangan daripada dan bekerjasama dengan pelbagai agensi termasuk agensi-agensi kerajaan negeri yang berkaitan. Segala tenaga akan digemblengkan ke arah memastikan bahawa usaha murni ini mencapai matlamat untuk mengurangkan beban kewangan yang ditanggung oleh kerajaan negeri terutamanya dari segi pengurusan kos CAPEX dan hutang yang masih tertunggak.

Cadangan pengambilalihan ini akan diperhalusi dengan berhati-hati dan bijaksana demi kepentingan semua pihak kerana Kerajaan Persekutuan sedar bahawa ada beberapa negeri yang berjaya mentadbirkan pengurusan air dengan agak baik. Kerjasama dan persefahaman di antara semua pihak termasuk pihak swasta perlulah dijalin dan dipertingkatkan. Pengurusan air akan dilakukan oleh Kerajaan Persekutuan secara bersepadu dan *holistic* memandangkan terdapat beberapa aspek yang merentasi sempadan negeri.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya menjelaskan kepada Dewan yang mulia ini bahawa cadangan pengambilalihan pengurusan bekalan air oleh Kerajaan Pusat tidak akan melibatkan negeri-negeri Sabah dan Sarawak. Pengecualian yang diberikan kepada Sabah dan Sarawak adalah atas dasar persetujuan bersama yang telah dicapai dalam Mesyuarat Majlis Sumber Air Negara pada 29 Julai 2003. Keputusan Majlis Sumber Air Negara itu dipersetujui oleh Jemaah Menteri pada 14 Julai 2004.

Oleh yang demikian, kedua-dua rang undang-undang berhubung dengan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara dan industri perkhidmatan air yang akan digubal tidak terpakai bagi kedua-dua negeri Sabah dan Sarawak. Dengan itu juga, maka saya mencadangkan supaya Senarai 2A iaitu tambahan kepada senarai negeri bagi negeri Sabah dan Sarawak dipinda untuk mengekalkan air sebagai suatu perkara negeri bagi kedua-dua negeri itu.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan juga dicadangkan kepada Bahagian 3 dan Bahagian 5 Jadual Ke-10 berbangkit dengan pindaan kepada Jadual Ke-9. Melalui pindaan ini, hasil daripada lesen yang berkaitan dengan bekalan dan perkhidmatan air dan terimaan tarif air daripada pelanggan tidak lagi terakru kepada negeri-negeri melainkan negeri Sabah dan Sarawak.

Mungkin sesetengah pihak akan mendakwa bahawa negeri-negeri di Semenanjung Malaysia akan berkurangan pendapatannya apabila sumber hasil yang diserahkan kepada negeri-negeri bagi bekalan air termasuk kadar air kini dimansuhkan dan digantikan dengan terimaan bagi air mentah.

Saya ingin menegaskan di sini, bahawa dakwaan demikian tidak berasas sama sekali. Tidak timbul apa-apa kekusaran atau apa-apa kebimbangan pada mana-mana pihak kerana kerajaan negeri semuanya memahami bahawa kepentingan mereka terpelihara dan diimbangi dengan baik khususnya dalam mengurangkan beban kewangan mereka.

Pengambilalihan pengurusan air oleh Kerajaan Persekutuan adalah atas dasar persetujuan bersama antara semua negeri. Dalam jangka panjang pengambilalihan perkhidmatan bekalan air negeri-negeri oleh Kerajaan Persekutuan akan menguntungkan kerajaan-kerajaan negeri sendiri kerana mereka dapat mengutip sumber air mentah dan tidak lagi perlu menanggung beban kewangan seperti CAPEX dan kos rawatan yang tinggi. Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi juga sedang giat berusaha merangka kaedah-kaedah yang terbaik bagi mengurangkan hutang

kerajaan negeri kepada Kerajaan Persekutuan. Satu *financial model* dengan izin sedang dihalusi dan dikaji dengan mendalam.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan kepada Jadual Kesembilan juga memperlihatkan kemasukan perkara baru mengenai pemeliharaan warisan ke dalam warisan bersama. Pada masa sekarang pemeliharaan warisan selain yang terkandung dalam Senarai Persekutuan khususnya butiran 13 yang menyebut tentang perpustakaan, muzium, monumen dan rekod purba kala dan sejarah, tapak dan peninggalan zaman purba dan warisan dalam bentuk hidup-hidupan liar dan taman negara tidak dinyatakan dalam mana-mana senarai dalam Jadual Kesembilan. Oleh yang demikian, menurut perkara 77, Perlembagaan Persekutuan perkara itu termasuk dalam bidang kuasa negeri. Ini tidak memungkinkan Kerajaan Persekutuan mengambil apa-apa tindakan yang sewajarnya tentang bangunan yang bukan monumen bersejarah atau peninggalan purba kala tetapi wajar dipelihara kerana nilai dan seni binanya.

Pemeliharaan warisan bukan sekadar memelihara unsur atau nilai seni bina atau nilai sejarah bangunan atau apa-apa lain yang bersifat fizikal atau ketara, *tangible* dengan izin. Ruang lingkup dan konsep warisan turut merangkumi warisan semula jadi *natural heritage* dengan izin dan warisan budaya *cultural heritage* dengan izin. Oleh yang demikian, kemasukan perkara pemeliharaan warisan ke dalam Senarai Bersama bukan sekadar memberi ruang kepada Kerajaan Persekutuan untuk menggubal suatu undang-undang yang komprehensif mengenai apa juga bentuk warisan negara tetapi juga untuk berkongsi tanggungjawab dengan kerajaan negeri. Keprihatinan Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri dalam memelihara dan mempertahankan warisan negara akan memastikan warisan kita kekal turun temurun, Insyaa-Allah.

Tuan Yang di-Pertua, Perlembagaan kita ialah suatu *working document* dengan izin dan sentiasa diguna dan dijadikan panduan. Apabila peruntukan Perlembagaan itu perlu dipinda mengikut keperluan semasa, Perlembagaan dengan sendirinya memperuntukkan melalui perkara 159 dan perkara 161E bagaimana ia boleh dipinda. Bagi maksud Rang Undang-undang yang dibentangkan di Dewan yang mulia ini persetujuan Majlis Raja-Raja dan rundingan dengan kerajaan negeri umpamanya tidaklah diperlukan. Ini jelas daripada peruntukan yang termaktub dalam perkara 159 fasal 3. Sungguhpun demikian, Kerajaan Persekutuan masih mengambil langkah-langkah untuk merundingi kerajaan-kerajaan negeri memandangkan perkara-perkara

yang terkandung dalam pindaan ini khususnya berkaitan dengan air dan warisan adalah perkara di bawah bidang kuasa negeri.

Berhubung dengan negeri Sabah dan Sarawak mungkin ada yang berpendapat bahawa pindaan dalam fasal 4 dan 5 Rang Undang-undang ini memerlukan juga persetujuan daripada Yang di-Pertua Negeri Sabah dan Sarawak di bawah fasal 2 perkara 161E, Perlembagaan. Kerajaan Persekutuan berpendapat bahawa pindaan-pindaan itu tidaklah menjejaskan perjalanan Perlembagaan tentang perkara-perkara yang berkenaan bagi negeri Sabah dan Sarawak yang mengenainya persetujuan sedemikian diperlukan.

Namun begitu, bagi mengelakkan timbul apa-apa keraguan ataupun pertikaian mengenai soal itu atau berhubung dengan pentadbiran undang-undang, sukacita saya memaklumkan bahawa Kerajaan Persekutuan telah pun membincangkan cadangan pindaan ini dengan Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak. Sukacita juga saya memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa hasil daripada perbincangan itu Tuan Yang Terutama, Tuan Yang di-Pertua Negeri bagi negeri Sabah dan Sarawak telah pun memberikan persetujuan masing-masing kepada pindaan-pindaan yang dimaksudkan. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Sokongan?

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk M. Kayveas]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong usul itu.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Perlembagaan Persekutuan dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan. Yang Berhormat Ipoh Timur.

10.36 pagi

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2004 yang mana objektif utamanya adalah untuk meminda Senarai Negeri untuk membolehkan Kerajaan Persekutuan mengambil alih bidang kuasa pengurusan air daripada kerajaan-kerajaan negeri adalah amat tidak sesuai, luar aturan, tidak menurut peraturan-peraturan Parlimen dan tidak mengikut Perlembagaan di atas tiga sebab sekurang-kurangnya.

Pertama, pemberitahuan atau notis bertarikh 22 Disember 2004 untuk Mesyuarat Khas Parlimen selama dua hari dan dihantar kepada semua Ahli-ahli Parlimen telah ditandatangani oleh Yang di-Pertua Tan Sri, sedangkan notis tersebut sepatutnya ditandatangani oleh Setiausaha Parlimen sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Peraturan Mesyuarat 91, Dewan Rakyat.

Kedua, Ahli-ahli Parlimen telah diberitahu dalam notis itu bahawa Persidangan Khas Parlimen diadakan menurut Peraturan Mesyuarat 11(3) yang mana berbunyi, *“Pada masa Majlis dalam tangguhan jika Perdana Menteri memaklumkan kepada Tuan Yang di-Pertua iaitu bagi faedah orang ramai mustahak Majlis mengadakan mesyuarat dahulu daripada tarikh yang telah ditetapkan maka Tuan Yang di-Pertua hendaklah dengan serta-merta mengeluarkan pemberitahuan menyatakan berapa hari bulan hendak mengadakan mesyuarat itu dan majlis hendaklah mengadakan mesyuarat pada masa yang disebutkan dalam pemberitahuan itu”*

Dalam hal ini, pernyataan yang dibuat oleh Perdana Menteri untuk sebuah Parlimen Khas tidak mungkin dilakukan semasa Majlis dalam tangguhan selepas Mesyuarat Bajet pada 14 Disember 2004. Oleh sebab keputusan untuk mengadakan sebuah Persidangan Khas untuk Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2004 telah dibuat dan diumumkan sebelum penangguhan Mesyuarat Bajet pada 14 Disember 2004. Walau bagaimanapun, bantahan paling serius dan utama adalah sebab ketiga iaitu pelanggaran Perkara 76, Perlembagaan Persekutuan yang mengehadkan kuasa Kerajaan Persekutuan dan Parlimen untuk menceroboh dan melampaui kuasa dan *prerogative* kerajaan negeri dan dewan-dewan undangan negeri.

Perkara 76(1), Perlembagaan Persekutuan menyebut tiga keadaan di mana Parlimen boleh meminda Senarai Negeri dalam Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan iaitu 76(1) yang berbunyi;

“Parlimen boleh membuat undang-undang mengenai apa-apa perkara yang disebutkan dalam Senarai Negeri tetapi hanya seperti berikut sahaja:

- (a) bagi maksud melaksanakan apa-apa perjanjian atau *convention* antara Persekutuan dengan mana-mana negeri lain atau apa-apa keputusan antarabangsa yang dianggotai oleh Persekutuan; atau

(b) bagi maksud mengehendkan persamaan undang-undang di antara dua buah negeri atau lebih: atau

(c) jika diminta sedemikian oleh mana-mana Dewan Negeri.”

Memandangkan peruntukan-peruntukan perkara 76(1) (a) dan (b) tidak terpakai di sini, persoalannya adalah sama ada perkara 76(1)(c) telah dipatuhi atau tidak iaitu adakah mana-mana Dewan Undangan Negeri di Semenanjung Malaysia telah meminta Parlimen meminda Senarai Negeri supaya satu-satu kuasa prerogative negeri ke atas air diserahkan kepada Kerajaan Persekutuan dan membenarkan pengurusan sumber air ‘dipersekutukan’ atau di federalise. Dewan Undangan Negeri Perak, Pulau Pinang, Melaka, Negeri Sembilan, Selangor dan Pahang tidak pernah bermesyuarat untuk menyerahkan satu-satunya kuasa prerogative mereka ke atas air ataupun meminta Parlimen meminda Senarai Negeri untuk mempersekutukan pengurusan air.

Setakat yang saya ketahui tiada satu pun Dewan Undangan Negeri di Semenanjung Malaysia sama ada yang dikuasai oleh Barisan Nasional atau Pas telah meminta Parlimen untuk melakukan apa-apa pindaan Perlembagaan ke atas senarai negeri untuk membolehkan Kerajaan Pusat mengambil bidang kuasa ke atas air daripada Kerajaan-kerajaan Negeri. Parlimen sebenarnya tidak mengikut prosedur sekiranya ia meneruskan Rang Undang-undang pindaan Perlembagaan tanpa sebarang permintaan daripada Dewan Undangan Negeri terlebih dahulu yang jelas tidak mengikut Perlembagaan oleh sebab ia melanggar perkara 76(1)(c) Perlembagaan Persekutuan dan sebabnya itu pada hari Khamis yang lepas saya telah membuat seruan umum kepada Peguam Negara untuk menasihatkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2004 untuk meminda Senarai Negeri tidak patut diteruskan pada Persidangan Parlimen Khas ini melainkan perkara 76(1)(c) telah dipatuhi terlebih dahulu dan adanya permintaan dari Dewan Undang Negeri untuk pindaan Perlembagaan sedemikian.

Saya merasa bingung mengapa perlunya diadakan Mesyuarat Khas Parlimen untuk membincangkan Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2004 ini untuk melaksanakan proses mempersekutukan sumber-sumber air, satu tindakan yang melanggar Perlembagaan dan mengapakah ia tidak boleh tunggu dua bulan nanti dan dibincangkan di dalam mesyuarat Parlimen yang biasa yang telah dijadualkan pada 21 Mac 2005 hingga 28 April 2005. Ini membangkitkan persoalan sama ada wujudnya

agenda yang terselindung di sebalik sikap terburu-buru untuk meluluskan Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2004 ini.

Pakar air Malaysia, Charles Santiago telah menyamakan sumber air sebagai 'Emas Biru' atau '*Blue Gold*' kerana penswastaan perkhidmatan air merupakan satu perniagaan yang bernilai berbilion ringgit. Kajian sumber air Kebangsaan 2000 yang ditauliahkan oleh Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (EPU) dan terhad kepada Semenanjung Malaysia telah menganggarkan nilai industri air dalam tempoh 50 tahun di antara tahun 2000 ke tahun 2050 adalah dalam jurang RM51.6 bilion ke RM77 bilion. Anggaran sejumlah RM15.4 bilion akan dibelanjakan di antara tahun 2000 dan 2005.

Mungkinkah kini wujud desakan yang sukar dibendung dari dua 'K' iaitu kroni dan korporat yang tidak bersedia yang menunggu lagi untuk mengambil bahagian dalam bonanza Emas Biru yang akan muncul daripada penswastaan sumber-sumber air di negara ini yang meluru dan tidak terkawal. Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2004 ini sepatutnya dirujuk kepada sebuah Jawatankuasa Pilihan sebelum dibentangkan untuk bacaan kedua di Parlimen supaya kajian yang terperinci dan perundingan awam yang menyeluruh khasnya atas soal penswastaan air serta mempersekutukan pengurusan air yang bukan sahaja melibatkan masyarakat madani tetapi juga demi mempertahankan hubungan Persekutuan Negeri, Perlembagaan kita.

Banyak isu fundamental yang mesti ditangani sebelum satu keputusan boleh dibuat berkenaan dengan penswastaan air serta *federation* pengurusan air antaranya sama ada akses kepada air harus dianggap sebagai awam dan hak asasi manusia ataupun ia harus ditukar menjadi komoditi pasaran yang menguntungkan menerusi proses penswastaan berlandaskan prinsip mampu bayar dan bukan mengikut keperluan.

Semasa membuka forum awam anjuran FOMCA – "*is Malaysia ready for privatization of water resource*" pada 31 Julai 200, Yang Berhormat Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi telah menyentuh isu pengurusan sumber-sumber air yang berkekalan demi memastikan bahawa air yang secukupnya dapat memenuhi keperluan sosial ekonomi dan alam sekitar.

Adakah wujud kesedaran yang secukupnya bahawa syarat yang mewajibkan untuk pengurusan sumber-sumber air yang berkekalan adalah dengan adanya sistem pentadbiran baik yang berkekalan di mana *accountability*, ketelusan, sikap hormat

kerajaan terhadap hak mendapat maklumat yang diperlukan oleh rakyat jelata, semak dan imbang (*check and balance*) yang berkesan untuk mencegah rasuah serta salah guna kuasa.

Yang Berhormat Menteri pun berkata bahawa beliau bercadang untuk mengikut jejak Britain yang memberikan ruang penglibatan yang lebih kepada para pengguna dalam industri air dengan menubuhkan Forum Air sama seperti *Water Voice* di U.K. Tetapi nampaknya beliau hanya memahami bentuk luar tetapi bukan inti pati yang dimaksudkan sebagai penglibatan dalam proses membuat keputusan oleh semua pihak yang terjejas.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz : Tuan Yang di-Pertua, penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Sri Gading.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, boleh, boleh.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Di peringkat awal saya meneliti hujah-hujah yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, seolah-olah mempertikaikan pembentangan Usul ini di Dewan ini, seolah-olah salah kerajaan. Memang DAP kerjanya menyalahkan sahajalah, itu kerja dialah. Tetapi di akhir ini seolah-olah dia hendak membahaskan pula, seolah-olah maknanya pembentangan ini sudah pun diterima, sudah betul. Jadi, macam mana Ahli Yang Berhormat bagi Ipoh Timor ini sebenarnya? Apa pendirian Ahli Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, benda ini betul atau macam mana?

Seorang Ahli: Bingung.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Siapa bingung?

Seorang Ahli: Kita bingung.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Ketawa]* Siapa yang bingung? Tidak tahu?

Tuan Lim Kit Siang: Nampaknya Ahli Yang Berhormat bagi Sri Gading tidak mahu faham. *Point* yang pertama ialah sama ada ini mengikut peraturan Perlembagaan 76(1)....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ikut peraturan, okeylah. Dibahaslah.

Tuan Lim Kit Siang:sama ada mengikut Perlembagaan 76(1).

Datuk Bung Moktar bin Radin: Kalau tidak ikut jangan bahaslah.

Tuan Lim Kit Siang: Dan kita tahu bahawa adalah sikap itu, kalau begitu tidak payah bahas, tidak akan memberi *field day* kepada Ahli-ahli Parlimen begitu senang, kita akan bahas. Oleh kerana masalah air ialah masalah yang rumit, yang besar dan yang penting dalam negara kita dan sebenarnya kita pun perlu

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Di peringkat awal, Ahli Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, minta maaf.....

Tuan Lim Kit Siang: Nanti, nanti, nanti. Biar saya jawab.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: ... mempertikaikan pembentangan ini seolah-olah pembentangan ini tidak mengikut prosedur ...

Tuan Lim Kit Siang: Biar saya jawab. Kita bukan

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Dan hari ini, sekarang ini membahaskan pula. So, macam mana pendirian Ipoh Timor?

Tuan Lim Kit Siang: Bukan, kita rela kerjasama mengenai masalah air, sebab itu kita bercadang bahawa sebelum satu pengundian dibuat dalam peringkat bacaan yang kedua, rang undang-undang ini patutlah dirujuk kepada satu *Select Committee* supaya masalah-masalah dan kelemahan-kelemahan semua itu boleh diatasi. Kita tidak mengambil satu sikap yang *obstructive*, *destructive* semacam yang Ahli Yang Berhormat bagi Sri Gading harap kita akan ambil.

Kita *constructive*, kita membina, sungguhpun kita kata itu tidak mengikut Perlembagaan tetapi kita pun mahu mengambil masa yang sama untuk mengemukakan isu-isu yang penting dalam perkara ini dan saya harap Ahli Yang Berhormat bagi Sri Gading jangan terus mengganggu saya. [*Dewan riuh*]

Tadi, saya ada menyebut bahawa Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa mengikut jejak *UK Voice* di UK, tetapi nampaknya beliau hanya memahami *form* dan bukan *substance* dan dalam proses *consultation*, inilah sebab mengapa Rang Undang-Undang Perlembagaan (Pindaan) 2004 yang dianggap sebagai langkah pertama dalam penswastan air dan persekutuan pengurusan air dilontar begitu sahaja kepada bukan sahaja para NGO, masyarakat madani tetapi negara ini dan pengguna-pengguna air, tanpa sebarang perundingan awal, kenapa tidak ada satu *consultation papers*, sebagai contohnya?

Yang Berhormat Menteri ada pergi ke UK beberapa kali untuk memahami keadaan di sana dan patut mengetahui bahawa sebelum sesuatu keputusan dibuat mengenai sistem air di UK, ada siri *consultation papers* yang dikeluarkan. Adakah satu

consultation paper yang dikeluarkan dalam Malaysia, selama lapan bulan Yang Berhormat sudah menjadi menteri? Mana dia *consultation papers*, tetapi sudah ada suatu rang undang-undang yang begitu mustahak sudah dibentangkan dalam Parlimen? Di manakah *Malaysian Voice* itu? Katanya mahu mengikut *Voice UK*, tetapi mana *Voice Malaysia*?

Yang Berhormat Menteri pun telah berkata tentang pembentukan rangka tindakan untuk melaksanakan keputusan kerajaan bagi mempersekutukan pengurusan air, memperbaharui struktur industri perkhidmatan air untuk menjanjikan lebih berkekalan dan akan membentuk satu Suruhanjaya Perkhidmatan Air Kebangsaan untuk bertindak sebagai pengawal atur, mengapakah rangka tindakan ini tidak pernah diumumkan? Di manakah *blue-print* itu sebelum Rang Undang-Undang Perlembagaan (Pindaan) 2004 dibentangkan di Parlimen, oleh kerana pindaan kepada Perlembagaan ini supaya Kerajaan Persekutuan mengambil alih kuasa air ialah langkah pertamanya ada dalam *blue-print* ini, tetapi di mana *blue-print* itu? Kenapa *blue-print* tidak dibentangkan dalam Parlimen? [Disampuk] Tidak ada *blue-print* sudah ada langkah ini?

Dalam beberapa tahun yang lepas sejajar dengan pembangunan pesat negara, rakyat Malaysia telah mempertingkatkan harapan mereka terhadap tahap hak yang lebih tinggi, menyokong dan memupuk hak untuk pembangunan, hak untuk kesihatan, hak untuk perumahan, hak untuk alam sekitar, hak untuk pendidikan, hak untuk pendidikan tinggi dan sebagainya. Adalah sungguh dahsyat sekali bahawa sementara kita berangan-angan untuk mencapai tahap negara maju di bawah Wawasan 2020, negara kita telah merosot sehinggakan kita kini terpaksa bercakap *articulate*, mempertahankan apa yang merupakan hak asasi yang paling asas sekali hak untuk *access* kepada *water*. Ini menandakan *irony* dan dilema yang teruk sekali yang terserlah dari Rang Undang-Undang Perlembagaan (Pindaan) 2004.

Tuan Yang di-Pertua, pagi ini ada satu rombongan daripada badan-badan pengguna, kesatuan dan *community-based organizations* ada datang untuk mengemukakan memorandum mengenai kesangsian, kekhawatiran mereka mengenai rang undang-undang ini dan mengenai masa hadapan keadaan air di sini. Saya dengan izin, untuk merujuk kepada memorandum ini, oleh kerana kita sekarang mahu membahaskan dan meluluskan rang undang-undang ini.

Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua:-

"We, the following consumer groups, trade unions and community based organizations...."

Yang disenarai ialah *FOMCA, MTUC, ERA Consumers, Asia Pacific Secretariat for Consumer Advocacy, Research and Education, Monitoring Sustainability of Globalization (MSN), Group of Concerned Citizens, Peoples' Services Organization*, mereka ada mengutarakan memorandum ini dan diharap dapat mengambil perhatian semua Ahli-ahli Parlimen dalam perbahasan ini.

"We are deeply concerned over recent government pronouncements and private sector representatives' statements that Malaysian water services will be privatized.

We fear that handing over water services to the private sector will transform water from a fundamental human right, a common heritage that belongs to all Malaysians into a commodity traded in the open market.

Over the years, privatization exercises in public entities in Malaysia by the government has not lowered costs and increased efficiency as promised but instead has led to burdening consumers with increasing and exorbitant tariffs, be it basic needs such as public transport services, electricity, telephone, sewerage and more recently public health and education.

Privatization of public entities in Malaysia has more often resulted in failure and has in fact affected consumers welfare. Evident cases such as collapse of IWK, LRT-PUTRA and MAS which resulted in government using public monies to bail/buyout these companies before the end of the concession period clearly shows that the concept of privatizing public services is not in the interest of the rakyat. These private companies clearly do not have the capital or the capabilities to sustain their operations, let alone provide qualities services.

Privatization of water services has a potential to subject water resources to private ownership and the implementation of full cost recovery. We believe that the water privatization would undermine consumers welfare as the main motive of private companies is to fulfill its shareholders' welfare and profit whilst social obligations to ensure 'quality

and safe water is accessible to all' becomes an afterthought. This would mean removing subsidies and cross subsidies that will be to the detriment of the poor and other vulnerable communities and consumers.

The provisioning of water in privatized full cost recovery environment is premised on a consumer's affordability as opposed to the consumer's need; thereby potentially excluding access to water of those who cannot afford to pay.

Furthermore, in this era of globalization, there is a possibility that water resources of this country could come under the control of foreign corporations. The General Agreement on Trade in Services (GATS), currently being negotiated at the World Trade Organization (WTO) that Malaysia is signatory to, seeks to remove all national protective barriers and makes possible of the foreign acquisition of our water resources, if access to water is no longer provided for by the government as part of the government services. This reality has implications for national security and sovereignty of the nation. In this regard it is important to note that the European Union has requested that the Malaysian Government open up its water resources as part of its GATS obligation.

The Consumers Associations and Community based groups represented here believe that the provisioning of water resources should be in the hands of the state and it is the obligation of the state to ensure water resources are made available based on need and not affordability. The state has a constitutional responsibility to ensure accessibility of water for all Malaysians as a fundamental human right.

Access to water as a fundamental human right is stipulated in the various United Nations Charters and Covenants. Water as a human right is explicitly enshrined in the Convention on the Rights of the Child 1989. Access to water is an implicit right in the Universal Declaration of Human Rights 1948, Article 25 of the Declaration indicates "Everyone has the right to a standard of living adequate for the health and well-being of himself and of his family, including food, clothing, housing" (UN General Assembly, 1948). Clearly, Article 25 cannot be satisfied without access to water as an implicit right and the component element. This is because

adequate quantity of water of sufficient quality is required to maintain human health and well being in order to satisfy Articles 25.

The International Covenant of Economic Social and Cultural Rights 1966 supports the notion that the right to water is an implicit right. Central to the ICESR is that governments have a legal obligation to ensure that their citizens enjoy the right to water.

In November 2002, The United Nations Committee on The Economic, Social and Cultural Rights in its General Comment No. 15, indicated that the right to water was a human right and the governments take immediate steps, to realize the right to water. Clearly governments including the Malaysian Government have a responsibility to respect, fulfill and protect the Right to Water.

We assert that privatization of water is not the only answer to our water woes and crisis because of proper and holistic water management includes prevention of environmental degradation, addressing our dwindling water availability, implementing and enforcing an effective water policy and addressing demand for water while at the same time ensuring the quality, safe and affordable water is accessible to all. We therefore call upon Members of Parliament:

- (i) to ensure that quality water remains accessible to all consumers and privatizing water is not the answer to our water woes and crisis irrespective of whether water is managed by the state or the Federal Government;*
- (ii) to urge the government to embrace and then promote a public partnership and a successful water management specifically will encourage the government to follow the Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang's (PBA's) successful and profitable experience in water management;*
- (iii) To ensure increased awareness and education programs for young and adult consumers on water resource preservation and conservation.*

Tuan Yang di-Pertua inilah..

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, lain kali. Ya, silakan.

Tuan Lim Kit Siang: Ya.

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Dia sendiri ada bom, dia baca orang punya, dia sendiri pun tidak berapa faham apa dalam industri pengurusan air. Yang Berhormat terimahlah, iaitu dalam huraian keperluan yang mendesak untuk Kerajaan Persekutuan mengambil alih pengurusan air dan ini *cart before the horse*. Saya sebagai Menteri, walau ada nama air tetapi kuasa air masih pada negeri. Kalau dia tidak setuju dan tidak terima adalah keperluan yang mendesak dalam huraian, apa dia cakap banyak lagi, ini bukan *form*, apa substance dia. Dia tahu apa dia kurang kawal selia *no regulatory body to regulate*, sebab itu kompelin ini, kompelin itu, ... SPAN akan dan nanti ini akta untuk menubuhkan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara dan akta untuk Industri Air Negara akan dibentangkan dan Yang Berhormat boleh cakap, apa saja yang hendak dicakapkan, saya suka dengar tetapi belum dia menerima pindaan Perlembagaan untuk bagikan kuasa kepada Kerajaan Persekutuan dia cakap banyak, ini bukan form, apa ini, ini *substance* kah, dia langsung tidak tahu apa pengurusan dan lagi saya bukan pergi England, saya pergi London sekali sahaja, bukan banyak kali. Ini Jurassic Park punya explanation.... *[Ketawa]* . Terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang: Terima kasih, saya ..

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat penjelasan sedikit. Kalau ada rujukan huraian yang begitu panjang seperti yang dibuat oleh Yang Berhormat saya rasa eloklah dibuat dalam Bahasa. Rujukan-rujukan kalau dibuat secara yang ringkas boleh dengan izin, ya.

Tuan Lim Kit Siang: Saya terima nasihat itu, apa yang kita terima dan sebab itulah baru itu oleh kerana perkara yang begitu penting..

Tuan Yang di-Pertua: Saya harap juga pertubuhan-pertubuhan nanti kalau buat huraian seperti itu, eloklah buat dalam Bahasa juga selain daripada bahasa Inggeris.

Tuan Lim Kit Siang: Ya. Tetapi apa Yang Berhormat Menteri kata form dan substance, kali yang pertama saya dengar bahawa London bukan Britain, tidak pernah pergi Britain pergi London sahaja, apa itu form apa itu substance, Kita di sini kita *[Ketawa]*. Kita di sini nanti, nanti, nanti,nanti..

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Bangun.

Tuan Lim Kit Siang: Duduk dulu, duduk dulu, duduk dulu, nanti-nanti, nanti. Saya, kita di sini, kita di sini kita tahu, kita faham, kita pernah bangkit hal masalah air yang dihadapi oleh pengguna-pengguna, bukan kita menentang cara untuk mengatasi krisis air, krisis air yang kita hadapi. Tetapi kenapa ada krisis air, kenapa dalam Selangor sebagai contohnya ada *non revenue water* 47%, kenapa perlu berbilion-bilion ringgit untuk dicurahkan untuk mengendalikan masalah air oleh kerana tidak kecekapan, oleh kerana ketidakbertanggungjawaban kerajaan Barisan Nasional di peringkat negeri selama 30 tahun, 40 tahun, itulah kalau kita mahu berbincang dengan mendalam ini kita semua perlu bahas.

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Bangun.

Tuan Lim Kit Siang: Nanti, nanti, kita perlu semua bahas. Tetapi, apa yang saya mahu sebut ialah mengenai pendirian kita mengenai pindaan perlembagaan ini. Kita tahu bahawa kita perlu ambil tindakan untuk mengatasi masalah tetapi kita mahu patut mengikut peraturan-peraturan, undang-undang dan perlembagaan yang kita ada. Kita bukan menentang, menentang mengenai cadangan, mungkin satu cara mengambil alih kuasa *water management* oleh Kerajaan Persekutuan tetapi mengikut Perlembagaan, saya ada kata bahawa 76(1)(c) tidak diikuti dan saya tahu ada mungkin nanti ada Yang Berhormat Menteri ada kata itu tidak pakai oleh kerana 76(1)(c) kata bahawa dengan izin, *Parliament may makes laws with respect to any matter enumerated in the State List* .. dan ini terpakai kalau Parlimen buat apa undang-undang yang baharu yang bersabit dengan State List bahawa pindaan kepada perlembagaan tidak pakai, kerana tak pakai, saya kata terpakai oleh kerana perlembagaan ialah *supreme law*, apabila pinda perlembagaan ialah *make law* yang termaktub dalam 76.

Bagaimana boleh kita bahawa pindaan perlembagaan untuk keluar perkara State List tidak perlu hormat semangat dan peruntukan dalam 76 tetapi kalau mahu buat undang-undang perlu dapat persetujuan atau request Dewan Undangan Negeri, tetapi untuk menghapuskan hak itu tak perlu, itu tidak boleh diterima, sebab itu sudah kita kata bahawa baik. Kalau ada cadangan untuk *federalization water*, bahawa untuk ambil alih *water managemant* mengikut jalan yang betul bukan mengikut cara yang tidak hormat Perlembagaan di sini. Itulah penting dan sungguh kita kemukakan pandangan kita tidak bererti bahawa tidak ada pandangan mengenai masalah krisis

air dan kita tentu akan terus dari dulu dan sekarang dan masa depan untuk utarakan pandangan kita dalam perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, objektif sebenarnya lebih penting hari ini ialah meningkatkan kembali hubungan persekutuan dan negeri dan tidak lagi mematuhi peruntukan-peruntukan yang berakar umbi di perlembagaan demi melindungi hak-hak prerogative setiap negeri. Sebenarnya kali ini merupakan kali pertama dalam 47 tahun sejarah negara kita di mana satu precedent yang berbahaya yang melanggar perlembagaan sedang dibentuk, yang menyalahkan risiko dan bahawa yang timbul akibat dari penguasaan majoriti Parlimen 9/10 yang menampakkan keupayaan semak dan timbang parti pembangkang menjadi paling lemah sekali dalam sejarah negara kita.

Pada 29 September 2001 dalam conference GERAKAN, Perdana Menteri masa itu adalah buat, ada mengoyakkan kontrak sosial yang telah disetujui oleh nenek moyang semua kaum utamanya negara ini semasa mencapai kemerdekaan dulu iaitu Malaysia merupakan sebuah negara yang demokratik pelbagai agama dan sekular Islam diterima sebagai agama rasmi tetapi bukan sebuah negara Islam dengan pengisytiharan *arbitrary, unilateral, unconstitutional* bahawa Malaysia sebuah negara Islam.

Pada 11 Mac 2003, masa itu Yang Berhormat Menteri Kesihatan, Yang Berhormat daripada Bakri, memesongkan Parlimen dengan memalsukan Akta dan mendakwa bahawa dalam epidemik denggi tahun 2002 hanya berlaku sejumlah 1,394 kes denggi dan 57 kes maut akibat denggi. Sungguhpun sekarang kita tahu jumlah kes denggi yang berlaku sebenarnya masa itu 2002 tiga kali ganda daripada itu iaitu sebanyak 32,767 dan jumlah kematian adalah 99 orang, menjadi tahun 2002, tahun denggi paling teruk dalam sejarah negara ini.

Hari ini kita berkumpul di Parlimen untuk meminda senarai negeri dalam Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan tanpa menghormati Perkara 76(1)(c) yang menghadkan kuasa Kerajaan Persekutuan dan Parlimen dan menceroahi bidang kuasa prerogative kerajaan-kerajaan negeri sama ada atas isu bidang kuasa air atau warisan tanpa mendapatkan persetujuan dari Dewan-dewan Undangan Negeri terdahulu sebelum meminda Senarai Negeri. Semua ini merupakan satu *precedent* dan *trend* yang semua tidak sihat dan tidak harus berlaku, semua membawa satu mesej yang sama iaitu kerajaan ini tidak boleh dipercayai memandangkan ianya tidak

bersedia untuk menunaikan janji yang serius sama ada yang dibuat dalam Parlimen, kontrak sosial Merdeka mahupun yang telah termaktub dalam Perlembagaan Malaysia.

Inilah sebab mengapa saya secara seriusnya menyeru kerajaan supaya menyokong cadangan DAP supaya merujuk Rang Undang-undang Pindaan Perlembagaan 2004 ini kepada sebuah Jawatankuasa Pilihan supaya ianya dibaca sebelum ianya dibacakan kali yang kedua, sebelum satu undian diadakan dalam peringkat *second reading* untuk membenarkan kajian terperinci dan perundingan awal yang meluas diadakan khasnya atas isu penswastaaan air dan persekutuan pengurusan air tetapi paling penting sekali supaya pindaan ini mematuhi Perkara 76(1)(C) yang menghendaki permintaan supaya Parlimen meminda Perlembagaan ini datangnya dari Dewan-dewan Undangan Negeri.

Sekiranya cadangan yang munasabah dan wajar ini tidak diterima kerana Barisan Nasional yang menguasai majoriti sembilan persepuluh di Parlimen boleh melakukan apa yang disukainya, termasuk mengoyakkan apa yang berakar umbi di dalam peruntukan-peruntukan Perlembagaan sama ada melindungi kuasa-kuasa *prerogative* semua negeri atau hak asasi manusia rakyat Malaysia maka Ahli-ahli Parlimen DAP tidak ada pilihan lain melainkan mengundi menentang Rang Undang-undang Pindaan Perlembagaan 2004 ini sungguhpun kami bersikap terbuka terhadap pengurusan air yang lebih efisien, cara menangani isu-isu warisan yang lebih sesuai serta meningkatkan usia bersara para hakim dari 65 ke 66.

Tuan Yang di-Pertua, semalam Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berkata bahawa mana-mana orang tidak harus takut dengan kebebasan kaum wanita kerana ia memanfaatkan manusia dan masyarakat pada keseluruhannya dan pengiktirafan hak wanita sama ada Islam atau bukan Islam, harus dianggap sebagai salah satu dari sepuluh prinsip Islam Hadhari membolehkan mereka mencapai status yang sepatutnya. Sungguhpun Yang Amat Berhormat telah mengeluarkan kenyataan seperti ini, nampaknya masih ada ramai yang berasa kurang senang dengan pembebasan dan pemberian kuasa kepada wanita untuk mencapai tahap tertinggi dalam masyarakat kita dan mungkin inilah satu sebab utama kenapa tidak seorang pun wanita yang menduduki mana-mana dari tiga jawatan kehakiman tertinggi di negara ini sungguhpun adalah calon yang sesuai.

Kini telah dua bulan sejak Tan Sri Haidar Mohamed Noor bersara sebagai Ketua Hakim Malaya pada 8 November, tetapi masih belum dilantik penggantinya.

Kelambatan melantik orang baru untuk mengisi kekosongan ke jawatan kehakiman utama yang luar biasa ini adalah sesuatu yang tidak boleh diterima dan tidak menggambarkan sifat efisien, keberkesanan dan profesionalisme sistem pentadbiran keadilan kita khasnya tarikh persaraan seseorang hakim memang boleh dijangka dari awal-awal lagi.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang: Adakah kelambatan untuk melantik Ketua Hakim ini ada kaitannya dengan pindaan Perlembagaan untuk meningkatkan usia bersara para hakim dari 65 tahun ke 66 tahun?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kinabatangan, boleh beri laluan?

Tuan Lim Kit Siang: Ya.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Yang Berhormat bagi Ipoh Timur, Tuan Yang di-Pertua, saya masih bingung dengan pendirian Ketua Pembangkang. Saya mahu tanya, apakah Yang Berhormat bagi Ipoh Timur mengiktiraf perbahasan kita pada hari ini sebab bagi persepsi Yang Berhormat bahawa apa yang dicadangkan oleh kerajaan tidak berperlembagaan tetapi Yang Berhormat masih menyertai dalam *debate*, dalam perbahasan. Ini bermakna Yang Berhormat juga bagi persepsi Yang Berhormat, menyertai dalam *illegal forum*. Jadi bagaimana penjelasan Yang Berhormat? Minta penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang: Yang Berhormat bagi Kinabatangan boleh terus bingung, boleh terus bingung [*Ketawa*] Balik faham dan fikir kenapa begitu. Saya mahu teruskan. Balik dan terus fikir mengenai perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ketua Hakim Negara, Perdana Menteri dan Persidangan Majlis Raja-raja – tiga pihak yang secara langsung terlibat dalam proses membuat keputusan mengenai pelantikan kehakiman kanan – haruslah mempertimbangkan secara adil untuk melantik hakim Datuk Siti Norma Yaakob, seorang hakim Mahkamah Persekutuan yang paling kanan yang telah tiga kali dilangkaui untuk promosi ke tiga jawatan kehakiman paling tinggi di negara ini menjadi Ketua Hakim Malaya yang baru demi menghapuskan persepsi ketakutan dan tentangan melantik wanita ke jawatan kehakiman tertinggi tanah air kita.

Siti Norma yang berusia 64 tahun telah dilantik ke baris kehakiman 21 tahun yang lalu dalam bulan April 1983 dan merupakan wanita pertama yang dilantik ke

Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan dan beliau berhak menerusi kekananannya dan pengalamannya dipertimbangkan untuk menjawat salah satu dari tiga jawatan kehakiman tertinggi di negara ini iaitu Ketua Hakim Mahkamah Persekutuan, Presiden Mahkamah Rayuan dan Ketua Hakim Malaya yang turut dikosongkan pada masa yang berlainan dalam tempoh lima tahun yang lepas dan keputusan seperti ini akan menandakan satu kejayaan cemerlang untuk kaum wanita di Malaysia.

Siti Norma sebenarnya lebih berpengalaman dan senior dari Ketua Hakim Mahkamah Persekutuan, Tan Sri Ahmad Fairuz Sheikh Abdul Halim yang hanya dilantik menjadi hakim dalam bulan Ogos 1990 dan Presiden Mahkamah Rayuan, Datuk Abdul Malek Ahmad yang dilantik menjadi Hakim Mahkamah Tinggi dalam bulan Mac 1992.

Sehubungan dengan ini, saya ingin merujuk kepada memorandum Majlis Peguam yang dikemukakan kepada Ketua Hakim Negara pada bulan Oktober 2002 mengenai "Pelantikan Kehakiman di Malaysia", yang menggariskan kriteria-kriteria dan prinsip-prinsip pelantikan kehakiman demi memastikan wujudnya kecemerlangan dan kebebasan kehakiman, iaitu;

- (i) mesti dikenal pasti proses yang jelas dalam pemilihan dan pelantikan;
- (ii) mesti dikenal pasti kriteria yang jelas dalam menilai seseorang calon;
- (iii) proses pelantikan mestilah bebas;
- (iv) pelantikan mestilah berdasarkan merit;
- (v) pelantikan mestilah kekas dan sekurang-kurangnya tertakluk kepada jaminan jawatan yang sewajarnya.

Memorandum Majlis Peguam yang menghujahkan kualiti-kualiti penting dan perlu untuk seorang hakim seperti berikut;

- (a) Keupayaan perundangan
 - (i) kelayakan dan pengalaman profesional;
 - (ii) pengetahuan mendalam dalam undang-undang dan pengalaman dalam pemakaiannya;
 - (iii) kualiti tinggi sebagai peguam pada keseluruhannya.
- (b) Kekuatan peribadi
 - (i) Kejujuran dan integriti peribadi;

- (ii) Kejujuran intelektual, tidak berat sebelah, berfikiran terbuka dan mempunyai kehakiman yang baik;
 - (iii) Berbudi bahasa, berkesabaran dan mempunyai keupayaan untuk mendengar;
 - (iv) Stamina, ketekunan dan komitmen terhadap kerja dan tugas;
 - (v) Kesedaran sosial dan penghayatan terhadap kepelbagaian dalam masyarakat;
 - (vi) Keinginan kuat untuk bertindak adil dan kesedaran tajam tentang keperluan untuk mengurangkan pengaruh peribadi dalam membuat keputusan.
- (c) Kemahiran peribadi
- (i) kejelasan dan kejituan dalam pernyataan dari segi lisan dan tulisan;
 - (ii) keupayaan untuk menyerap dan menganalisa bahan fakta dan perundangan yang rumit dan bertentangan;
 - (iii) kualiti pengurusan dan kepimpinan.
- (d) Kualiti penghakiman
- (i) boleh dipercayai untuk melaksanakan budi bicara dan kuasa kehakiman secara bertanggungjawab;
 - (ii) keupayaan untuk menghadapi apa-apa campur tangan terhadap kebebasannya – rekod peribadi yang sempurna dan tidak menjadi mangsa kepada campur tangan sedemikian.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai kenaikan pangkat kehakiman, Memorandum Majlis Peguam menegaskan bahawa ia harus berdasarkan merit dan kriteria sama ada untuk pelantikan kehakiman. Selanjutnya, *seniority* harus pada lazimnya menjadikan pertimbangan utama dan sekiranya ada penyimpangan daripada prinsip ini perlulah untuk ada keadaan luar biasa.

Seandainya Hakim Siti Norma diketepikan sekali lagi daripada kenaikan pangkat kehakiman dan dikecualikan daripada tiga jawatan kehakiman tertinggi, Parlimen dan negara berhak diberikan penjelasan mengenai keadaan luar biasa di mana kekananan dan pengalaman beliau berulang kali dipinggirkan.

Memandangkan ini adalah pindaan Perlembagaan pertama yang menjejaskan badan kehakiman di bawah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan mengambil

kira krisis keyakinan yang telah membelenggu sistem kehakiman selama satu setengah dekad sejak tahun 1988, sudah tentu seseorang akan mengharapkan ianya suatu pindaan amat penting sekali untuk memulihkan sepenuhnya dan meningkatkan keyakinan awam baik di dalam atau di luar negara dalam kecekapan, profesionalisme, kebebasan, kesaksamaan dan integriti badan kehakiman.

Amat mengecewakan bahawa tiadanya pindaan Perlembagaan sedemikian untuk memulihkan sepenuhnya keyakinan negara dan antarabangsa dalam badan kehakiman yang benar-benar bebas dan kedaulatan undang-undang dikemukakan kepada Parlimen. Pada hakikatnya, Majlis Peguam tidak pernah dirundingi atau diberitahu tentang Rang Undang-undang Pindaan Perlembagaan 2004 sungguhpun ia berkenaan dengan perkara-perkara kehakiman dan Perlembagaan.

Tiada kemajuan dilakukan dalam pembaharuan kehakiman, misalnya meletakkan kriteria dan prinsip jelas untuk pelantikan dan kenaikan pangkat kehakiman seperti yang disarankan oleh Majlis Peguam dan syor-syor ini agar satu Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman ditubuhkan yang mana berdasarkan garis-garis panduan Latimer House 1998 untuk pembaharuan kehakiman Komanwel malahan segala perbincangan tentang kajian semula pengemaskinian Kod Etika Kehakiman telah berakhir. Negara tidak boleh berpura-pura bahawa episod gelap badan kehakiman dekad lalu tidak berlaku ataupun tidak mungkin kembali.

Parlimen dan negara mempunyai tanggungjawab untuk memastikan sistem keadilan di Malaysia tidak mengalami kemerosotan sebegitu teruk yang mana sehingga kali ini masih belum dipulihkan. Suatu suruhanjaya siasatan diraja untuk memulih sepenuhnya keyakinan negara antarabangsa dalam sistem keadilan di Malaysia mesti ditubuhkan sebagai satu agenda utama negara dan saya menggesa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk memberikan hal ini dalam sokongan dan keutamaan penuh beliau, sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila, Dungun.

11.21 pg

Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya pertamanya hendak merakamkan ucapan terima kasih dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri khasnya dan kepada Kerajaan Persekutuan amnya kerana telah secara pragmatik dan secara bersungguh-sungguh telah dapat mencadangkan satu

rang undang-undang pada hari ini yang melibatkan tiga perkara di dalam Perlembagaan Persekutuan yang mana mungkin menjadi isu yang terpenting ialah isu pengambilalihan pengurusan air. Sedikit sebanyak berkongsi kuasa dengan pengurusan air yang telah dijalankan oleh Kerajaan Negeri-Kerajaan Negeri di Semenanjung khususnya yang mana Sabah dan Sarawak tidak dimasukkan di dalam meminda perlembagaan tentang air ini.

Tuan Yang di-Pertua, macam-macam tuduhan boleh dilakukan, tadi kita ada dengar Ipoh Timur sebagai Ketua Pembangkang. Jadi orang Terengganu dia ada 'Ng' sedikit, tidak mengapakah ya Tuan Yang di-Pertua ya, sedikit sahaja, Tuan Yang di-Pertua pun cakap Perak juga sekali-skala.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Tuan Yang di-Pertua, isu air ini memang telah menjadi isu yang agak tidak mempunyai persamaan tentang pengurusan air di tiap-tiap negeri. Pertamanya apabila kita melihat bagaimana caj air ini kepada penggunaan dan kepada rakyat kita tidak mempunyai harga yang sama di antara negeri kepada negeri. Yang keduanya adalah keupayaan pengurusan, syarikat-syarikat bekalan air ataupun Jabatan Bekalan Air di negeri-negeri juga tidak mempunyai mutu dan persamaan di antara negeri kepada.....

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Larut, Larut bangun Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Minta laluan, minta sedikit.

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Cepatnya!

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Setiausaha, Timbalan Pengerusi hendak bertanya sedikit.

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Ya, boleh sila, sila.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Saya, masa tadi pun tidak mahu dengar Ipoh Timur berkata tadi itu, dia protes, dia bantah tetapi dia mengambil

bahagian di dalam perdebatan. Kita kalau tidak bersetuju jangan berbahas, malu cari publisiti murah.

Soalan saya Yang Berhormat, saya ingin tahu keadaan air di Terengganu, Kelantan itu mungkin Kelantan akan jawablah, sewaktu berada di tangan pembangkang dengan keadaan sekarang yang telah pun diambil alih oleh rakan-rakan kita di Barisan Nasional yang diketuai dan dipimpin oleh Menteri Besar termasuk Yang Berhormat sendirilah mewakili Kerajaan Terengganu. Mana yang lebih baik adakah jelas menampakkan bahawa di bawah tangan Barisan Nasional ini pengurusan air di Terengganu khususnya akan bertambah baik, lebih jernih, lebih cantik daripada semasa di perintah oleh pembangkang? Terima kasih.

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Terima kasih Timbalan Pengerusi, bos saya jadi dia tanya. Masalah ini saya akan cerita kemudian sedikit boleh ya? Dalam ucapan saya nanti.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita bercakap tentang pengurusan air ini ia agak sensitif dan sebab itulah apabila kita lulus pindaan perlembagaan nanti ianya berkemungkinan akan ada beberapa rang undang-undang dan akta yang berkaitan dengan pengurusan air yang sepatutnya pada hari ini juga harus dilihat oleh beberapa kementerian yang bukan sahaja berkaitan dengan pengurusan air.

Jadi dalam hal ini saya berpendapat dan saya menyokong usaha-usaha ini kerana kita tahu bahawa apabila pengurusan air akan diurus oleh sebuah suruhanjaya yang akan dicadangkan nanti ianya berupaya dapat meningkatkan mutu pengurusan air supaya sasaran penggunaan dan juga segala urusan yang berkaitan dengan kos penyediaan teknikal dan sebagainya akan dapat diseragamkan di seluruh negara dan hal ini menampakkan kewibawaan kerajaan kita iaitu Kerajaan Barisan Nasional yang DAP ini tidak payah susah-susah, dia pun tidak ada satu negeri pun kalau PAS boleh tahan sedikit kalau dia hendak pertikaikan di Kelantan. Memang air di Kelantan baru-baru ini memang berkarat sedikit saya pergi, ada dua tiga hotel saya pergi berkarat sedikit. Kebetulan pula kita meraikan kehadiran Yang Berhormat ADUN-ADUN Barisan Nasional daripada Kelantan yang datang pada hari ini yang ada di sini boleh dengar, Insya-Allah kita akan pergi Back Benchers sokong kawan-kawan kita di Kelantan untuk mengambil alih pengurusan ini dan Insya-Allah Dato' Mustafa sebagai salah seorang pemimpin kita akan cuba menguruslah di antara Ahli-ahli Parlimen untuk

pergi ke Kelantan membantu kerajaan pusat dalam menguruskan hal ehwal kepentingan rakyat Insya-Allah.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengingatkan kepada kerajaan isu-isu seperti ini mungkin indah tetapi amat sukar untuk dilaksanakan selepas ini. Sebab itu kalau kita tengok bagaimana masalah tol, umpamanya tol jalan raya ini...

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Duduk, duduk...tol jalan raya sekarang ini susah, jadi saya minta selepas ini apabila ada akta baru kita akan bincang di parlimen dan apabila mahu berlaku apa-apa pengurusan yang melibatkan apa yang kita namakan kepentingan rakyat, saya berharap kerajaan melalui SPAN akan senantiasa berunding dengan Parlimen terutama sekali dalam pengurusan ataupun dalam keputusan-keputusan kenaikan tarif air di negara kita. Jadi kita tidak hendak kerana kita telah membina kecekapan tetapi akhirnya kita juga menaikkan sewenang-wenangnya harga air untuk kegunaan rakyat. Kerana akhirnya kita akan berhadapan dengan suatu keadaan yang memalukan sebenarnya. Sebab itu saya berharap selepas ini kerajaan benar-benar peka supaya ianya.....

Datuk Bung Moktar bin Raden [Kinabatangan]: *[Bangun]*

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Dungun ada dua yang bangun, Kinabatangan dengan Tangga Batu.

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Dua-dua pun bolehlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Macam mana hendak bagi ini, salah seorang sahaja.

Datuk Bung Moktar bin Raden: Salah satu.

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Hah! Okey, orang jauh dahulu, Melaka dekat sahaja. *[Ketawa]*

Datuk Bung Moktar bin Raden: Terima kasih Yang Berhormat Dungun. Yang Berhormat, kita telah mengalami trauma, masyarakat di sebelah pantai sana trauma fasal Tsunami tetapi masyarakat seluruh negara trauma fasal kenaikan harga tol. Tidak boleh dibendung, tiap-tiap tiga tahun dia mesti naik, jadi ini merupakan satu pengajaran bahawa kerajaan tersilap langkah ke arah memberi kontrak konsesi tol kepada syarikat-syarikat yang telah diamanahkan.

Jadi apakah Yang Berhormat mencadangkan kepada kerajaan bahawa pada masa ini mereka yang diberi konsesi melaksanakan rawatan air, perjanjian ini kerajaan tidak silap. Ini bermakna kerajaan harus telus termasuk mungkin memasukkan di mana kerajaan berhak mengaudit mana-mana syarikat yang diamanahkan pendapatan mereka sebab macam tol ini kerajaan tidak boleh mengaudit pendapatan mereka dan tiap tiga tahun naik. Sedangkan perjanjian awal kalau saya tidak silap bahawa lebih kurang dianggarkan pengguna kenderaan 160,000 satu hari, perjanjian dahulu. Sekarang meningkat pergi ke 1 juta lebih penggunaan jalan raya tetapi masih rugi, kenapa pengusaha-pengusaha konsesi tol tidak memulangkan lebih kereta yang melalui kepada kerajaan kenapa dia harus dinaikkan pula tarif tiap-tiap tiga tahun. Jadi kita mahu air ini jangan begini, minta Yang Berhormat jelaskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat sila.

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Saya jawab seorang ya? [*Sambil pandang ke arah Yang Berhormat Kinabatangan*] Saya sebenarnya bersama-sama dengan rakan-rakan, sebenarnya kita apabila kerajaan *front bench* dengan *back bench* kita satu sebenarnya. Dalam Parlimen menyuarakan untuk kepentingan rakyat, kita kena berhemah dalam perkara ini, apabila ada di antara ahli-ahli Dewan Rakyat dan ahli-ahli Parlimen menyatakan bahawa kita tersilap kita jangan *bulldoze*, ini pendapat yang mewakili rakyat.

Masalah tol tadi saya tak hendak komen banyak. Tetapi walaupun ianya dilihat silap, apakah kerajaan yang mempunyai authority tidak boleh review. Kalau kita dalam keadaan power atau berkuasa ini kita tidak boleh meminda kerana terikat dengan kontrak, *contract subject to review*. Tidak ada masalah. Kalau ini merupakan pendapat ramai kerana kesilapan kerajaan membuat aturan dan perjanjian dengan pihak konsesi atau pihak operator maka kita boleh review tidak ada masalah. Mengapakah kita harus bulldoze perkara ini kita terpaksa kerajaan menanggung dan sebagainya.

Jadi kita memberi amaran perkara-perkara seperti ini supaya tidak dilakukan oleh agensi-agensi tertentu supaya ianya tidak menimbulkan salah faham di antara kita kerana matlamat kita selain daripada untuk mewujudkan keselesaan kepada rakyat juga kita harus melihat kebijaksanaan kita dalam mengurus dan ini akan

menggambarkan integriti front bench kerajaan apabila kita menilai sebagai back bench. Yang Berhormat Menteri, saya rasa saya sudah menyokong pandangan dan saya rasa air tidak akan berulang.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, dalam hal-hal seperti ini apabila kita melihat dalam isu air ini dan ianya saya yakin dari segi susunan strukturnya, dari segi pengeluaran lesennya sebagaimana Yang Berhormat Menteri katakan tadi dari segi kawalan kualiti, penguatkuasaan, piawai dan standardnya serta sasaran yang dikehendaki oleh SPAN yang akan kita wujudkan, insya-Allah ianya akan menjamin suatu bentuk pengurusan air yang lebih baik dengan menggunakan beberapa teknologi-teknologi baru yang seragam di seluruh Semenanjung, insya-Allah dan.....

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: *[Bangun]*

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: *[Bangun]*

Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, yang bangun tadi.

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Tangga Batu dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tangga Batu, sila.

Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat: Alah, tidak ada.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Dungun. Ini bos juga ini. Untuk makluman Yang Berhormat Dungun selain daripada memberikan perhatian kepada ADUN-ADUN Kelantan, kita juga ada ADUN-ADUN Melaka yang sempat bersama kita pada pagi ini di mana ADUN-ADUN Melaka ini sebenarnya datang untuk sekurang-kurangnya meletakkan satu sandaran di hadapan mereka trauma ketiadaan ataupun ketandusan bekalan air di melaka pada tahun 1993 tidak berulang lagi.

Yang Berhormat Dungun, soalan saya ataupun penjelasan yang saya perlukan daripada Yang Berhormat Dungun adalah lebih kurang begini bentuknya. Kalau kita lihat pada lewat tahun 1800 kemudian pada awal 1900 kita mempunyai satu sistem perbekalan air yang disediakan oleh pihak-pihak berkuasa tempatan, majlis-majlis daerah atau majlis-majlis perbandaran. Kemudian selepas daripada itu pihak berkuasa negeri mengambil alih kuasa perbekalan air kepada pengguna-pengguna dan kita lihat kualiti kepada perkhidmatan ini makin dipertingkatkan. Adakah dengan perkongsian kuasa perbekalan air di peringkat Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri nanti

akan membawa kepada peningkatan perkhidmatan yang lebih berkualiti, Yang Berhormat Dungun.

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Terima kasih sahabat saya. Saya minta maaf terutama sekali kehadiran Yang Berhormat ADUN-ADUN dari Melaka, tengah hari ini pukul 1.00 jemput makan di tingkat atas semua sekali ya. Boleh beritahu ya, bersama-sama dengan pengerusi back benchers kita.

Tuan Yang di-Pertua, masalah pengurusan air saya rasa kita sudah faham semua dan berkemungkinan ianya akan dijalankan. Sebab itulah kita mengingatkan dari masa ke semasa tentang beberapa perkara tadi dan saya berkeyakinan isu ini dan kaedah ini dapat diatasi oleh Kerajaan Pusat.

Perkara ini timbul adalah kerana ada ketidaksamaan di dalam pengurusan air di negeri-negeri terutama sekali dalam hal ehwal tarif dan juga perkara-perkara yang boleh pinjaman mudah yang diberikan oleh Kerajaan Pusat. Secara accumulated keseluruhan negeri sebagaimana Yang Berhormat Menteri umumkan tadi lebih kurang RM7.5 bilion.

Jadi perkara ini tidak dapat diselesaikan dan kita tahu income atau pendapatan kerajaan negeri tidaklah sebanyak mana kalau dibandingkan dengan pendapatan Kerajaan Pusat. Sebab itulah oleh kerana kita mempunyai majoriti negeri-negeri dan Kerajaan Pusat kita mempunyai persamaan dari segi perjuangannya iaitu melalui Barisan Nasional, saya berkeyakinan perkara ini dapat diatasi dengan lebih baik. Cuma saya ingin mengingatkan sekiranya kita berada di negeri sebagai Menteri besar atau Exco, apakah, constrain ,atau halangan kepada kita apabila kita berhadapan dengan isu air seperti ini. Kita perlu faham apabila kita bercakap air cuma kita mengambil alih daripada loji rawatan kepada pengguna kemudian kita membiarkan constrain itu kepada kerajaan Negeri maka kita terpaksa meminta kerajaan negeri menyediakan hutan simpan yang sesuai dengan terletaknya beberapa tadahan air supaya mutu air dan jumlah air yang akan diurus melalui loji rawatan nanti akan bersesuaian dengan volume ataupun isi padu yang dikehendaki oleh tiap-tiap loji rawatan.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada tiga yang bangun Yang Berhormat.

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Boleh saya habiskan sekejap? Sekejap, sekejap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia belum bagi Yang Berhormat. Sila duduk.

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Ini tengah point tidak habis lagi. Sekejap sahaja, sekejap.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Menyampuk]*

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Jadi Tuan Yang di-Pertua.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila duduk Sri Gading, dia belum bagi lagi.

Datuk Rosli bin Mat Hassan: ...pada hari ini saya memohon kerajaan Pusat memikirkan constrain dan halangan yang akan dihadapi oleh kerajaan negeri. Kita minta kerajaan Negeri buat hutan simpan kekal dan ada tadahan air yang sesuai. Kalau saya Menteri Besar apabila saya berhadapan dengan masalah, sumber saya hanya tanah, hanya hutan, hanya sedikit-sebanyak sungai yang ada ikan yang tidak seberapa.

Maka itulah constrain saya di peringkat negeri kerana saya diarahkan untuk menyediakan suatu jumlah hutan simpan yang agak besar. Saya perlukan wang untuk bangunkan negeri maka terpaksa saya mengeluarkan balak. Ini berlaku bukan kerana politik tetapi berlaku di mana Kerajaan Terengganu dahulu - sekarang ini banyak mana penebangan-penebangan empat tahun tiga bulan dahulu. Kelantan saya sudah tahu lebih banyak daripada Terengganu....

Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kuala Krai bangun.

Datuk Rosli bin Mat Hassan:kerana dia tidak ada....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada yang bangun Yang Berhormat.

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Sedikit lagi, sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia belum bagi Yang Berhormat, sila duduk dahulu.

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Sekejap sahaja. Sekejap lagi. Saya hendak habiskan ini supaya Kerajaan Pusat mengambil perhatian berat dalam hal ini. Sebab itu saya hendak mencadangkan kepada kerajaan melalui beberapa kementerian yang mempunyai apa yang dinamakan kuasa hutan simpan ini. Walaupun di peringkat nasional, di peringkat kebangsaan kita ada dinamakan dasar perhutanan negara tetapi akhirnya kuasa mengeluarkan permit dan lesen membalak ini bukan di bawah kerajaan Pusat.

Jadi saya mencadangkan kepada Kerajaan Pusat supaya Kerajaan Pusat menyediakan satu dana yang cukup untuk diserahkan kepada kerajaan negeri. Apabila kita minta kerajaan-kerajaan negeri supaya menyediakan satu kawasan hutan simpan yang boleh menyediakan tadahan air yang mencukupi, yang baik maka satu bentuk revenue ataupun royalti harus dibayar kepada kerajaan-kerajaan negeri.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sri Gading bangun Yang Berhormat.

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Dengan cara itu saya berkemungkinan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia belum bagi Yang Berhormat. Sila duduk dahulu.

Datuk Rosli bin Mat Hassan:Kerajaan Pusat dengan senang hati boleh mereservakan hutan-hutan simpan ini dalam bentuk yang mungkin bukan harga pasaran tetapi dalam bentuk harga-harga yang boleh dirunding....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila duduk dahulu Yang Berhormat. Dia belum bagi.

Datuk Rosli bin Mat Hassan:di antara kerajaan negeri dan kerajaan Pusat. Kalau ini dapat dilakukan oleh Kerajaan Pusat maka saya berkeyakinan Kerajaan-kerajaan Negeri akan tidak meletakkan priority untuk mengeluarkan permit dan lesen kepada pembalok-pembalok. Mereka juga adalah rakan kita di negeri-negeri yang juga seperti kita untuk melihat dapat berkhidmat kepada rakyat kepada keseluruhannya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Okey.

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Okey.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: [Ketawa].

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sri Gading, Sri Gading. Kuala Krai tunggu dahulu.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Yang Berhormat Dungun ini hebat. Hebat sahabat saya ini. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Akhirnya usul ini akan lulus. *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Akan lulus. *[Ketawa]* Yang Berhormat Datuk Radzi, Datuk Seri Lim Keng Yaik jangan bimbanglah, luluslah. Yang menjadi masalah yang kita suarakan dan ini saya hendak beritahu kerajaan. Apabila Ahli-ahli Parlimen membahaskan perkara-perkara ini sebenarnya dia datang daripada lubuk hati rakyat di bawah. Di bawah Tuan Yang di-Pertua. Cerita air cerita yang penting kerana ada kaitan dengan kehidupan. Tidak boleh hidup kita Tuan Yang di-Pertua kalau tidak ada air. Air penting. Sumber yang penting dalam kehidupan manusia. Mahu tidak mahu kita menggunakan air. Minumnya, makannya, mandinya....

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Basuhnya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:basuhnya. Macam Dungun mungkin mandi empat kali satu hari. Terpujanglah tengok keadaan. Ada orang boleh mandi sekali sahaja. Macam saya kena dua kali mandi sehari. *[Ketawa]* Bergantung kepada keperluan. Maknanya air itu tidak boleh dipisahkan daripada kehidupan. Irama dan lagu tidak akan mungkin dipisahkan. Soalannya, soal yang ditanya-tanya, yang ditakuti oleh rakyat ialah tarif air ini akan meningkat. Ini yang ditakuti. Macam kita tol. Saban tahun 450,000 kenderaan akan didaftarkan tetapi tol tetap naik.

Rakan-rakan kita kata kerajaan ditipu, kerajaan diperbodohkan, kita kena bayar. PLUS bukan main untung, untung, untung. Ini besok syarikat air akan menggunakan pelbagai alasan hendak naikkan takrif. Yang terbeban ialah rakyat.

Dalam taklimat semalam tidak ada seorang pun Menteri yang berani menjamin bahawa harga tarif air ini tidak akan dinaikkan. Ini yang dibimbangkan. Soal hendak membuat pengurusan air yang lebih baik, kita sokong. Tetapi itulah nanti. Nanti adalah Menteri cakap, *"Hey rakyat! Engkau hendakkan perkara yang lebih baik, perkhidmatan yang baik, mutu yang baik, kena bayar lebih."* Itulah alasan Menteri.

Mereka waktu menjawab sedikit pun tidak menyebelahi rakyat, dia menyebelahi bagaimana sebenarnya menghalalkan harga tunai. Ini kita takut. Cakap-cakap, terkena tol nanti. Tetapi yalah, nanti Dato' Seri kata bukan mengenai kementeriannya, jadi tidak boleh hendak cakap di sini., Tetapi saya akan bercakap jugalah.

Jadi, Yang Berhormat bagi Dungun.....

Datuk Rosli bin Mat Hassan: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Minta penjelasan, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ya! Sampai penjelasanlah ini. Akan sampai penjelasanlah ini. Yang Berhormat bagi Dungun.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat boleh berucap selepas ini.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Yang kita kehendaki di dalam Dewan ini ialah bagaimana perkhidmatan yang baik, mutu air yang bersih

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Bil yang dibaca tiap-tiap bulan, rakyat akan mendapat kemudahan yang lebih kerana Kerajaan Persekutuan sudah mengambil alih, jaminan bahawa tarif air tidak akan membebankan pengguna. Apa jaminan? Kalau Yang Berhormat bagi Dungun boleh memberi jaminan. Kalau boleh, kalau tidak boleh tak usah jawablah soalan saya ini!

Terima kasih. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih daun keladi, saya bangun bagi lagi!

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Terima kasih, kakanda. Tuan Yang di-Pertua, memanglah air ini penting. Dalam badan kita pun 90% tergolong daripada pengurusan air. Jadi kita pun kena guna air. Tidak ada air, tidak jadi kita, Tuan Yang di-Pertua.
[Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua, saya setuju masalah tarif dan kalau boleh selepas ini, apabila proses pentadbiran dapat diselesaikan, saya minta Kerajaan Persekutuan melalui SPAN, kalau boleh berapakah jumlah air satu kubic meter yang terendah yang ada di negeri. Kalau boleh kerajaan pusat melalui SPAN mengisytiharkan harga air ini lebih rendah daripada yang terendah yang dilakukan di dalam tiap-tiap negeri sekarang ini. Barulah ada kewibawaan kita.

Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Kuala Krai bangun.

Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat: Sedikit sahaja, Yang Berhormat Datuk.

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Saya baru hendak *start* ini.

Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat: Sebab Yang Berhormat Datuk sebut SPAN tadi. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat bagi Kemaman yang begitu hebat.

Seorang Ahli: Yang Berhormat bagi Dungun!

Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat: Yang Berhormat bagi Dungun, Dungun. Maaf sebab Yang Berhormat bagi Kemaman yang bawa tadi. Saya mengalu-alukan kedatangan rombongan kami daripada Kuala Krai, Kelantan yang diketuai oleh Datuk Anwar Musa dan Yang Berhormat-Yang Berhormat semua. *[Tepuk]* Inilah satu contoh teladan yang ditunjukkan oleh Kelantan betapa ia hendak menjadi Terengganu, hebat sekali. *[Tepuk]*

Penjelasan Yang Berhormat bagi Dungun tadi tidak berapa jelas. Saya hendak Yang Berhormat bagi Dungun jelaskan lagi dengan terang kerana dia baru sahaja menang daripada PAS ke Barisan, jadi tunjukkan betul-betul sebab Kelantan ini, yang mari ini wakil-wakil rakyat, jadi jelaskan dengan panjang lebar. Okay.

Yang kedua, mengenai dengan SPAN yang telah disuarakan oleh Yang Berhormat Datuk, saya bersetuju sangat-sangat kerana penubuhan SPAN, Suruhanjaya Air Negara perlu dilantik daripada pakar-pakar yang handal. Kita tidak hendak jadi seperti yang ada dalam TNB, di mana baru-baru ini Perdana Menteri sendiri, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi telah datang awal-awal lagi untuk hendak membetulkan ini dan kita tidak mahu jadi dalam air seperti ini.

Dalam Ahli Lembaga Pengarah TNB, tahu tidak? Tidak ada pakar di situ! Tidak ada satu *engineer* pun di situ! Saya harap perbetulkan ini, supaya pihak TNB tidak berulang lagi seperti mana yang berlaku dan kita harap air pun tidak jadi macam ini. Sebelum dilantik SPAN yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Dungun tadi, kita hendak terdiri daripada pakar-pakar. Sekurang-kurangnya beberapa *engineer* yang ada di situ, barulah dapat menyelesaikan masalah ini dengan baik. Setuju tidak, Yang Berhormat bagi Dungun, sebagaimana yang saya hendak ini? Terima kasih.

Beberapa Ahli: Setuju.

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Saya kurang setuju. *[Ketawa]* Kalau boleh SPAN ini, *whatever*, kalau boleh lantiklah dari kalangan Ahli Parlimen. Yang Berhormat bagi Sri Gadingkah, Yang Berhormat bagi Kelantankah, Yang Berhormat

bagi Jeraikah. Saya tidak payah, fasal saya berfikir hendak jadi benda lain selepas ini. *[Ketawa]* Barulah ada *political decision*. Ada masalah kita boleh selesaikan dengan Menteri. Yang pakar-pakar ini biar duduk di bawah, di pengurusan. Ha! Itu kalau boleh.

Saya kurang setuju sedikit. Pakar-pakar ini kadang-kadang yang pening kita ini kerana pakar tidak ada *political* yang mewakili rakyat, boleh menyelesaikan masalah di peringkat polisi dan dasar. Jadi, orang yang paling layak, Menteri tidak payah pegang, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen. Ahli Parlimenlah patut jadi pengerusi.

Tuan Salahuddin bin Ayub: *[Bangun]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dua orang Ahli bangun, Yang Berhormat. Yang Berhormat bagi Kubang Kerian dan Yang Berhormat bagi Jerai.

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Bagi yang dekat dululah. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia beri jiran dahulu, Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Yang Berhormat bagi Dungun, saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat bagi Dungun hendak tubuhkan SPAN. Saya takut SPAN itu akan jadi *sponge*, bila jadi *sponge* dia hisap habis! *[Ketawa]* Jadi, hak inilah yang kita hendak kena fikir, Yang Berhormat. Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Menteri. *[Bercakap loghat China]* Jadi lembaga pengarah untuk kita monitor. Tidak beri elaun pun tidak apa cuma *transport* sahaja kena bayarlah, dia *meeting*, itu kena bayarlah, kalau tidak bayar susah kita mahu kerja.

Jadi, adakah Yang Berhormat bersetuju dengan pandangan saya supaya kita letakkan Ahli Parlimen ini sebagai untuk membantu kerajaan menjadi *mission* daripada rakyat. Kalau rakyat tidak bersetuju, kita bagi tahu sama Menteri yang rakyat tidak bersetuju. Kerana kadang-kadang di Kedah harga 35 sen tetapi di Johor Bahru 95 sen. Apa fasal beza-beza? Jadi, dia mahu sama satu Malaysia. Jadi, apakah Yang Berhormat bersetuju dengan pandangan saya, sebelum saya berucap sekejap lagi? Terima kasih.

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Terima kasih, saya sudah kata tadi di peringkat awal. Terima kasih, Datuk. Masalah ini memang masalah kadang-kadang kita memberi amaran awal. Yang menjadi Tsunami ini kerana kita tidak tahu amaran awal, tidak ada *early signal*, *early warning* tidak ada. Sekarang kita ini proaktif, kita beritahu awal supaya sejarah beberapa isu lain tidak akan berulang lagi, sementara kita menjadi pemimpin.....

Tuan Salahuddin bin Ayub: *[Bangun]*

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Sila, sila.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Kubang Kerian.

Tuan Salahuddin bin Ayub: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat bagi Dungun tadi mengatakan bahawa Tsunami berlaku tidak ada amaran awal. Saya setuju. Dalam kes pindaan kepada Perlembagaan yang kita bincangkan pada pagi ini, saya rasa telah ada amaran awal iaitu PLUS yang Yang Berhormat bagi Dungun juga tadi mengatakan bahawa kita hendak beri amaran awal kepada Menteri. Menteri ada depan saya ini, depan kita semua.

Apakah jaminan bahawa setelah dapat kuasa, setelah Parlimen memberikan kuasa ini tidak ada satu diskriminasi kepada negeri-negeri, dan tidak akan menaikkan tarif air secara berleluasa? Saya hadir bersama dengan rakan-rakan yang lain dalam satu taklimat PLUS pada 21 Disember yang lalu. Saya bertanya kepada PLUS, Tuan Yang di-Pertua, kalaulah pada 1 haribulan bulan 1 ini, PLUS tidak menaikkan harganya ataupun kadarnya kepada 10%, adakah PLUS masih dapat keuntungan? PLUS jawab, "Ya!". Dia masih boleh mendapat keuntungan.

Jadi, jawapannya ialah kerana kontrak, kerana perjanjian pihak PLUS dengan pihak kerajaan. Tadi Yang Berhormat bagi Dungun mengatakan bahawa perkara itu tidak sepatutnya berlaku. Majoriti yang ada, kuasa yang ada sepatutnya kerajaan boleh buat *override*, boleh buat *ruling*, boleh buat *review* terhadap harga tol. Saya bimbang sahabat saya, Yang Berhormat bagi Dungun, bahawa ada satu pantun orang bercinta.

Nyiur gading puncak mahligai;

Saya ketupat berisi inti;

Hancur daging tulang berkecai;

Belum dapat belum berhenti.

Itu belum dapat tetapi kalau sudah dapat Ahli Parlimen ini, Backbenchers menentang kenaikan harga tol 10%, kita buat dialog dengan PLUS, kita tentang, rakyat tentang, Menteri tetap menaikkan harga tol. Fasal apa? Adakah ini akan berlaku kepada SPAN? Jadi, saya harap amaran Tsunami ini telah ada, telah ada amaran awal untuk kita jadikan *precedent*. Jadi, kita harapkan kita akan ambil perhatian tentang perkara ini sebelum kita menerima ataupun menyokong usul ini. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Pastinya Yang Berhormat bagi Kubang Kerian menyokong saya dan terima kasih. Payah juga hendak cari pembangkang menyokong hendak menyokong kita dari BN. Ini cara BN. BN, kita tidak seperti sesetengah parti seperti menutup kelemahan-kelemahan pimpinan. Kita terbuka, kalau Presiden kita, Timbalan Presiden kita, pimpinan kita tidak berapa betul, kita tegur. Tetapi ada cara kaedah dan mereka terima.

Tetapi saya tengok, minta maaf kepada Yang Berhormat bagi Kubang Kerian, PAS ini banyak lagi yang belum terbuka dari segi cara mengurus kepimpinan. Saya memang sokong Ketua Pemuda PAS ini menegur kepimpinan PAS, umpamanya di Kelantan dan sebagainya. Yang pentingnya ialah sasaran bagaimana kita mengurus parti dan menerima sasaran. Saya mengucapkan terima kasih kerana Yang Berhormat Kubang Kerian sahabat saya dapat membantu dalam memperkukuhkan lagi hujah ini. Yang pastinya SPAN ini akan diuruskan dengan baik, Insya-Allah, selepas kita meluluskan akta yang mana mungkin bulan 3 ini kita akan dapat memberi lagi beberapa input baru kepada kerajaan. Mungkin Menteri sudah ada, biasa Menteri tidak duduk lama, mungkin kes tertentu, *kamsia* Dato' Seri kerana tunggu kita, banyak-banyak *kamsia*.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Tuan Yang di-Pertua, saya pun tidak mahu panjangkan, sudah panjang tadi, cuma saya hendak pergi sedikit tentang warisan bagaimana kita hendak memelihara warisan ini. Sebenarnya di peringkat negara kita, negara yang masih muda, apabila kita pergi negara-negara yang sudah melalui beberapa proses tamadun, kita tengok muzium dia begitu hebat dan muzium ini

menjadi tempat di mana legenda dan ilmu-ilmu sejarah dapat kita dipertontonkan, dapat kita beritahu kepada generasi kita, generasi yang akan datang dan sebagainya.

Kita amat lemah sebenarnya dalam menguruskan muzium-muzium dan juga memelihara warisan kita. Tidak ada bentuk yang mempunyai keupayaan kita mengurus apabila kuasa-kuasa ini terletak berselerak di negeri-negeri dan sebagainya. Sebab itu saya menyokong supaya pindaan ini dibuat dan dapat berkongsi sama di antara Kerajaan Persekutuan dengan kerajaan-kerajaan negeri dan akhirnya kita berharap pengurusan pemeliharaan warisan ini dapat dibuat dengan baik termasuk juga pengurusan muzium.

Kalau kita tengok muzium kita yang ada yang terbesar di Kuala Lumpur, saya tengok tidak berapa menceriakan kita. Anak-anak muda sekarang tidak berapa minat. Kita pun boleh bertanya kepada muzium berapa ribu pelawat dari dalam negeri, pelajar-pelajar, rakyat kita dan berapa sebenarnya pelawat-pelawat dari luar negara. Apakah satu *catalyst* yang boleh menarik muzium kita. Kadang-kadang pengurusan muzium apabila pinjam daripada perkara-perkara yang dilihat sebagai bahan bersejarah, ada baru ini saya terbaca surat khabar, kasut bola bertahun tidak dipulangkan. *Very bad management*, pengurusan yang tidak baik. Jadi saya rasa selepas ini harus ada suatu modus operandi baru, cara kita *remedy* masalah ini supaya organisasi yang berkaitan dengan pemuliharaan warisan ini.

Saya ingin mengingatkan lagi bahawa banyak di antara warisan di negara kita yang terletak beberapa artifak-artifak yang berlaku di zaman dahulu kala, tidak dapat diterokai oleh kita. Saya hendak cerita di Laut China Selatan, Tuan Yang di-Pertua. Ini saya tidak tahu di dalam tetapi saya kata Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan saya rasa dia lebih tahu, Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan ada tidak? Tidak ada, wakil dia adalah. Di Laut China Selatan, di zaman Ming Dynasty, tahun berapa itu, di mana Sepanyol pergi ke Filipina dan Laut China Selatanlah menjadi kawasan-kawasan landasan perjalanan kapal-kapal, peniaga, askar, tentera dan juga lanun-lanun. Pasti di Laut China Selatan itu, mengikut cerita orang tua-tua tidak kurang daripada 100 kapal-kapal besar tenggelam dan banyak artifak yang di bawah lautan sana tenggelam.

Kita tidak dapat teroka dengan baik. Kita tidak mempunyai *team* daripada kerajaan, daripada rakyat, daripada syarikat yang ditauliahkan oleh kerajaan untuk mengambil semua dan saya dapat tahu ada di antara artifak-artifak yang ditemui di

Laut China Selatan, di kawasan perairan Malaysia ini yang sepatutnya menjadi harta kita akhirnya sekarang ini berada di muzium-muzium antarabangsa yang telah diterokai sebelum ini oleh negara-negara lain di UK, di Amerika dan juga Singapore dan lain-lain.

Jadi ini saya rasa apabila kita meminda Perlembagaan ini saya berharap Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan ini dapat mewujudkan lebih kukuh lagi suatu *team*, suatu pasukan yang kuat supaya artifak-artifak yang begitu berguna yang di zaman Ming *Dynasty* dahulu memang Laut China Selatan ini kita bayanglah macam mana dia punya transport pergi ke Filipina dari Sepanyol, macam mana kejayaan Ming *Dynasty* dan bagaimana juga beberapa Belanda pergi ke Indonesia dan Portugis datang ke Melaka.

Ini suatu sejarah yang begitu perlu dinikmati oleh generasi kita dengan kelemahan kita, maka benda sebegini kita tidak dapat. Saya berharap sangatlah kepada kerajaan selepas ini supaya suatu *team*, suatu pasukan yang berwibawa supaya dapat mengambil artifak-artifak yang berada di seluruh persisiran pantai dan juga di dalam Laut China Selatan ini. Kita juga mahu melihat suasana *maritim* di kawasan kita ini dapat diteknologikan selepas ini dan kita berharap perkara-perkara ini dapat dilaksanakan untuk kepentingan rakyat keseluruhannya, terutama sekali untuk generasi yang akan datang.

Hal peguam dan hakim, saya tidak hendak komen. Saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang kepada saya dengan ini. Dengan ini saya menyokong supaya Rang Undang-undang untuk meminda Perlembagaan tersebut disokong dengan sepenuhnya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Tanah Merah

11.57 pagi.

Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]: Terima kasih Timbalan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengalu-alukan kehadiran sahabat-sahabat saya dari negeri Kelantan dan juga dari Melaka.

Saya juga ingin mengambil bahagian dalam membahaskan cadangan Pindaan Perlembagaan Persekutuan dalam Jadual kesembilan dan kesepuluh. Antara isi penting yang sedang dibahaskan ialah meminda kuasa mengurus hal yang berkaitan

dengan perkhidmatan air di Malaysia daripada kerajaan negeri kepada Kerajaan Pusat. Tujuannya adalah untuk membolehkan sektor perkhidmatan air ditingkatkan ke tahap yang lebih baik setanding dengan negara maju.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Dewan Rakyat sekalian, bumi diliputi oleh 71% air dengan 2.53% merupakan air tawar. Daripada jumlah air tawar yang ada, 69% terdiri daripada bongkah ais, *glassier* dan *permafrost*. Hanya 0.35% daripada keseluruhan bumi adalah air tawar yang boleh dijadikan air minuman. Namun demikian peratus ini terlalu kecil kerana ia melibatkan pelbagai kegunaan, antaranya pengairan untuk projek pertanian, penghasilan elektrik dan juga berfungsi sebagai pengalir keluar bahan cemar industri. Pada masa yang sama proses ekologi yang menghasilkan air tawar sering diganggu oleh pembangunan dan pengurusan alam sekitar yang tidak terancang. Gandingan pertumbuhan populasi dan pengurusan yang tidak teratur ini juga pasti akan membawa kita ke masa depan yang kontan.

Sungai adalah satu aset penting kerana kepelbagaian fungsi kepada pengguna. Dewasa ini kebanyakan pengguna hanya memikirkan agenda dan keuntungan sendiri tanpa memikirkan kesan kepada pengguna yang lain. Setakat ini kurang langkah-langkah berkesan diambil untuk mengelakkan pembaziran air. Ramai di antara kita yang sukar mempercayai bahawa Malaysia yang dilimpahi hujan sepanjang tahun menghadapi kekurangan dan pencemaran air. Sebagai contoh, pada tahun 1998. Jabatan Alam Sekitar melaporkan 1/3 daripada sungai di Malaysia telah tercemar. Fenomena banjir lumpur dan banjir kilat yang sering berlaku sedangkan bekalan air minuman semakin berkurangan.

Tuan Yang di-Pertua, pada hemat saya sudah pasti perkara pindaan Perlembagaan ini menarik perhatian rakyat. Saya juga berharap semasa perbahasan mengenai pindaan Perlembagaan Persekutuan perlu mengambil kira bukan sahaja aspek pengurusan, kewangan, operasi, penyelenggaraan serta pengurusan aset dan kemudahan yang berkaitan dengan perkhidmatan air, tetapi harus mengambil kira keseluruhan kitaran semula jadi air dalam konteks pemandaran moden. Ia penting dan khususnya dari aspek sumber air yang tidak lagi bergantung kepada sumber di hulu dan dahulunya dirimbuni hutan-hutan belantara dan tropika yang jauh daripada kawasan pengguna.

Kita juga perlu menilai semula kaedah pengurusan air dan air sisa menerusi penggunaan pelbagai kaedah moden yang lebih mapan seperti teknologi kitar semula,

tadahan air hujan, air bawah tanah dan sebagainya. Kita juga perlu menggembeng teknologi moden sebaiknya untuk menguruskan air serta air sisa dengan cara yang lebih berhemah dan mapan menerusi inovasi dalam sistem yang berdaya maju. Bagi membolehkan pindaan itu tercapai matlamatnya, kerajaan seharusnya mengambil kira perspektif yang luas dan tidak terhad kepada isu-isu panas seperti tarif air sebagaimana sahabat saya bangkitkan tadi, model penswastan dan kos modal untuk menaik taraf kemudahan yang sedia ada.

Pada hemat saya, jika dirancang dan dilaksanakan sebaiknya, pindaan ini membolehkan sumber air supaya tidak tercemar. Penggantian paip lama yang sering bocor sehinggalah mempertingkatkan kemudahan loji kumbahan dan enapcemar supaya kualiti air sungai, tasik, pantai dan laut dapat ditingkatkan demi kesejahteraan kesihatan awam sekali gus dapat pula menyumbang kepada sektor lain terutamanya memperkayakan lagi sektor pelancongan, pengangkutan dan perikanan.

Sebenarnya rakyat Malaysia ternanti-nanti pengurusan pentadbiran dan kemudahan air dapat dirancang, dilaksana, dikawal selia dan dipertingkatkan dari masa ke semasa, tanpa dihalang isu lapuk seperti pertindihan kuasa, kelewatan kerana kerenah pelbagai tahap dalam rangkaian sistem birokrasi bagi meluluskan sesuatu cadangan dan kekurangan peruntukan. Pindaan berkenaan diharap dapat menyelesaikan masalah lapuk ini dengan pendekatan bersepadu menerusi pembentukan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN).

Ramai juga yang tertanya-tanya apakah kesan pindaan ini kepada pengguna dan pembangunan ekonomi. Menerusi pindaan ini, mekanisme pengurusan air akan lebih jelas, seragam dan berdaya maju. Ia membolehkan pelbagai agensi kerajaan berfungsi dengan lebih lancar dan berkesan, khususnya dari segi bidang tugas menguruskan peruntukan dan pelaksanaan yang berkaitan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Tangga Batu bangun.

Ir. Shaari bin Hassan: Silakan.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Tanah Merah. Oleh kerana Yang Berhormat kali ini lebih memfokuskan kepada isu pengurusan dan pentadbiran perkhidmatan air ini, saya hendak minta sedikit komen Yang Berhormat ataupun penjelasan tentang "*McKenzies Learning Organization*" dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, di mana di dalam teori

McKenzies ini memberi tahu kita bahawa jika kita mempunyai suatu keadaan yang besar, *giant*, yang besar dan sukar untuk diurus daripada tampuk hingga ke akar umbi, apa yang ingin saya minta penjelasan Yang Berhormat, hari ini kalau kita lihat sistem pengurusan dan pentadbiran bekalan air kita di peringkat negeri-negeri adalah dikira sebagai satu situasi yang kita telah pecahkan organisasi yang besar tadi kepada kecil-kecilan supaya perkhidmatan ini dapat disediakan dengan lebih cekap dan berkesan.

Jadi apakah tindakan ataupun usul kerajaan ini untuk memusatkan, *centralization of water management* ini, akan membuatkan kita balik kepada keadaan asal, iaitu apabila keadaan-keadaan kita besar, susah bergerak dan sebagainya, akan menyebabkan bertambahnya kerenah birokrasi sebab Yang Berhormat sudah sebut tadi, saya hendak minta pendapat Yang Berhormat tentang perkara ini, bagaimana keadaan ini boleh berlaku apabila berlaku pemusatan pentadbiran dan pengurusan bekalan air ini akan menyebabkan bertambah cekap dan lebih berkesannya perkhidmatan kita kepada pengguna-pengguna dan pelanggan-pelanggan. Bolehkah Yang Berhormat berikan penjelasan? Terima kasih.

Ir. Shaari bin Hassan: Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Tangga Batu, dengan pindaan Perlembagaan dan juga penubuhan SPAN tadi, sudah pasti kita akan meneliti ataupun memberi tumpuan kepada servis dan juga kepada perkhidmatan yang terbaik untuk kerajaan memberi bekalan air kepada rakyat khususnya. Saya teruskan perbincangan saya.

Keadaan ini akan mendorong dan memudahkan lagi pihak swasta dan pelabur untuk melabur dalam sektor berkenaan khususnya pengurusan aset, operasi dan penyelenggaraan. Ketika ini sektor perkhidmatan air sangat lembap perkembangannya kerana ia masih bergantung kepada projek kerajaan berbanding sektor utiliti lain seperti tenaga dan telekomunikasi. Dalam hal ini, komitmen pihak swasta adalah kritikal untuk memperkenalkan lebih banyak inovasi, pemodenan dan kemajuan dalam sektor berkenaan.

Saya berharap ini juga dapat menjadi pemangkin kepada kaedah pengurusan air secara bersepadu. Dalam konteks ini, pengurusan air dilaksanakan menerusi lembangan sungai di mana sumber air merangkumi air sungai, tasik, air bawah tanah, air hujan, air kitar semula dan sebagainya, diuruskan dengan lebih berkesan.

Ketika ini pengurusan air dilaksanakan mengikut sempadan politik dan negeri tanpa mengambil kira fakta bahawa dahulu sesebuah sungai mengalir ke negeri lain,

misalnya Sungai Kerian dahulunya Perlis bermuara di Kedah dan Sungai Perai berhulukan Pulau Pinang mengalir ke Kedah. Kaedah pengurusan air secara bersepadu turut memberi penekanan kepada aspek pengurusan dan aplikasi teknologi.

Air dari segi hakikat dan kewujudannya adalah entiti ataupun komoditi yang tidak boleh dilihat mengikut tanggungjawab sesebuah agensi kerajaan. Ketika ini tanggungjawab pengurusan air dilaksanakan oleh banyak agensi seperti Jabatan Bekalan Air untuk membekalkan air dan Jabatan Alam Sekitar untuk menjaga kualiti sumber air dan kumbahan, Jabatan Pengairan dan Saliran menjaga kuantiti sumber air, Jabatan Kesihatan menjaga *standard* air minuman, Jabatan Pembetulan menjaga kumbahan hinggalah Pihak Berkuasa Kerajaan Tempatan menjaga pelaksanaan dan peningkatan tempatan. Memang pengkhususan itu lebih baik untuk mendapat kesan yang optimum tetapi apabila wujud kesamaran, bidang tugas ini menimbulkan masalah dari segi pelaksanaan.

Menerusi pindaan Perlembagaan Persekutuan ini, adalah diharap lebih banyak inovasi dan pembangunan teknologi dapat dimajukan oleh pakar industri tempatan. Ketika ini sektor perkhidmatan air dibanjiri oleh teknologi dan kepakaran asing. Memang teknologi air dan air sisa berkembang pesat di negara maju tetapi perkembangan itu sudah perlu disesuaikan dengan keadaan iklim tempatan. Pada hemat saya, ramai pakar dan syarikat tempatan berupaya menghasilkan produk atau menyediakan perkhidmatan perundingan di dalam bidang ini tanpa kita perlu bergantung kepada kepakaran asing.

Saya ingin mencadangkan supaya Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara turut memberi penekanan kepada aspek pembangunan teknologi dan kepakaran tempatan. Ini perlu bagi membolehkan perkhidmatan air di Malaysia dilaksanakan sebahagian besarnya oleh pihak dan pakar tempatan. Dengan adanya pengalaman dan kepakaran itu, kita berharap ia dapat pula dikembangkan dan ditawarkan kepada negara-negara jiran yang lain khususnya di kalangan negara-negara yang berdekatan di rantau ini. Dalam konteks ini, saya juga berharap kerajaan dapat menilai semula status industri dan teknologi air di Malaysia.

Ketika ini pada dasarnya industri dan teknologi air dianggap sebagai sektor strategik seperti teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dan lain-lain lagi pembuatan termaju, bio-perubatan, industri air yang dianggap sebagai teknologi lama yang tidak berkembang pesat.

Pada pendapat saya dasar ini tidak mengambil kira realiti setempat dan kehendak global yang mana sumber air semakin berkurangan dan tercemar. Sedangkan permintaan terhadap air yang bersih semakin meningkat bukan sahaja di Malaysia tetapi di serata dunia.

Ini menyebabkan usaha membangunkan teknologi dan kaedah canggih pengurusan air tidak begitu mendapat sokongan kerajaan, khususnya mekanisme penyelidikan IRPA. Sehubungan dengan itu saya mencadangkan suatu tabung pembangunan teknologi dan inovasi perkhidmatan dan teknologi air dilancarkan bagi memastikan inovasi dapat dibangunkan oleh pakar dan industri tempatan.

Tabung itu boleh diurus oleh sebuah yayasan atau diletakkan di bawah pengawasan Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi. Dengan adanya tabung sedemikian sudah pasti untuk mempertingkatkan mutu dan jumlah inovasi serta pembangunan teknologi air, air sisa negara ini. Secara tidak langsung ia akan membolehkan teknologi canggih Malaysia dipasarkan ke serata dunia. Secara keseluruhannya pindaan Perlembagaan ini memang dinantikan dan dialu-alukan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Pasir Puteh.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Minta celah sikit, Tanah Merah, saya Pasir Puteh. Saya tak pelik kerana air pun putih. Jadi setuju tak pembalakan di Kelantan dan di mana-mana negeri di tengok semula, kerana pembalakan ini mati ikan tak apa lagi, akan mati manusia, kita hidup empat perkara, tanah, api, air, angin. Tuhan nak bunuh kita 4 juta dalam masa 10 minit, itu ialah Tsunami. Maka sebab itu, bagi saya nak *stop* kan dulu pembalakan di Kelantan atau korek pasir yang berlebihan dengan tidak ikut prosedur. Terima kasih.

Ir. Shaari bin Hassan: Terima kasih Yang Berhormat, sahabat saya dari Pasir Puteh. Saya amat bersetujulah dari segi pembalakan yang tidak terkawal yang sudah pasti akan menjejaskan sumber air asli, dan kita tahu dan percaya bahawa kerajaan telah mengadakan zon-zon tertentu untuk dijadikan hutan simpan yang tidak boleh diganggu sebagai zon penampakan. Sekiranya hutan ini diganggu, sudah pasti kita tidak ada lagi zon-zon yang boleh meneutralkan faktor atau bencana yang akan kita hadapi.

Tuan Yang di-Pertua, secara keseluruhannya pindaan Perlembagaan Persekutuan ini, memang dinanti dan dialu-alukan oleh pihak kami semua. Apa yang lebih penting ialah perlaksanaannya dapat mempertingkatkan mutu perkhidmatan air.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tanah Merah, Tanah Merah, Tangga Batu bangun sekali lagi.

Ir. Shaari bin Hassan: Silakan.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Tanah Merah. Oleh sebab Tanah Merah telah beralih ke tajuk lain, saya hendak bertanya sedikit kepada Tanah Merah ataupun mohon penjelasan tentang peranan dan tanggungjawab Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) ini nanti. Adakah ia merangkumi di dalam bidang extraction of raw water, mencari gali air-air mentah ini kerana saya ingin minta penjelasan ini kerana saya mempunyai maklumat tentang sebuah kilang minuman iaitu kilang Carlsberg yang berada di Shah Alam hari ini yang mengepam air dari dalam bumi yang keperluan mereka melebihi 100 juta gelen sehari untuk membuat minuman-minuman Carlsberg, Malta dan sebagainya.

Jadi apakah pendapat Yang Berhormat Tanah Merah tentang fungsi, peranan serta tanggungjawab suruhanjaya nanti, adakah ia merangkumi pengepaman ataupun penggalian air-air mentah di dalam bumi seperti yang dilakukan oleh kilang-kilang pengeluar minuman terbesar di dunia ini. Minta penjelasan Yang Berhormat.

Ir. Shaari bin Hassan: Terima kasih Yang Berhormat Tangga Batu, fungsi SPAN mungkin kita boleh cadangkan supaya SPAN ini mengungkapkan satu akta untuk satu pindaan akta ataupun menambah akta di dalam peruntukannya. Termasuklah akta bagi tarif kepada caj penggunaan air.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, apa yang lebih penting ialah pelaksanaannya dapat mempertingkatkan mutu perkhidmatan air, tarif dapat diselaraskan dan kecekapan mengurus sumber air dapat dioptimumkan dengan sebaiknya. Sekian, dengan itu saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bentong.

12.15 tgh.

Tuan Liow Tiong Lai [Bentong]: Terima kasih Datuk Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk menyertai perbahasan pada kali ini. Saya bangun untuk menyokong sepenuhnya pindaan perlembagaan untuk memasukkan Jadual Kesembilan dan Jadual Kesepuluh menjadikan bekalan dan perkhidmatan air sebagai suatu perkara bersama iaitu *concurrent list*.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua sedia maklum bahawa air itu amat penting. Air bukan sahaja satu keperluan manusia, bukan sahaja satu keperluan, ia adalah hak,

hak kepada kita semua untuk memastikan semua manusia berhak mendapatkan air. Oleh itu, pengurusan air itu begitu penting sekali kerana apabila kita tidak dapat menguruskan air dengan baik, maka kita akan menghadapi banyak masalah sehingga kita akan kehilangan air. Dalam sejarah 50 tahun dunia ini, kita lihat banyak negara menghadapi kekurangan air dan terdapat 570 konflik berlaku antara negara kerana isu air. Daripadanya 37 daripada 570 konflik ini menggunakan kekerasan, 21 menggunakan ketenteraan untuk mendapatkan air. Oleh itu, kita tahu bahawa isu air sekarang memang hebat dibincangkan di pertubuhan-pertubuhan antarabangsa termasuk badan-badan di peringkat antarabangsa.

Maka saya, amat menyokong bahawa kerajaan kita mengambil tindakan segera untuk memastikan bahawa perkhidmatan dan bekalan negara kita dapat di kemas kini dan dapat dipertingkatkan.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga tahu bahawa dalam dunia ini seperti yang dikatakan oleh Tanah Merah tadi hanya 0.3% terdiri daripada air tawar iaitu air yang boleh digunakan untuk kita minum dan sebagainya. Oleh itu, kita tidak mempunyai jalan lain melainkan bahawa kita perlu memastikan air yang di dalam negara kita ini, kita bertuah mempunyai banyak air di dalam negara kita dan bagaimana kita dapat menguruskan dengan baik. Oleh itu, apabila kita meminda perlembagaan pada pagi ini, maka kita dapat memastikan bahawa Kerajaan Pusat dapat memberi bantuan yang sebaik mungkin untuk memastikan pengurusan dapat disegerakan.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga difahamkan oleh Yang Berhormat menteri tadi, apabila kita mengambil alih air daripada negeri, kita hanya menumpukan dari segi bekalan, rawatan, pengagihan dan *billing*. Kita masih lagi menyerahkan air mentah pada negeri dan ini kita rasa Kerajaan Pusat juga perlu melihat bagaimana untuk menjamin air mentah dalam negara kita ini dapat terus mempunyai air yang cukup untuk negara kita dan juga rakyat kita. Kerana kalau kita hanya tumpu pada rawatan, pengagihan dan *billing* tanpa kita menjaga tadahan air dan menjaga air mentah ini, saya rasa tidak mencukupi.

Oleh itu, kita tahu bahawa di negara kita negeri Selangor, Pulau Pinang, Perlis dan Melaka menghadapi kekurangan air. Apabila kita hanya menyerahkan pengurusan air mentah kepada negeri, negeri-negeri yang kekurangan air seperti Selangor, Pulau Pinang, Perlis dan Melaka, saya rasa mereka memang amat

memerlukan pertolongan daripada Kerajaan Pusat untuk memastikan penyaluran air di antara negeri dapat disegerakan.

Contohnya, negeri Selangor hendak beli air dari Pahang, perkara ini dah lama. Sudah lama dibincangkan tetapi sehingga kini kita tidak nampak lagi sebarang langkah yang diambil untuk menyegerakan. Dan kita tahu juga bahawa negeri Selangor akan menghadapi kekurangan air apabila pada tahun 2007. Dan walaupun apabila sekarang kita ambil tindakan untuk membina empangan di Pahang untuk menyalurkan air ke Selangor, tidak sempat. Hendak bina empangan, kita ambil masa tiga, empat tahun. Sekarang, sudah masuk 2005. Sampai 2009, kita juga tidak dapat salurkan air daripada Pahang ke Selangor kalau kita tidak ambil tindakan sekarang. Itu pun sudah lambat. Kalau 2005 kita tidak ambil tindakan, masuk 2006, saya rasa Selangor, Kuala Lumpur kita kasihanlah.

Jika Ahli-ahli Parlimen dari seluruh negara ini datang ke Parlimen ini tidak ada air, kita tidak mandilah, kita tidak minum pun. Ini masalah yang besar, masalah yang serius. Saya rasa penyelenggaraan air, penyeliaan antara negeri, itu perlu disegerakan. Tanpa campur tangan daripada Kerajaan Pusat, tanpa pertolongan daripada Kerajaan Pusat, saya rasa perkara ini tidak dapat disegerakan. Jadi, saya minta Kerajaan Pusat dapat ambil tindakan.

Yang keduanya, seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Dungun tadi bahawa tadahan air itu perlu dijaga. Saya ingin mencadangkan bahawa Kerajaan Pusat wujudkan tadahan air, mengawasi *ecosystem* air yang ada sekarang daripada pencemaran yang berleluasa. Kerajaan negeri memang meluluskan pembalakan, memang tidak ada jalan lain untuk mereka mendapatkan kewangan negeri. Tetapi, tanpa kawal selia daripada Kerajaan Pusat, semua tadahan air ini akan tercemar. Apabila tercemar, kita memerlukan kewangan yang lebih untuk proses air, untuk mendapat air yang bersih dan itu bukan satu langkah yang bijak bagi kita untuk mengurus air.

Kita tahu, kita hendak pastikan air yang bersih, kita juga kalau boleh pastikan tadahan air itu bersih. Kalau air mentah itu bersih, maka kita memproses air dengan senang, kita akan dapat air yang berkualiti. Kita tahu bahawa pemprosesan air yang tradisional iaitu menggunakan cara pemendakan, menggunakan cara *cycling*, *coagulation*, *filtration* dan juga penggunaan klorin yang berlebihan itu merupakan satu teknologi yang agak lama. Saya tidak kata *outdated*, saya rasa memang lama, tidak

dapat untuk menghadapi masalah pencemaran yang begitu berleluasa di negara moden sekarang, terutamanya di Selangor. Kalau kita tengok sungai di Selangor ini kita....

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Ketereh.

Tuan Liow Tiong Lai: Ya, sila Yang Berhormat bagi Ketereh.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat bagi Bentong dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Hendak dapat air ini memang mudah. Kalau tempat saya, empat kali cangkul tanah, air keluar. *Very easy to get water*. Di Kelantan begitu dan di mana-mana pun begitu, kecuali atas bukit. Hendak dapat minyak payah. Kita cari gali, cari gali dalam laut, luar darat tidak dapat. Tetapi, yang menjadi pelik kepada saya, tetapi saya tidak bingung macam Ipoh Timur, cuma saya buntu. Kenapa harga air dengan harga minyak sama, sedangkan dapat air murah, mudah. Dapat minyak payah. Satu liter minyak diesel 85 sen, satu liter air RM1.20 sen. Maksudnya, kos rawatan mahal atau tidak ada satu badan *regular* atau satu badan yang mengawal harga air.

Apakah Yang Berhormat bersetuju kalau saya katakan dengan terpindanya Perlembagaan ini, maka harga air ini akan terkawal oleh satu suruhanjaya SPAN, kerana sekarang ini ada orang yang mengambil untung yang terlalu banyak daripada air yang begitu mudah didapati sehingga ianya melebihi daripada harga minyak. Boleh Yang Berhormat komen?

Tuan Liow Tiong Lai: Terima kasih Yang Berhormat bagi Ketereh. Benar, betul. Kita memang dengar rintihan rakyat satu botol air lebih mahal daripada satu botol diesel. Ini amat mendukacitakan apabila sesetengah pihak ingin mengaut keuntungan daripada air. Saya sejak awal tadi kata bahawa air itu adalah hak asasi manusia. Kita perlu pastikan air itu jangan dijadikan komoditi penjualan. Apabila air dijadikan satu komoditi, boleh juaallah. Kita boleh jual. Tengok siapa boleh keluar harga tinggi, belillah. Apabila ia sudah jadi satu komoditi, akibatnya macam inilah. Air itu bertambah tinggi, harganya bertambah tinggi. Contohnya, di satu negara di Bolivia. Ia cuba satu tahun 'Coca Bamba' bandarnya dan cuba dapat menswastakan pengurusan air kepada pihak swasta.

Akhirnya, harga air begitu tinggi sehinggakan rakyatnya mogok. Mereka keluar beramai-ramai mengadakan perarakan dan mereka menentang dengan polis, mati beberapa orang. Mereka mengeluarkan slogan "*dirty water is better than water that they can't afford*". "*Dirty water is better than water that we can't afford*". "Air yang kotor lebih baik daripada air yang kita tidak boleh beli, yang tidak mampu hendak beli."

Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, saya amat bersetujulah dengan pandangan Yang Berhormat bagi Ketereh, janganlah perkara ini berlaku di negara kita. Janganlah berlaku sampaikan harga air kita tidak mampu dibeli oleh rakyat kita. Janganlah sampai rakyat kita hidup begitu susah kerana kena beli air yang mahal, yang begitu tinggi. Oleh itu, perwujudan SPAN amat dialu-alukan dan kita berharap bahawa SPAN ini dapat mengawal lebih baik. Seperti yang dijanjikan oleh Yang Berhormat Menteri, *there is no automatic increased in this tariff*. Kita harap ini satu janji. Di Parlimen juga, harap Menteri dapat janji bahawa kita tidak boleh sewenang-wenangnya memberikan hak kepada mana-mana syarikat swasta pun untuk menaikkan tarif....

Ir. Dr. Wee Ka Siong: [Bangun]

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Air Hitam, Tangga Batu bangun.

Tuan Liow Tiong Lai: Lepas Air Hitam, Tangga Batu ya.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Yang Berhormat bagi Bentong. Saya tertarik dengan apa yang telah disampaikan Yang Berhormat tadi. Kalau kita lihat, kalau tarif air ini diberi jaminan tidak akan naik, itu harapan kita. Tetapi, pada realitinya, banyak syarikat bekalan air ini berhutang dengan syarikat yang merawat air. Bagaimana mereka hendak membayar hutang? Itu adalah realiti. Kalau kita membenarkan perkara itu, perjanjian penswastaan itu masih sah laku, kita akan menghadapi satu masalah. Bagaimana pula kalau SPAN mengambil alih dapat memansuhkan perjanjian penswastaan itu. Adakah itu sebagai satu skop kerja SPAN. Kalau tidak, bagaimana kita dapat memberi jaminan bahawa tarif air itu tidak naik.

Tuan Liow Tiong Lai: Terima kasih Yang Berhormat bagi Air Hitam. Memang satu pandangan yang bernas. Kalau SPAN ambil alih, kita tidak mansuhkan hutang-hutang itu, maka saya rasa tarif masih tinggi. Oleh itu, kita cadangkan, saya memang bersetuju bahawa kita cadangkan, bahawa apabila SPAN ambil alih, kita kena lihat hutang-hutang yang tertunggak ini, di mana hutang negeri sekarang lebih kurang

RM7.8 bilion dan kalau kita tidak melihat keadaan ini dengan serius, maka keadaan ini akan berlarutan.

Saya minta Yang Berhormat Menteri dapat memberi penjelasanlah yang sejelas-jelasnya kepada Yang Berhormat bagi Air Hitam dan juga Ahli-ahli Dewan Rakyat di sini, bagaimana Kerajaan Pusat, apakah rancangan yang ada sekarang untuk mengambil alih semua hutang negeri, semua hutang syarikat-syarikat swasta yang ada, bagaimana kita hendak uruskan. Ini satu soalan yang besar, yang ditanya oleh ramai rakyat dan juga wakil-wakil rakyat. Tuan Yang di-Pertua, kita juga tahu bahawa kerajaan negeri memang tidak mampu untuk terus membangunkan pengurusan air dalam negara kita.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Tangga Batu.

Tuan Liow Tiong Lai: Ya, sila Yang Berhormat bagi Tangga Batu. Maaf ya, tadi lupa.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Bentong. Kita dengar Yang Berhormat Menteri telah memberitahu Dewan yang mulia ini tentang satu perkara yang hari ini menjadi beban kepada jabatan-jabatan ataupun syarikat pembekalan air di negeri-negeri iaitu *non-revenue water* ataupun air yang tidak mendatangkan hasil. Dari perangkaan, kita mendapati semua pembekal air di negara kita menghadapi masalah ini di peringkat 35 ke 45 peratus. Kalau diambil kira jumlah pelaburan kepada kehilangan yang tidak mendatangkan hasil ini, ia adalah terlalu tinggi.

Yang Berhormat bagi Bentong, penjelasan saya, yang saya perlukan daripada Yang Berhormat bagi Bentong, apakah kedudukan angka ini berbanding dengan indeks-indeks di negara maju yang lain jika kita ingin bersaing dengan negara maju, yang pertama. Yang kedua, *non-revenue water* ini membayangkan kepada kita, akan pasti berlaku peningkatan tarif apabila pentadbiran dan pengurusan air ini diambil oleh Kerajaan Pusat nanti. Kenaikan tarif pula, kita risau sekarang ini, berapa peratus, berapa banyak dan sebagainya.

Jadi, di sini bolehkah pihak Yang Berhormat bagi Bentong sedikit sebanyak memberikan penjelasan, *how high is high?* Berapa tinggi adalah tinggi? Di mana kedudukan tarif air per liter di negara kita berbanding dengan negara-negara lain yang

setaraf dengan kita di dunia ini. Jadi, ini perlu dilihat dengan secara terperinci supaya jika ada keperluan untuk kenaikan tarif ataupun tidak, ia adalah berasaskan kepada fakta-fakta dan angka-angka yang boleh diterima oleh semua pihak. Terima kasih.

Tuan Liow Tiong Lai: Terima kasih Yang Berhormat bagi Tangga Batu. Memang kita mempunyai standard dan oleh itu kita mewujudkan SPAN untuk mengadakan *benchmark* agar pastikan bahawa semua harga air dalam negara kita ini sama. Setengah negeri 30 sen secubic meter dan setengah negeri 90 sen sekubik meter. Apakah standardnya? Saya juga ingin tahu bahawa *non-revenue water* negara kita lebih kurang 40%. Seperti yang ditanya oleh Yang Berhormat bagi Tangga Batu, apakah standard *non-revenue water* ini? Bagi negara-negara maju, lebih kurang lima peratus, *five per cent about that, plus minus*. Tetapi, kita di sini lebih kurang 40 per cent.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Saya minta maaf Bentong. Lima peratus itu negara mana? Boleh saya tahu? Ini kerana, ini suatu pencapaian yang saya kira.....

Tuan Liow Tiong Lai: Saya rasa negara maju....

Tuan Haji Idris bin Haji Haron:.....begitu menariklah. Kalau boleh, kita semua pergi sana tengok. Terima kasih.

Tuan Liow Tiong Lai: Ya. Memang dalam website ada, kita boleh lihat. Englandkah ataupun di negara-negara yang maju yang lain.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, sila Temerloh.

Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh: Terima kasih Yang Berhormat bagi Bentong. Saya kira kalau soal tarif tadi, dengan NRW. Negara yang pernah saya tengok yang *zero* NRW dia, barangkali Yang Berhormat Menteri pun tahu, Sweden dengan Denmark. Sweden dengan Denmark, suatu ketika dahulu, tarif air dia antara yang tertinggi dalam dunia. Tetapi, dia punya NRW ketika itu hampir 60%.

Jadi, apa yang dia buat, perbaiki, ganti sistem paip. Dia ada *mapping* bilik dia. Dia boleh monitor. Kalau sekiranya di bandar raya Kuala Lumpur pecah paip, akan keluar dalam komputer. Cepat ambil tindakan dan dibaiki, jadi tidak ada *waste water* langsung, kosong (*zero*). Memang tidak ada pembaziran langsung.

Saya nampak kalau Yang Berhormat bagi Bentong setuju, yang pertama sekali Malaysia kena buat sekarang atau negeri-negeri kena buat sekarang. Pastikan, *reduce* kurangkan NRW ini. Di bandar raya sahaja Tuan Yang di-Pertua, di Kuala Lumpur ini, NRW kita 47% lebih. Berapa banyak pembaziran sumber dan kalau

pembaziran ini dapat dijimatkan, tentunya kos pengeluaran, kos rawatan akan kurang dan baru boleh kita bekalkan air dengan harga yang murah kepada pengguna.

Saya minta pandangan daripada Yang Berhormat bagi Bentong, saya ingat apa yang harus dibuat oleh SPAN sekarang ini ialah memastikan bagaimana hendak *replace* atau menggantikan paip-paip yang bocor ini supaya kita boleh kurangkan daripada pukul rata 48% ke 50% NRW sekarang ini, di negara kita ini, kalau boleh kurang kepada 15%, sudah cukup baik. Saya kira kita boleh kekalkan tarif air yang rendah. Terima kasih.

Tuan Liow Tiong Lai: Terima kasih Yang Berhormat bagi Temerloh. Memang benar bahawa NRW negara kita ini tinggi dan satu faktor yang menyebabkan, tadi telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri, menyebabkan NRW yang tinggi adalah paip bocor, *60 per cent due to pipe* yang bocor. Ini, satu perkara yang amat rumit. Bagi negeri Pahang, kalau hendak tukar semua paip, dia belanja RM1.4 bilion, hendak tukar paip di Pahang sahaja. Kalau hendak tukar paip di Selangor dan Wilayah, yang panjangnya lebih kurang 14,000 kilometer panjang paip, seluruh paip Selangor dan Wilayah ini, saya rasa belanja lagi tinggilah. Ini terpulang kepada Menterilah untuk memberi jawapan bagaimana hendak tukar paip semua ini, untuk memastikan bahawa NRW ini dapat dikurangkan.

Saya rasa memang benar kata Ahli Yang Berhormat bagi Temerloh tadi bahawa kalau kita dapat selesaikan paip-paip ini, kita *at least can reduce 60% of the problem* dalam negara kita ini. Hah, Ahli Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Bentong, oleh kerana perbincangan ini lebih kepada teknikal, saya lihat paip-paip bocor tadi menyumbang 60% daripada NRW dan sekarang ini kita ada yang kedua iaitu *the integrity of meter-reading, that is 25%* menyumbang kepada NRW ini.

Yang Berhormat bagi Bentong, mungkin dari segi pengalaman saya sebagai seorang jurutera dan sebagainya, saya hendak lihat bagaimana. Bolehkah Yang Berhormat bagi Bentong berikan penjelasan kepada saya tentang meter *reading* ini di peringkat hilir dan juga di peringkat hulu.

Di peringkat hulu ini di *intake*, loji-loji dan sebagainya di *extraction point*, kita ada satu meter yang besar. Siapa yang membaca meter ini? Siapakah yang mengesahkan meter ini, bahawa jangka ini sebenarnya adalah dalam keadaan

properly calibrated, disukat dengan betul dan memberikan yang betul kerana meter di peringkat *intake* ini dan meter di peringkat pengagihan ini akan dikaitkan apabila ditolakkan jumlah besar kepada jumlah *incoming*, iaitu jumlah yang masuk dan inilah yang sebenarnya menyumbang kepada angka yang besar.

Kekhuatiran saya ialah kesilapan pembacaan meter di peringkat *intake* yang menyebabkan kita berasa seolah-olah hari ini kita tidak cekap. Saya juga rasa begitu berminat sekali bagaimana negara Denmark dan Sweden boleh mencapai angka kosong di dalam NRW ini. Mungkinkah teknik pembacaan meter mereka lebih cekap dan berkesan daripada apa yang kita amalkan pada hari ini?

Soalan saya tadi siapakah, adakah pihak ketiga yang mengesahkan betul atau tidak kakitangan pengeluar-pengeluar air ini, pengurus-pengurus air ini membaca meter tersebut? Mungkin silap *multiflying factor* dan sebagainya. Terima kasih.

Tuan Liow Tiong Lai: Terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Tangga Batu. Memang benar bahawa masalah meter ini, 23% masalah meter, menyebabkan NRW. Kita haraplah bahawa kerajaan dapat mengambil berat untuk memastikan pembaca meter itu dapat dinaikkan tarafnya.

Kita juga dapat banyak aduan daripada orang-orang kampung bahawa kadang-kadang air tidak ada, tetapi angin ada. Angin lalu di meter dan meter itu berjalan, dia kena bayar lebih. Itu pun juga masalah yang perlu diatasi. Apakah meter yang kita gunakan itu tidak setanding dengan meter-meter yang digunakan di negara-negara maju? Apakah yang perlu kita ambil tindakan untuk memastikan bahawa meter air yang kita gunakan di negara kita ini berkualiti tinggi? Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat bagi Tangga Batu bahawa kita perlu pastikan mengurangkan faktor ini, faktor meter yang menyebabkan NRW yang begitu tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sambung perbahasan saya berhubung dengan masalah kawal selia. Isu badan kawal selia air. Kita tahu bahawa memang banyak masalah rakyat yang telah bangkit menyatakan bahawa bekalan air kotor, bekalan air yang sering terganggu, tekanan air yang rendah atau tiada bekalan air langsung, masalah bil-bil air yang tidak sempurna, lambat apabila mengadu, lambat melayan atau mengambil tindakan terhadap aduan-aduan pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kita kalau sudah lepas pinda perlembagaan ini, kita wujudkan satu SPAN dan kita hendak adakan satu badan kawal selia yang baik. Kita dengar tadi bahawa Yang Berhormat Menteri kata badan kawal selia negeri tidak

berkesan, tidak bermaya. Ini kita di peringkat pusat lebih berkesanlah. Jadi kita haraplah yang di peringkat persekutuan ini lebih berkesan, lebih bertaraf tinggi, dapat mengambil langkah-langkah untuk memastikan bahawa isu kawal selia ini dapat dijalankan dengan baik.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat bagi Kelana Jaya.

Tuan Liow Tiong Lai: Ya, jemput Ahli Yang Berhormat bagi Kelana Jaya.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Bentong. Tadi Yang Berhormat bagi Bentong menyentuh tentang pengawal selia dan kita memang berharap selepas adanya pindaan Perlembagaan ini, Kerajaan Persekutuan diberi kuasa untuk menubuhkan badan kawal selia yang boleh mengawal selia kualiti bekalan air.

Buat masa sekarang kita nampak di tiap-tiap negeri kebanyakan pengguna memasang alat penapis air di hadapan rumah mereka kerana kualiti air yang dibekalkan kepada setiap rumah tangga adalah kotor dan perlu ditapis semula. Apakah pandangan Yang Berhormat bagi Bentong sekiranya Kerajaan Persekutuan telah mengambil alih tentang perkhidmatan bekalan air ini telah mewujudkan badan kawal selia dan mengawal selia kualiti air, kita harapkan agar kerajaan dapat memberi arahan supaya, dengan izin, *we do away with all these filter systems* kerana sumber bekalan air itu telah dibekalkan air yang bersih dan berkualiti. Inilah salah satu pandangan dan rintihan pengguna-pengguna supaya kita tidak perlu membebankan pengguna-pengguna yang telah pun membayar harga air yang begitu tinggi kerana sebentar tadi Yang Berhormat bagi Bentong telah menyebutkan bahawa harga sebotol air adalah lebih mahal daripada sebotol diesel. Inilah suatu perkara yang amat penting kerana rakyat memang mengharapkan bekalan air itu memang berkualiti dan bersih dan tidak perlu memasang alat-alat penapisan air ini. Ini suatu perkara yang saya hendak bangkitkan dan minta pandangan Yang Berhormat bagi Bentong.

Perkara yang kedua ialah memang kita harapkan harga apabila Kerajaan Persekutuan mengambil alih tugas ini dapat menetapkan tarif yang berpatutan kepada semua pembekal air. Tadi Yang Berhormat bagi Bentong juga menyebutkan bahawa salah satu sebab mengapa kos bekalan air agak tinggi adalah kerana kawal selia dari pembaikan paip-paip yang bocor.

Buat masa sekarang, paip yang digunakan adalah jenis asbestos cement (AC). Dan apabila Kerajaan Persekutuan mengambil alih kuasa ini apakah Yang Berhormat bagi Bentong bersetuju Kerajaan Persekutuan membaiki kesemua paip air yang pecah dan bocor itu? Kita dimaklumkan bahawa sepanjang 46,000 kilometer paip bocor yang perlu diganti. Apabila paip air yang telah digantikan itu kosnya jangan ditambahkan ke atas harga air yang akan dibekalkan kemudian.

Itulah perkara yang saya hendak bangkitkan supaya apabila Kerajaan Persekutuan mengambil alih perkara ini tarif dan harga air tidak akan dinaikkan. Inilah harapan kita supaya Yang Berhormat bagi Bentong dapat menyampaikan mesej ini kepada pihak yang akan mengawal selia harga dan sebagainya dan membaiki paip air ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, banyak lagikah?

Tuan Liow Tiong Lai: Dua isu lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik. Agak berapa minit diperlukan?

Tuan Liow Tiong Lai: Saya cuba cepatkanlah. Terima kasih Yang Berhormat bagi Kelana Jaya yang telah menyentuh tentang penapis air di setiap keluarga. Inilah masalah kerana air kita kotor dan menyebabkan semua keluarga perlu memasang penapis airnya sendiri.

Saya rasa, apabila SPAN ambil alih, kita haraplah dapat membekalkan air yang bersih maka kita dapat kurangkan kos kepada semua pengguna-pengguna dan kita juga boleh kurangkan masalah kepada pembaca meter di semua keluarga. Saya memang setuju bahawa paip-paip yang sepanjang 46,000 kilometer yang hendak diganti ini dapat kalau boleh jangan mengambil masa yang panjanglah, Yang Berhormat Menteri, untuk mengganti paip. Kalau kita mengambil masa 10 tahun nanti, paip dahulu pun sudah luput.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat bagi Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Tolong, tolong.

Tuan Liow Tiong Lai: Hah, sekejap ya?

Puan Teresa Kok Suh Sim: Terima kasih Yang Berhormat Bentong. Tadi Yang Berhormat bagi Bentong sentuh tentang hendak mengadakan badan kawal selia terhadap bekalan air kita. Kita lihat kesemua lebuh raya dan jalan raya kita juga ada badan kawal selia di bawah Kementerian Kerja Raya tetapi apa yang kita lihat sekarang yang plaza tol itu yang semakin banyak, lebuh raya tol itu semakin banyak dan harga tol itu dibenarkan naik dengan kadar yang begitu tinggi sekarang.

Soalan saya adalah apakah gunanya kalau adanya badan kawal selia terhadap bekalan air kalau harga air kita dibenarkan dinaikkan setiap tahun ataupun setiap beberapa tahun seperti lebuh raya, seperti PLUS itu, dan ini tidak akan membawa kebaikan kepada pengguna. Apakah pandangan Yang Berhormat?

Tuan Liow Tiong Lai: Terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Seputeh. Memang saya sudah katakan tadi bahawa kita minta Yang Berhormat Menteri berjanji di Parlimen *no automatic increase in tariff* apabila SPAN diwujudkan, SPAN perlu memastikan bahawa peningkatan kualiti air itu perlu diteruskan.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyatakan isu badan kawal selia air ini kerana kita lihat apabila kerajaan negeri menswastakan sistem bekalan air, agensi yang terlibat seperti Jabatan Bekalan Air telah bertukar fungsi menjadi sebagai badan kawal selia dan bertanggungjawab memantau perjalanan pentadbiran sistem penswastaan tersebut.

Walau bagaimanapun, kita lihat Jabatan Bekalan Air sebagai satu jabatan yang diberi amanah untuk mengawal selia mutu air dan juga perkhidmatan air tidak dapat menjalankan tugas dengan berkesan. Tambah lagi saya cukup marah apabila saya balik tengok kawasan kampung dia korek paip, paip sudah dikorek kemudian dia timbun balik dengan tanah. Itu tar pun tidak buat langsung. Dia tidak turap balik jalan itu. Itu pun JBA tutup sebelah mata. Ini saya rasa satu pengawalan yang cukup memalukan.

Saya minta apabila kita minta pengawasan yang berkesan, saya minta bahawa semua kerja-kerja ini dapat dijalankan dengan baik. Apabila paip ditukar dan dikorek, tanah itu hendaklah diturap dengan batu. Janganlah sehingga dua atau tiga bulan dan kadang-kadang sampai enam bulan pun tidak diturap semula. Ini akan memalukan perkhidmatan bekalan air kita.

Saya juga menyatakan bahawa badan kawal selia yang diwujudkan untuk menghadapi kekurangan tenaga kerja dan juga kepakaran untuk menjalankan kerja-

kerja pengawasan dan pemantauan itu adalah amat penting. Oleh itu saya minta Yang Berhormat Menteri supaya pihak tenaga kerja kita dapat ditambah. Kalau kita lihat bekalan air, memang JBA kurang pakar-pakarnya.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi saya ingin hendak mencadangkan, saya lihat bahawa penduduk kita guna air secara membazir. Mencuci kereta menggunakan macam-macam, sembur sahaja! Kalau pancutan air di rumah dia tidak kuat, dia tambah pam lagi untuk menambahkan pancutan air itu. Oleh itu saya rasa pembaziran air ini akan mengakibatkan kita kekurangan air pada suatu hari nanti.

Kita perlu mewujudkan satu kempen untuk mendidik anak-anak kita untuk menggunakan air dengan cermat. Saya rasa ini penting. Kalau kita tidak mendidik anak-anak kita sejak awal lagi, susah kita hendak tanamkan semangat menggunakan air dengan cermat dan kita dapat sama-sama menjaga persekitaran kita dengan baik.

Saya juga ingin mencadangkan bahawa kementerian boleh mengadakan satu tabung untuk menjalankan penyelidikan terhadap masalah air bersih (*quality water*). Apakah air sebenarnya yang bersih seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat bagi Tangga Batu tadi bahawa *Carlsberg* menggali air keluar daripada tanah? Siapa yang mengawal air, kualiti air dan apakah sebenarnya *benchmark* kualiti air bersih? Oleh itu saya rasa kementerian perlu mempunyai satu badan penyelidikan yang tinggi untuk mengawasi semua masalah-masalah ini. Dengan kata-kata saya mohon menyokong. Terima kasih.

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ledang.

1249 tgh

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan yang telah berjaya membawa usul ini iaitu berkaitan dengan pindaan Perlembagaan di dalam Parlimen pada hari ini dalam Dewan yang mulia ini lebih-lebih lagi dalam suasana negara sedang berkembang pesat dan bersaing dengan negara-negara lain juga di tengah-tengah suasana rakyat semakin prihatin tentang hak-hak mereka dan menuntut perkhidmatan yang lebih baik dan menjurus kepada penghidupan yang lebih selesa. Rakyat tidak lagi sanggup dibebani dengan masalah yang berkaitan keperluan asas sama ada air, elektrik, telefon, pengangkutan dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun ada pihak lain yang menentang tetapi persoalannya ialah kita yakin akan wujud perkongsian kuasa tentang pengurusan air antara Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri-negeri, kita bukannya merompak hak mereka, bukannya mencero boh, tidak, tetapi lebih kepada kepentingan bersama, tanggungjawab bersama untuk faedah bersama.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat telah jemu dan bosan termasuklah rakyat di Pontian, di Kulai, di Ledang, di Ayer Hitam, di seluruh negara jemu apabila diajukan dengan soal air yang kotor, soal air yang warna merah, ada juga yang warna hitam kerana dia sedut pakai pam, tekanan air yang rendah dan bekalan yang sering terputus, catuan air dan macam-macam lagi, lebih-lebih bagi mereka yang tinggal di rumah-rumah pangsa apabila air tidak ada.

Tuan Yang di-Pertua, kepada rakyat dalam sebuah negara yang maju, dalam dunia yang moden, mustahil soal yang mudah iaitu soal rawatan air dan agihan air tidak dapat diurus dengan sempurna tetapi Alhamdulillah, soal yang besar ini telah pun dapat dikesan dan cadangan pindaan Perlembagaan ini akan dapat merongkainya khususnya dalam soal yang berkaitan dengan soal NRW, soal pertambahan permintaan dan sebagainya, kerana kita sedar bahawa negara akan memerlukan 30,000 *million* liter air sehari menjelang tahun 2050.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Gombak bangun.

Ir. Haji Hamim bin Samuri: Silakan

Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih sahabat saya daripada Ledang. Apabila Yang Berhormat bagi Ledang menyentuh soal kualiti air. Kalau kita lihat, kalau kita pergi ke luar negara dan tinggal di hotel atau di mana-mana, yang pertama yang kita ingin tahu ialah kualiti air tersebut sama ada air itu boleh diminum terus dari paip ataupun *tap water* ataupun harus dimasak dan sebagainya dan kita tahu bahawa perbezaannya sungguh besar. Kalau kita pergi ke negara yang telah membangun *developed countries*, kita tahu bahawa air itu boleh kita minum terus dari *tap water* berbanding kalau kita pergi ke negara-negara yang masih membangun. Ini juga melambangkan sosio ekonomi dan juga taraf negara tersebut.

Kita tahu bahawa apabila sumber air itu di bawah kuasa negeri dan juga yang lain itu seperti rawatan, pengagihan, pengebilan di bawah Kerajaan Persekutuan, yang

kita takutkan ialah koordinasi ini, iaitu koordinasi sumber air itu dan juga bentuk pengawasan sumber air itu. Kita tahu bahawa yang banyak disebutkan ialah dari segi kualiti air tersebut dalam bentuk fizikal. Kita tahu apa yang kita lakukan sekarang ini terhadap kualiti air adalah sesuatu yang amat asas iaitu melihat pencemaran najis ataupun *faeces* di dalam air, yang kita lihat ialah tahap "*qualiform*". Jadi kita tahu sekarang ini dengan berbagai-bagai penyakit yang dijumpai terutamanya *contamination virus*, *contamination protozua*, oleh kerana pencemaran sumber air yang berleluasa.

Jadi yang saya ingin penjelasan dan saya ingin tahu daripada sahabat saya Yang Berhormat bagi Ledang, dengan adanya pembahagian ini iaitu di mana sumber air di kawal oleh kerajaan negeri dan pengagihan *treatment* dan juga pengebilan oleh Kerajaan Persekutuan, koordinasi untuk mengawal ataupun koordinasi untuk memantau kualiti air di pusat sumber ini akan dapat dijaga dengan baik.

Ir. Haji Hamim bin Samuri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebab itulah seperti juga soal kebersihan dan soal kesihatan dikongsi bersama antara Kerajaan Pusat dan negeri. Dan saya yakin pindaan Perlembagaan ini, menjurus kepada perkara tersebut sekadarkan dalam pindaan tersebut kita masih lagi mengekalkan di mana kuasa sumber air itu di peringkat kerajaan negeri, bukan berkongsi bersama. Mungkin kajian perlu dibuat untuk memasukkan sekali perkongsian air di dalam Perlembagaan tersebut kerana atas kepentingan bersama dan setelah mengambil kira soal tuntutan semasa sumber air sewajarnya tidak mengambil kira sempadan negeri ataupun sempadan politik, sekali gus akan dapat memudahkan urusan perkhidmatan air dan dapat membantu negeri-negeri yang kekurangan sumber air seperti Melaka.

Tuan Yang di-Pertua, negeri Melaka membeli air daripada Ledang, yang melalui kampung-kampung Serum, [*Ketawa*] kerana kita hendak bantu negeri Melaka.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Tangga Batu dari Melaka.

Ir. Haji Hamim bin Samuri: Silakan.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Saya berminat sebab dia menyebut fasal Melaka Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat bagi Ledang. Saya hendak mengajukan soalan ini kepada Yang Berhormat bagi Ledang. Ini berkenaan dengan *unbundling and bundling process* untuk menyebabkan sebuah organisasi itu menjadi lebih cekap dan berkesan di dalam penyampaian perkhidmatan.

Dari segi fizikalnya, sesebuah organisasi itu lebih mudah untuk bergerak apabila ia dalam keadaan yang kecil, dipecahkan mengikut sektor-sektor negeri Melaka, Johor dan sebagainya. Hari ini kita bergerak ke arah *bundle* 'membesarkan' dan besar ini dari segi teori kaitan dengan mobiliti itu adalah bercanggah, lagi besar lagi mudah hendak bergerak, lagi sukar untuk kita menyediakan perkhidmatan dan juga penyampaian perkhidmatan yang berkualiti. Jadi, saya minta Yang Berhormat bagi Ledang berdasarkan hujahnya tadi itu, minta memberikan penjelasan bagaimanakah dengan *centralization of water management* ini boleh menyebabkan kita menjadi lebih cekap di dalam penyediaan perkhidmatan dan pembekalan air.

Ir. Haji Hamim bin Samuri: Terima kasih sahabat dari Yang Berhormat bagi Tangga Batu. Tuan Yang di-Pertua, saya teringat pada suatu ketika dahulu, Tun Dr. Mahathir pernah menyebut bahawa JKR ini ia macam gajah, ia hendak bergerak payah, tetapi apabila ia bergerak yang dilanggar semuanya ranap.

Tuan Yang di-Pertua, tetapi saya percaya dalam dunia yang moden sekarang, dalam dunia *digital*, dalam dunia ada satelit dan sebagainya *bundle* besar ataupun *bundle* kecil mudah diurus. Mungkin ada bahagian-bahagian tertentu yang kita *decentralize*, tetapi bahagian yang penting atas kepentingan bersama kita *centralise*.

Tuan Yang di-Pertua, harapan rakyat ialah sistem pengurusan bekalan air yang lebih baik yakni cekap dan berkesan dengan penekanan kepada tarif air yang rendah yakni yang berpatutan. Dalam negara Malaysia ada negeri 1 liter 0.90 sen dan ada negeri 0.30 sen, ia tidak sekata. Cuma kita bimbang sekiranya berlaku pindaan Perlembagaan ini dan akan berlaku perkara tarif ini akan menjadi suatu kebimbangan yang besar kerana mungkin Johor hendak sama dengan Pulau Pinang, Johor terpaksa naik daripada 0.30 sen kepada 0.90 sen, ataupun mungkin ada berita baik bagi Pulau Pinang juga daripada 0.90 sen turun kepada 0.50 sen atau 0.30 sen kerana hendak sama dengan Johor dan lain-lain. Tuan Yang di-Pertua, perkara ini perlu dijelaskan.

Kedua, rakyat seperti yang saya sebutkan tadi mengharapkan langsung tidak ada gangguan bekalan air terputus dan sebagainya. Kita baru sahaja dikejutkan oleh gangguan TNB. Syarikat air di Johor, pam air bergantung kepada tenaga daripada TNB. Jika TNB terputus bekalan, maka pam tidak berjalan, pam untuk sedut air daripada sumber ke pusat rawatan. Maknanya kita tidak boleh bergantung bekalan elektrik semata-mata daripada TNB. Dalam soal mengurus air, kita perlu ada *standby*

generator dengan izin, sebab biar tidak ada api tetapi jangan sampai tidak ada air. Kita tidak sanggup tidak ada api pada masa yang sama tidak ada air.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat juga mengharapkan mutu air yang tinggi maknanya rakyat akan menolak jika terpaksa membayar kos yang tinggi kerana kepada mereka air adalah sumber asli dan keperluan sejagat. Anugerah Allah S.W.T. untuk kehidupan manusia dan seluruh kehidupan di dunia ini walaupun rakyat faham kos pengurusan bekalan adalah sesuatu yang mahal, tetapi rakyat akan melihat bahawa setiap sen yang dibayar adalah untuk mereka dan bukan untuk keuntungan yang melampau apatah lagi jika pengurus-pengurus bekalan air suatu masa nanti hidup terlampau mewah. Maknanya Lembaga Pengarah, Pengerusi kepada syarikat-syarikat air ini

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, bolehlah sambung nanti.

Ir. Haji Hamim bin Samuri: Sambung? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Masa sudah cukup. Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan yang mulia ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat bagi Ledang sila sambung perbincangan.

2.30 ptg.

Ir. Haji Hamim bin Samuri: [Ledang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Seperti yang saya sebutkan tadi, rakyat akan menolak jika mereka terpaksa membayar kos yang tinggi. Sebab pada mereka, air adalah sumber asli dan keperluan sejagat anugerah Allah S.W.T. Walaupun mereka faham bahawa kos pengurusan bekalan air adalah sesuatu yang mahal tetapi rakyat akan melihat bahawa setiap sen yang dibayar oleh mereka adalah untuk bekalan air semata-mata dan bukan untuk keuntungan yang melampau. Apatah lagi jika pengurus-pengurus bekalan air hidup terlampau mewah.

Maksud saya Tuan Pengerusi, contohnya, ramai di kalangan kita yang pergi ke pejabat TNB, satu badan korporat – konglomerat, pergi berjumpa pegawai – bukan saya cemburu atau tidak bersetuju dengan peralatan perabotnya yang lebih hebat, tetapi saya fikir kadang-kadang perabot saya pun kurang standard daripada dia. Tuan Yang di-Pertua, ini pada peringkat pegawainya, bukan pada peringkat pengurus – maknanya rakyat tidak rela jika sesuatu keuntungan itu ataupun sesuatu perbelanjaan itu lebih untuk gaya hidup yang mewah dalam pejabat sedangkan rakyat terpaksa membayar kos yang tinggi ataupun rakyat terpaksa menampung kenaikan sesuatu tarif.

Begitu juga PLUS – Tol, ambil contohnya, mereka kata rugi tetapi saya tengok mereka menanam pokok jati di tepi jalan tetapi tidak hidup, buat hotel tidak ada orang yang hendak menyewa, bangunannya ada. Itu contoh. Maknanya kepada saya, kita perlu berhati-hati. Mungkin kesilapan berlaku di sana sini, kita tidak menafikan tetapi kita perlu berhati-hati.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan ini menjadi lebih penting apabila aplikasi dan kepakaran moden perlu dibangunkan dan diseragamkan. Saya menyokong cadangan daripada Ahli Yang Berhormat bagi Tanah Merah tadi, maknanya di mana Kerajaan Pusat akan dapat lebih berperanan membangunkan kepakaran moden tersebut dan selaras dengan bukan sahaja soal tuntutan rakyat tetapi juga keperluan semasa untuk menyesuaikan dengan perkembangan teknologi masa kini, sekali gus akan dapat mengembangkan pengetahuan urusan air dengan menekankan inovasi dan pembangunan teknologi di samping menyesuaikan dengan iklim dan suasana setempat.

Di sinilah kita perlu lebih ramai pakar-pakar dalam bidang pengurusan air, dalam bidang teknologi air yang sesuai dengan iklim semasa. Kadang-kadang mereka pergi belajar di tempat lain, mereka menimba ilmu pengetahuan di tempat lain tetapi tidak sesuai dengan negara kita. Mungkin dengan sebab itulah kita masih lagi berdepan dengan masalah pengurusan air.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, teknologi air - rawatan air perlu dikembangkan, bukan sekadar begitu sahaja. Sekiranya kita berjaya mengembangkannya, insya-Allah, pada masa akan datang, kita akan berjaya mengeksport teknologi rawatan ataupun pengurusan air dan akhirnya menjadi satu sumber pendapatan kepada kita.

Diharapkan juga, sektor pengurusan air akan menjadi satu sektor yang setanding dengan sektor-sektor lain seperti teknologi maklumat, *biotech* dan lain-lain. Selama ini pun, sektor bekalan air dianggap sebagai sektor lama dan tidak diminati kerana seolah-olah tiada daya saing dan tidak berdaya maju. Kerajaan negeri lebih cenderung ke arah membina pembangunan bekalan air yang tidak setanding dengan pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, kebiasaannya keadaan menjadi kritikal apabila bekalan air telah tidak cukup bukan sebelum bekalan air berkurangan. Maknanya, pembangunan di sesuatu tempat kita buat tetapi tanpa mengambil kira keperluan air yang selaras atau seimbang dengan pembangunan.

Begitu juga dengan soal NRW. Di dalam Semenanjung Malaysia sahaja tidak termasuk Sabah dan Sarawak - ini daripada Laporan CPA - Negeri Sembilan mencatatkan NRW setinggi 44% yang paling tinggi di kalangan negeri-negeri di Semenanjung Malaysia. Pulau Pinang adalah yang terendah sebanyak 20%. Umumnya, penyumbang utama kepada NRW adalah paip bocor, kecurian, meter rosak atau tidak didaftarkan.

Tuan Yang di-Pertua, umumnya di dalam negara Malaysia sebanyak 40% daripada keluaran kita adalah hilang begitu sahaja. Maknanya sekiranya negara Malaysia sekarang mengeluarkan 10,000 MLD, dengan izin, *million liter per day*, kita hilang 4,000 MLD sehari. Saya telah mengira tadi bahawa kita telah kerugian tidak kurang daripada RM1 juta sehari dan setahun hampir setengah bilion dan akan datang mungkin meningkat lagi.

Sebenarnya penyelesaian kepada masalah tersebut adalah sesuatu yang mudah. Kalau paip bocor mungkin logiknya boleh ditampal, tetapi saya yakin perlu ada teknologi baru dan perlu ada inovasi bagaimana kita boleh menyelesaikan masalah NRW. Misalnya ada teknologi yang boleh bukan sahaja menggantikan paip, malahan memasukkan paip ke dalam paip yang sedia ada supaya yang rapuh tidak mudah bocor, tidak perlu diganti. Ada teknologi baru yang boleh kita import atau boleh kita bangunkan di dalam negara kita. Yang pentingnya, apabila perlembagaan ini dipinda, insya-Allah, saya yakin tindakan bersepadu yang berkaitan dengan soal kos dan kaedah tidak lagi menjadi masalah.

Tuan Yang di-Pertua, dengan pindaan tersebut juga saya yakin akan dapat memperkemaskan lagi kaedah penswastan bekalan air di mana yang saya baca iaitu

hanya di Johor, Pulau Pinang dan Kelantan sahaja yang menswastakan keseluruhan operasi bekalan air di seluruh negeri tersebut, maknanya daripada segi rawatan, pengagihan dan sampailah kepada kutipan-kutipan bil. Di negeri-negeri lain ada yang hanya menswastakan pengurusan rawatan, maknanya yang untung diswastakan tetapi yang kurang untung atau bermasalah tidak diswastakan. Akhirnya, umpama daging dapat kepada orang lain, tulang pula kepada orang lain. Yang untung mereka ambil dan yang bermasalah dan rugi orang lain yang ambil.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga yakin dengan pindaan ini akan tertubuhlah Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN). Saya yakin dengan adanya SPAN ini akan dapat menangani segala masalah bekalan air dan sekali gus membangunkan industri pengurusan air ke tahap yang lebih tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mencadangkan di dalam Dewan yang mulia ini, biarlah Ahli-ahli Suruhanjaya tersebut ataupun Ahli-ahli Lembaga Pengarah kepada badan-badan pengawalan yang akan dipilih hendaklah terdiri daripada mereka yang benar-benar berpengalaman, berkemahiran dan ada kepakaran dalam bidang teknologi. Kalau perlu jurutera - jurutera. Kalau perlu lawyer - lawyer.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: *[Masuk mengambil tempat duduk]*

Ir. Haji Hamim bin Samuri: Selamat datang. *[Bercakap kepada Ahli Yang Berhormat bagi Tangga Batu]* Ahli Yang Berhormat bagi Tangga Batu, dia macam hendak mencelah tadi. *[Ketawa]*

Di dalam Dewan ini pun ada, ini bukan hendak menangkan jurutera, tidak, ini secara kebetulan. Hal yang berkaitan dengan jurutera biarlah jurutera yang membuat keputusan. Contohnya, Tuan Yang di-Pertua, Ahli Lembaga Pengarah TNB seorang pun bukan jurutera elektrik, tidak ada seorang pun. Mungkin sebab itulah Tuan Yang di-Pertua, *problem* baru-baru ini bila dikejutkan dengan suis terbakar dan sebagainya. Sebab bagi saya, Tuan Yang di-Pertua, hanya mereka yang pakar sahaja yang mampu memahami dan menghayati, saya ulang Tuan Yang di-Pertua, memahami dan menghayati sesuatu keadaan di mana sebelum sesuatu keputusan dibuat biarlah fahaman dan penghayatan benar-benar dapat diagihkan dan dikongsi bersama dalam satu jawatankuasa sebelum sesuatu keputusan dibuat.

Insyaa-Allah kita tidak berdepan dengan masalah. Sebab kita bimbang apabila pindaan ini dibuat nanti, insyaa-Allah kita luluskan, kemudian tindakan diambil tetapi masalah masih lagi berterusan.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, soal kawal selia tadi, sahabat kita Yang Berhormat bagi Temerloh menyebut tentang *filter*. Saya ingin berkongsi pengalaman, Tuan Yang di-Pertua, tentang *filter*. Di Pulau Pinang satu kajian telah dibuat, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Tidak boleh?

Ir. Haji Hamim bin Samsuri: Silakan.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Sebelum pergi ke *filter* itu tadi, Yang Berhormat bagi Ledang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya tentang kepakaran pengalaman dan pengetahuan tentang ahli-ahli lembaga penasihat atau ahli-ahli ahli majlis suruhanjaya seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Ledang tadi kerana beliau mengambil contoh Tenaga Nasional yang menghadapi *half nation blackout* baru-baru ini. Adakah maksud Yang Berhormat kepakaran, pengetahuan serta pengalaman itu perlu ada di peringkat pembuat dasar iaitu ahli-ahli lembaga pengarahnya dan apakah jurutera-jurutera yang ada di dalam organisasi tersebut yang hidup dan mati dalam organisasi tersebut tidak mempunyai kepakaran, tidak mempunyai pengetahuan dan pengalaman sehingga boleh menyebabkan sesuatu tragedi berlaku di dalam organisasi itu. Jadi serupalah juga nanti apabila kita memusatkan rumusan dan pentadbiran air ini nanti.

Ir. Haji Hamim bin Samsuri: Terima kasih sahabat saya, Yang Berhormat bagi Tangga Batu. Tuan Yang di-Pertua, pada saya kita tidak nafikan peranan mereka di peringkat pentadbiran dan peringkat pengurusan tentang kepakaran mereka dan sebagainya. Tetapi apabila sesuatu keputusan dibuat, sudah pastilah sesuatu fakta atau sesuatu cadangan itu memerlukan perbincangan bersama, sedangkan mereka yang di peringkat bawah ini kadang-kadang dia tidak duduk dalam lembaga pengarah yang membuat keputusan dan kita perlu juga ada pandangan lain daripada pihak pakar yang tidak dalam peringkat pengurusan, tetapi ada idea-idea yang bernas yang boleh dikongsi bersama dan dapat membuat keputusan yang lebih baik.

Di dalam Dewan ini pun, Tuan Yang di-Pertua, ramai juga mereka yang berkemahiran dan pada masa yang sama menjadi Ahli Parlimen. Begitu juga Tuan Yang di-Pertua, soal *filter* tadi, saya hendak berkongsi pengalaman, *filter* diletakkan dekat dengan paip, dekat dengan meter. Tujuannya memang betul untuk membersihkan air daripada karat dan sebagainya, tetapi Tuan Yang di-Pertua, ramai yang tidak faham bahawa pada satu tempoh, *filter* tersebut perlu dibersihkan sebab jika tidak dibersihkan dia akan berlaku pencemaran, akan wujud bakteria dan lebih malang lagi bakteria tersebut bukan sahaja masuk ke dalam rumah yang *difilter* tadi, tetapi juga rumah jiran-jiran lain yang bersebelahan. Maknanya dia telah menyebabkan masalah kepada jiran-jiran.

Oleh yang demikian saya yakin perkara ini juga, insya-Allah akan diberi perhatian oleh SPAN tadi. Yang terakhir Tuan Yang di-Pertua, soal hak umur, saya menyokong, soal warisan juga saya menyokong, saya menyokong keseluruhan usul, insya-Allah. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Kuala Terengganu.

2.45 ptg.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin terlibat sama dalam pindaan Perlembagaan 2004 iaitu berhubung dengan pindaan Jadual Kesembilan dan juga pindaan Jadual Kesepuluh.

Saya melihat perubahan yang bakal dilakukan ini ada kaitannya dengan prestasi dan senario semasa dalam usaha kita memberi kualiti dan mempertingkatkan kualiti bekalan air. Dalam konteks ini saya ingin tarik perhatian Ahli Dewan berhubung dengan tahap-tahap kejayaan yang dicapai dalam usaha kita untuk membekalkan air. Saya lihat usaha untuk membekalkan air ini dijalankan oleh pelbagai pihak. Setengah negeri masih meletakkan tugas pengendalian air ini di bawah Jabatan Bekalan Air. Setengahnya pula telah diswastakan.

Bagi di negeri Terengganu pula telah ada usaha-usaha pengkorporatan. Di Terengganu kita ada satu. Saya dapat perhatikan dengan pengelolaan cara kaedah, cara satu pengkorporatan di negeri Terengganu ini, ia telah dapat menambahkan kutipan hasil daripada kegiatan industri air ini. Sebelum itu di bawah kelolaan JBA, kerajaan negeri cuma dapat mengutip kira-kira RM18 juta sahaja. Dengan kelolaan di

bawah satu kaedah ini, secara pengkorporatan ini, ia telah dapat meningkatkan kepada angka kira-kira RM78 juta. Ertinya sudah ada satu keberkesanan.

Namun dilihat secara keseluruhan, JBA, pengkorporatan dan juga penswastaaan ini maka sekarang ini ada satu rancangan untuk memastikan segala aktiviti-aktiviti bekalan air ini diseragamkan dan dipusatkan, namun satu perkara yang harus kita beri perhatian, pemusatan tidak membawa makna ia akan menambahkan lagi keberkesanan. *Centralization* itu berbanding *decentralization* ini, dengan izin, masih belum menjanjikan keberkesanan. Bagaimanapun ini adalah merupakan satu perkara yang harus diambil fikir oleh pihak kementerian dan kerajaan agar dengan peralihan *decentralized* kepada *centralization* ini akan membawa kesan yang lebih bermakna dan berfaedah kepada rakyat.

Satu perkara yang menarik perhatian kita dari segi bekalan air ini, Tuan Yang di-Pertua, ialah bahawa prosesnya begitu panjang sekali. Ia bermula daripada sumber air *water catchment*, *water treatment* iaitu rawatan ke atas air, distribusi air, pengagihan air dan kemudian seterusnya kepada pemprosesan kepada sisa-sisa air ini. Ini memerlukan satu tindakan secara bersepadu, tidak boleh dibuat secara berasingan. Maka dalam konteks ini saya lihat ada logiknya sekarang ini kita memperkenalkan SPAN atau Suruhanjaya Pengurusan Air Negara supaya penyelenggaraan itu dapat dibuat dengan cara yang bersepadu, tidak pula dibuat secara yang terasing.

Misal kata dari segi *water catchment* ini, kita telah dibincangkan awal-awal tadi bahawa *water catchment* ini kalau tidak kita awasi dengan sebaik mungkin, dalam kegelojohan pembangunan sekarang ini, ia boleh merosakkan dan membinasakan kawasan-kawasan tadahan air kita .

Dalam konteks ini, peranan pembangunan alam sekitar juga harus terlibat sama. Selain daripada itu juga bekalan air ini juga harus diberi perhatian yang serius terutamanya oleh SPAN ini, bagaimanakah kita hendak menambahkan sumber air ini. Buat masa sekarang ini barangkali usaha untuk mendapatkan air itu cuma daripada tasik dan sungai. Usaha-usaha untuk mendapatkan bekalan air daripada bumi, *underground water*, saya kira adalah merupakan satu usaha yang harus dibuat dan ini memerlukan satu dana yang besar. Saya kira juga dalam konteks ini untuk memastikan kita mempunyai dana yang besar ini, pengurusan yang dibuat oleh

SPAN ini pula perlu satu badan ataupun disebut sebagai *holding asset water*, *asset holding company* untuk memastikan satu dana yang besar dapat diwujudkan.

Saya ingin bertanya kepada pihak Menteri, bagaimanakah proses *Water Asset Holding* ini memainkan fungsi dan peranannya sebab ini adalah begitu penting sekali dalam usaha kita hendak memastikan bahawa ia dapat berjalan dengan begitu berkesan sebab daripada dana inilah kita dapat menjamin mutu operasi yang boleh dilaksanakan dengan sebaik mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang telah ditimbulkan oleh rakan-rakan yang terawal daripada saya ialah dari segi pengagihan air ini. Yang menjadi masalah kepada kita ialah masalah yang berbangkit dari segi NRW – Non-Revenue Water - dan tadi telah ditimbulkan bahawa di setengah negara ia dapat disifarkan pembaziran air ini. Ini adalah merupakan satu usaha yang baik. Saya kira SPAN juga harus mempunyai *target*, harus mempunyai *KPI – Key Performance Indicators* - untuk memastikan NRW ini dapat dicapai agar dengan NRW, pembaziran kurang ini kita boleh memastikan pula bayaran tarif kepada pelanggan-pelanggan kita itu dapat dikurangkan kerana dalam masa yang sama juga saya kira dengan keberkesanan pengurusan kewangan dan dengan kurangnya NRW ini, aktiviti-aktiviti lain dapat dan usaha-usaha serta aktiviti perindustrian dan teknologi air yang lain dapat dimanfaatkan.

Satu perkara yang hendak saya sentuh di sini ialah strategi yang diambil oleh pihak kerajaan dalam usaha untuk meminda Akta Perlembagaan ini. Kita hendak mewujudkan satu keadaan di mana terdapatnya kerjasama, permuafakatan, *public private partnership* ataupun satu simbiosis yang melibatkan kerajaan, swasta dalam satu pakatan untuk memastikan proses *procurement*, untuk memastikan pengurusan menangani pelbagai masalah berhubung dengan pengelolaan air ini, akauntabiliti dapat dijamin. Maka ini adalah merupakan satu strategi yang begitu elok dan begitu cantik sekali dalam kita memastikan soal *water catchment*, *water treatment*, distribusi dan *sewage* ini dapat dikelolakan dan dikendalikan dengan sebaik mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, saya ada beberapa persoalan untuk dikemukakan kepada pihak kementerian yakni apakah kaedah yang akan digunakan oleh pihak Suruhanjaya untuk memastikan operator-operator yang mengendalikan bekalan air ini menunjukkan prestasi yang mantap dan memberi faedah kepada pengguna-penggunanya. Apakah akan disediakan macam KPI ataupun *Key Performance Indicators* kepada pihak yang mengelolakan, yang mengendalikan, yang menguruskan

air ini dan apakah penalti-penalti sekiranya pihak operator ini tidak dapat menepati KPI ini? Saya kira SPAN akan mengawal dari segi *licensing* ataupun dari segi memberi hak mengelolakan segala aktiviti-aktiviti ini. Tetapi satu perkara juga, kerajaan negeri juga harus diberi hak untuk memastikan SPAN dapat bekerjasama dengan sebaik mungkin supaya sentiasa wujud konsultasi, perbincangan dua hala, saling merujuk di antara satu sama lain agar hak memberi lesen kepada pengusaha-pengusaha ini tidaklah berlaku secara rambang sahaja tetapi harus dibuat secara rapi dengan mendapat kerjasama dan persetujuan daripada pihak negeri sendiri.

Satu perkara lagi yang hendak saya sentuhkan di sini bahawa saya kira dengan kerjasama di antara SPAN dan juga kerajaan negeri ini, kita boleh...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: [*Bangun*]

Dato' Razali bin Ismail: Ya, silakan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih. Saya hendak sentuh sedikit. Kebetulan Menteri dari Qatarada di sini. Berhubung dengan syarikat yang akan terlibat dalam pengurusan air ini, biasanya apabila mereka telah memperoleh projek tersebut, masalahnya ialah apabila mereka menghadapi kerugian di kemudian hari sebagaimana yang berlaku di sesetengah negeri seperti Selangor umpamanya. Adakah kerugian ini besok, bahananya akan dipulangkan balik kepada kerajaan? Jadi, apakah pandangan Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu tentang perkara ini kerana inilah yang menjadi masalah yang kita timbulkan. Yang kita tahu adalah yang tersurat, yang tersirat kita belum lagi pasti perkara ini akan berlaku. Terima kasih.

Dato' Razali bin Ismail: Terima kasih Yang Berhormat bagi Larut. Saya rasa ini adalah merupakan perkara-perkara yang harus difikirkan dengan teliti oleh pihak kerajaan yakni apabila berlakunya satu kerugian itu. Apakah kerugian itu akan ditanggung oleh pihak pengguna sendiri? Dalam konteks ini, itulah yang saya katakan tadi, saya kira kerajaan harus menentukan *Key Performance Indicators* yakni sesuatu piawaian, *standard, benchmark* yang tinggi untuk memastikan rakyat ataupun pihak penggunanya tidak menanggung bahana apabila berlaku sesuatu kerugian oleh syarikat-syarikat yang mengelolakan dan mengendalikan bekalan air ini. Saya kira pihak Menteri akan dapat memberi jawapan yang lebih konkrit tentang hal dan perkara ini.

Saya juga ingin tarik perhatian bahawa dengan kerjasama ini, saya rasa kita dapat menjana pembangunan dan perkembangan ekonomi yang lebih mapan kerana bukan sahaja dari segi pengurusan air malah saya kira dapat menggalakkan juga dari segi pelancongan, dari segi industri perikanan, dari segi pengangkutan kerana *catchment areas*, kalau sekiranya sungai dimanfaatkan, kalau sekiranya sumber air ini dapat dimajukan, misal kata kalau sekiranya kita dapat mewujudkan satu *underground water industry*, dapat pula kita membina tasik. Saya kira ini pula akan menjana banyak keuntungan ekonomi yang lain. dan

Dalam konteks ini juga, tadi banyak disimbolkan oleh rakan-rakan untuk kita memastikan tarif air ini tidak pula melambung dan saya kira dengan keuntungan-keuntungan yang bakal diperolehi oleh pihak pengusaha saya kira, dan dengan kurangnya NRW – *Non-Revenue Water* itu, saya kira beberapa perkara juga harus dapat ditangani dan jangan pula kita memberi kesan yang negatif kepada pihak pengguna dengan sewenang-wenangnya menaikkan tarif air.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: [*Bangun*]

Dato' Razali bin Ismail: Sila.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu. Oleh kerana Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu telah menyebut beberapa kali tentang situasi air ini pada persepsi pengguna-pengguna, pada hari ini mungkin kalau Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu boleh menjelaskan kepada kita bahawa air ini sebenarnya bukanlah sesuatu keistimewaan, bukanlah suatu kemudahan tetapi ia adalah keperluan asas. Apabila kita meletakkan air ini sebagai suatu keperluan asas, maka ia adalah suatu yang mesti ada dalam kehidupan.

Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu, apabila ini berlaku kita menyebut tentang *Key Performance Indicator* yang perlu dipantau oleh pihak Suruhanjaya dan kita perlu ingat bahawa hari ini rata-rata di peringkat pembahagian di mana pembahagian air-air ini kepada pengguna-pengguna dipertanggungjawabkan kepada kerajaan-kerajaan negeri dan ia mengalami kerugian. Di sini menampakkan kepada kita bahawa pengurusan pembahagian air ini tidaklah menepati seperti mana yang dihasratkan tetapi pandangan yang lain kita dapat melihat...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Penjelasan.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Saya berdiri atas celahan [*Ketawa*]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Oh ya, *sorry, sorry*, tidak apa...

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Di dalam hal yang lain, kita dapat melihat ada pihak-pihak yang mengaut keuntungan umpamanya mereka yang mengurus dan mentadbir loji-loji rawatan dan keuntungan mereka, *the returns on the investment* – pulangan kepada pelaburan mereka melebihi 30% daripada pelaburannya dan keadaan ini berlaku, ketidakseimbangan ini berlaku, yang akhirnya kita terpaksa berbahas di sini untuk meletakkan pengurusan dan pentadbiran air ini kepada Kerajaan Persekutuan.

Jadi apa komen Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu tentang ketidakseimbangan yang berlaku di dalam pengurusan dan pentadbiran air ini?

Dato' Razali bin Ismail: Terima kasih Yang Berhormat bagi Tangga Batu. Saya cukup bersetuju tadi bila disebut bahawa air adalah sebagai satu keperluan asas dan kita tidak harus mengenakan tarif yang tinggi kepada rakyat. Saya kira keuntungan boleh diperolehi melalui pelbagai cara bukan hanya dapat melalui tarif ke atas air ini. Misal kata, *the spillover effect* daripada industri air dan juga teknologi air ini boleh mendatangkan keuntungan dalam bentuk yang lain tetapi jangan pula kita mengenakan tarif yang tinggi ke atas air sebab keuntungan dari segi pelancongan, dari segi bekalan *water treatment, sewage* saya kira banyak keuntungan yang lain yang diperolehi melalui *the spillover effect* daripada air ini.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: [*Bangun*]

Dato' Razali bin Ismail: Silakan Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Kalau boleh saya tambah sedikit. Mungkin dalam perkara ini pihak Kerajaan Persekutuan boleh melihat untuk tidak menimbulkan *conflict of interest* ataupun *dispute*, dengan izin, tentang syarikat-syarikat yang akan mengurus air ini. Kita mengutamakan agensi-agensi kerajaan yang ada kepakaran. Contoh yang saya bagi, kalau di Kuala Lumpur - Bandaraya Kuala Lumpur dan di Ipoh – Majlis Bandaraya Ipoh ataupun kerajaan-kerajaan tempatan. Ini lebih memudahkan lagi kerana mereka ada akauntabiliti. Bagaimana Yang Berhormat, supaya kita dapat beri sedikit input kepada Menteri yang berkenaan? Terima kasih.

Dato' Razali bin Ismail: Saya amat bersetuju, bahawa salah satu kriteria pembekal ataupun *operator* air ini harus mempunyai kredibilitinya, integritinya malah

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita memperkenalkan kita Pelan Integriti Nasional ini. Dengan adanya KBI pula, ini akan memperkukuhkan lagi prestasi dan juga *efficiency* kepada syarikat-syarikat yang dipilih ini. Maka ini adalah merupakan satu perkara yang harus diteliti sungguh-sungguh oleh pihak kerajaan, malah oleh pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara ini untuk kita memastikan kita mempunyai *operators* yang ada kewibawaan, yang ada kredibiliti dan integriti yang tinggi untuk memastikan penambahbaikan dan juga penyelesaian dan kesejahteraan rakyat itu dapat dijamin. Akhir sekali, saya

Tuan Lau Yeng Peng: *[Bangun]*

Dato' Razali bin Ismail: Silakan Yang Berhormat.

Tuan Lau Yeng Peng: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu. Mengenai *operators* dan syarikat-syarikat yang akan dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan pemprosesan dan juga bekalan air, adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa untuk kepentingan rakyat dalam jangka masa yang panjang, kita harus bukakan *tender* ataupun *operation* kepada syarikat-syarikat yang berwibawa, walaupun mereka daripada luar negara untuk memberikan atau mentransferkan teknologi kepada operator-operator tempatan dan seterusnya ini akan menambahkan daya saing terhadap operator-operator tempatan pada jangka masa yang panjang akan datang, setuju atau tidak Yang Berhormat mengenai cadangan ini? Terima kasih.

Dato' Razali bin Ismail: Terima kasih, memanglah seperti mana yang telah dicadangkan tadi bahawa *operators* ini haruslah merupakan syarikat-syarikat ataupun pihak-pihak yang ada kewibawaannya. Kata kunci yang harus kita tekankan di sini ialah dari segi kredibilitinya dan satu lagi sama ada dibuka kepada *operators* daripada luar negara, ini adalah merupakan satu syarat lagi barang kali yang harus boleh difikirkan oleh pihak kerajaan yang ada kewibawaan, barang kali ada modalnya pula, dapat menepati KBI yang telah kita tetapkan dan ini adalah merupakan perkara-perkara yang harus dimantapkan, yang harus dilihat sungguh-sungguh oleh pihak kerajaan terutama dalam kita menggubal peranan SPAN yang akan diwujudkan ini.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Bangun]*

Dato' Razali bin Ismail: Sila Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih Kuala Terengganu dan Tuan Yang di-Pertua. Saya amat tertarik dengan *spill over effect* (SOE) seperti Yang Berhormat utarakan tadi. Jadi *from Return Of Investment (ROI)*

and now you go to Spill Over Effect (SOE), so apakah perniagaan-perniagaan sampingan? Kerana bagi saya, saya melihat Jabatan Kerja Air (JKA) yang dahulu telah mentadbirkan air ini dengan cukup bersistematik walaupun tidak ada teknologi-teknologi yang terancang pada ketika itu.

Jadi mungkin Unit JKA ini boleh kita jadikan macam seolah-olah satu badan swasta di bawah SPAN ini untuk menguruskan kerana mereka mempunyai kakitangan yang mencukupi Tuan Yang di-Pertua, dan pengalaman supaya mereka dapat menguruskan, kerana dari dahulu lagi mereka sudah menguruskan hal air ini, di kawasan saya, JKA lah yang dok buat air itu, kalau 'jam' pun depa dan kalau tak 'jam' pun depa, tetapi sekarang ini apabila syarikat-syarikat baru ini terlampau banyak Dato' Sri Menteri, [*Bercakap dalam bahasa Cina*] Dato' Menteri ini mata pejam tetapi tidak tidur Tuan Yang di-Pertua, dia bagus, otak dia berjalan, hah itu yang bagus. [*Ketawa*].

Jadi, apakah SOE-SOE Yang Berhormat katakan tadi yang boleh kita, jadi bermakna syarikat yang menswastakan air ini tidak perlu menumpukan kepada keuntungan jualan air, tetapi menumpukan keuntungan SOE mereka itu, *so that ROI* mereka itu *bottom line very good* dan menguntungkan, macam mana pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

Dato' Razali bin Ismail: Ini adalah merupakan suatu pandangan yang saya kira jauh ke hadapan. [*Tepuk*] Itulah saya kira rakan kita daripada Tanah Merah tadi telah menyebut tentang perlunya kita membina dan mewujudkan institusi penyelidikan dan pembangunan (R&D) tadi. Kalau boleh di bawah Suruhanjaya SPAN ini ada bahagian yang akan membuat R&D dari segi inovasi, dari segi pembaharuan, penemuan perkara-perkara baru, lebih-lebih lagi sekarang ini negara kita sedang menuju kepada era yang disebut sebagai *knowledge driven (k-driven)*. Jadi dengan penemuan-penemuan baru dengan *new discovery*, dalam teknologi ini barangkali banyak perkara yang boleh dibuat, hatta di Singapura barangkali banyak perkara yang boleh dibuat, hatta di Singapura barangkali kita tahu ada *New Water*, sisa air, air perlimbahan yang barangkali sudah jijik bagi sesetengah orang tetapi dapat diproses dan dapat diminum oleh Perdana Menteri sendiri. Barangkali teknologi-teknologinya mungkin mahal tetapi kalau sekiranya dapat diusahakan, dapat dilipatgandakan, dapat diberi peruntukan dengan segala keseriusannya, maka saya kira banyak penemuan-penemuan baru dapat dibuat dan inilah yang boleh menjana SOE yang telah disebut oleh Jerai sebentar tadi. Ini harus dimanfaatkan dengan

sebaik mungkin saya kira, sebab di sini saya melihat di bawah kementerian, apa kata

Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: *[Bangun]*

Dato' Razali bin Ismail: Minta maaf ya, banyak industri yang dapat dijana di dalam sektor komunikasi dan juga di bawah sektor tenaga.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh beri laluan?

Dato' Razali bin Ismail: Sekejap, sekejap ya. Banyak industri dan banyak perkara yang boleh ditimbulkan sedangkan sekarang, saya melihat dari segi industri air ini masih belum dimanfaatkan dengan seluas-luasnya, sebab itu saya amat menyokong dengan gagasan yang sedang kita bincangkan sekarang sebab ia akan memberi peluang kepada penemuan-penemuan baru, dengan teknologi baru, malah disebut berkali-kali, ini adalah merupakan satu industri air dan dengan kita melipatgandakan usaha *Research and Development (R&D)* memperuntukkan dana kita, kepakaran kita dan kita merealisasikan *k-driven phenomena* ini, saya kira banyak hasil-hasilnya dari segi SOE yang telah disebut oleh Yang Berhormat bagi Jerai tadi akan dimanfaatkan, silakan Yang Berhormat.

Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu. Tadi Yang Berhormat ada sentuh tentang bekalan air di Singapura dan saya rasa Singapura mungkin tidak menghadapi banyak masalah bekalan air, termasuklah memproses air-air yang kotor dijadikan baik dan diminum semula, di antaranya ialah dibekalkan oleh kita sendiri iaitu di negara kita. Apakah Yang Berhormat terfikir agaknya selepas kita pinda Perlembagaan ini dan selepas kita berikan kuasa ini kepada badan-badan tertentu seperti SPAN dan sebagainya, mereka akan fikir balik bagaimana hendak mengalirkan air yang bersih ini kepada negara lain, termasuk jiran kita sama ada di selatan ataupun di utara. Terima kasih.

Dato' Razali bin Ismail: Itu juga merupakan suatu pemikiran yang ke hadapan, betapa sekarang ini kita hanya menyalurkan air mentah barangkali yang masih diproses dan yang masih belum diolah dengan sebaik mungkin kepada negara jiran kita. Jadi dengan perkembangan yang terbaru ini, saya kira ini adalah merupakan suatu perkara yang boleh difikirkan oleh pihak kerajaan dan kementerian sendiri tentang isu-isu dan cabaran ke hadapan.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian bahawa dalam usaha kita membekalkan air kepada rakyat kita ini dengan tarif yang berpatutan dan diterima, saya hendak bertanya apa akan jadi kepada beberapa institusi, apakah akan jumud sahaja institusi seperti Jabatan Bekalan Air (JBA). Saya perhatikan di Terengganu sekarang ini JBA semacam satu institusi yang sudah relevan, sebab satu telah mengambil peranannya. Saya tidak tahu apa akan berlaku di negeri-negeri lain, apabila usaha-usaha ke arah penswastaan PPP yang disebutkan tadi itu *Public Private Partnership* ini akan beroperasi dengan sepenuhnya. Apa akan berlaku kepada tenaga-tenaga kerja ini, apakah ada pemikiran-pemikiran kita untuk kita memastikan JBA ini terus *sustain* dalam perubahan-perubahan yang bakal berlaku? Sekian saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Kubang Kerian.

3.08 ptg.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pada hari ini kita bersidang untuk membincangkan satu pindaan yang cukup penting iaitu pindaan terhadap Jadual Kesembilan dan Kesepuluh Perlembagaan Persekutuan. Pindaan kali ini walaupun hanya melibatkan tentang pengurusan dan bekalan air tetapi jika kita melihatnya dari perspektif undang-undang dan sistem *federalism* yang diamalkan ia bakal memberikan implikasi yang besar.

Kepada saya pindaan yang dibentangkan pada hari ini bukanlah pindaan yang *minor*. Pindaan ini adalah *substantial* sebenarnya dan amat perlu bagi setiap Ahli Dewan yang mulia ini, memikirkan semasak-masaknya, sewarasnya sebelum kita dapat menentukan sikap sama ada untuk bersetuju ataupun tidak. Dalam pengamatan saya suatu pindaan yang melibatkan perkara yang *substantial* dan *fundamental* dalam Perlembagaan tidak kerap berlaku melainkan dalam keadaan tertentu sahaja. Saya mengatakan hujah ini dan perkara ini kerana ini adalah merupakan pindaan Perlembagaan dan pindaan yang cukup besar kerana sekiranya ianya diluluskan maka ianya bakal memberikan implikasi berikut.

Yang pertama, bidang kuasa eksklusif negeri terhadap air akan diambil sebahagiannya oleh Kerajaan Persekutuan.

Yang kedua, bidang kuasa asal dan eksklusif kerajaan negeri terhadap negeri yang meliputi sungai, terusan, bekalan dan perkhidmatan air pengawalan produk akan berkurangan kerana pindaan ini mencadangkan supaya bekalan dan perkhidmatan air

diletakkan dalam senarai tiga, senarai bersama dengan izin, *concurrent list* yang akan dikongsi bersama Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri.

Yang ketiga, pindaan ini akan mengakibatkan kerajaan negeri kehilangan sumber pendapatan air mentah ataupun *raw water* adalah amat rendah jika dibandingkan dengan air yang dirawat. Sebagai contoh kita ambil sebagai bahan kes bagaimana dalam tahun 2001 berdasarkan kepada *booklet* yang bertajuk *Water Singapore-Malaysia Dispute The Facts* yang diterbitkan oleh MTEN. Singapura telah membeli air mentah dari Johor bernilai RM2.39 juta iaitu pada kadar hanya RM0.03 bagi setiap 1000 galen. Johor membeli semula air dari Singapura yang dirawat bernilai RM6.3 juta.

Lihatlah dari segi transaksi yang amat tidak adil ini Singapura telah mengaut keuntungan sebanyak RM662.5 juta daripada hasil air tersebut. Meskipun kita percaya Kerajaan Persekutuan tidak akan menjadi seperti Kerajaan Singapura dengan meletakkan harga yang begitu rendah tetapi ia akan menyebabkan negeri-negeri kerugian dan terpaksa menanggung bergantung kepada Kerajaan Pusat untuk mendapatkan bekalan air yang dirawat.

Yang keempat, pindaan yang dicadangkan ini bukan sahaja mengurangkan hak dan kuasa kerajaan negeri bahkan ianya akan menjadikan satu tanda tanya kenapakah Sabah dan Sarawak tidak termasuk dalam pindaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, adalah jelas bagi kita semua bahawa pindaan yang dicadangkan ini bakal mengubah kuasa perundangan negeri-negeri seperti yang sedia ada dan ia juga akan mengakibatkan kerajaan negeri hilang sumber pendapatan yang selama ini dikhususkan untuk negeri. Saya tidak memahami bagaimana satu pindaan yang cukup penting ini boleh dilakukan dengan tergesa-gesa tanpa merujuk atau berbincang terlebih dahulu dengan kerajaan-kerajaan negeri.

Saya juga dimaklumkan sebelum pindaan ini dibentangkan di Parlimen, juga tidak dibentangkan secara mendalam dan mendapat persetujuan daripada Majlis Raja-raja Melayu walhal ianya bakal memberikan implikasi negatif terhadap negeri-negeri yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini saya merujuk kepada di antara keputusan penting yang dibuat dalam Mesyuarat Majlis Air Negara tahun 2003 yang bertarikh 29 Julai 2003 di mana pada waktu itu Yang Amat Berhormat Dr. Mahathir Mohamad selaku Perdana Menteri dan juga Timbalan Perdana Menteri pada waktu itu yang

menjadi Perdana Menteri sekarang memaklumkan kepada mesyuarat bahawa hal ini akan dirujuk kepada Majlis Raja-raja Melayu.

Saya ingin menyebutkan di sini, Tuan Yang di-Pertua, akan satu pantun atau pepatah Melayu iaitu “yang kaya itu budi, yang indah itu bahasa”. Kenapa dalam hal ini, saya juga kesal kerana dua hari yang lalu apabila kami menghantar memorandum ini kepada Penyimpan Mohor Besar Raja-raja Melayu, kami dimaklumkan bahawa majlis ataupun mesyuarat Raja-Raja Melayu hanya akan bersidang pada bulan Mac ini sedangkan perkara ini dibentangkan dalam Parlimen yang nampak bahawa apa yang kita lakukan ini tanpa merujuk, tanpa kita mendapat restu, tanpa kita mendapat satu persetujuan daripada Raja-raja Melayu.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun Menteri yang membentangkan tadi mungkin boleh menjawab bahawa pindaan ini telah mematuhi dan menepati semua prosedur yang ditetapkan undang-undang dalam meminda Perlembagaan, dengan izin, “*Yes you are legally correct but at the same time it is morally wrong*”. Saya menyebut hal ini kerana kita tidak seharusnya melupakan hakikat bahawa dalam rangka Perlembagaan dan sistem *federalism* yang diamalkan dalam negara ini meskipun bentuknya adalah *central buyers*, kerajaan negeri tidaklah berkedudukan lebih rendah subordinat dengan Kerajaan Persekutuan. Bahkan sebenarnya kedua-dua kerajaan adalah setara serta mempunyai hak, tanggungjawab dan bidang kuasa tertentu sebagaimana skema pengagihan kuasa yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan.

Meskipun kerajaan mempunyai bidang kuasa yang lebih besar daripada kerajaan negeri tidaklah boleh bersikap seperti penjajah yang sesuka hati mengambil dan membataskan kuasa kerajaan negeri yang pada asalnya memang sedikit perlu ada kawalan terhadap perkara ini dan ianya menjadi tanggungjawab kita semua selaku Ahli Dewan yang mulia ini seperti mana kata Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak yang ketika itu menjadi Ketua Hakim Negara, *every legal power must have legal limits otherwise there is dictatorship*.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin merujuk sebagaimana yang saya katakan tadi “yang kaya itu budi, yang indah itu bahasa”, dalam hal ini saya merujuk kepada peristiwa bagaimana British pada waktu itu yang menjadi penjajah dalam negara kita, dalam mereka menghantar utusan Harold Mac Michael yang dihantar ke Tanah Melayu pada waktu itu dengan tujuan untuk mendapatkan perkenan daripada Raja-raja Melayu untuk mereka menubuhkan ataupun mereka menjadikan negara kita seperti yang

mereka cadangkan iaitu mereka mahu menjadikan Tanah Melayu sebagai Malayan Union pada waktu itu.

Kalaulah Harold Mac Michael datang ke mari masih ada rasa untuk mengambil persetujuan daripada Raja-raja Melayu, maka mengapakah kita pada hari ini, Tuan Yang di-Pertua, kita menganggap perkara ini terlalu kecil sehingga kita gagal untuk merujuk kepada Raja-raja Melayu dan kita mengingkari satu janji yang dibuat oleh bekas Perdana Menteri Malaysia pada waktu itu pada Mesyuarat Air Negara pada tarikh 29 Julai 2003 untuk membawa usul ini kepada Majlis Mesyuarat Raja-raja Melayu.

Jadi di sini, Tuan Yang di-Pertua, kita sebagai Ahli Dewan yang mulia ini yang semestinya kita ingat bahawa pindaan Perlembagaan ini sangat penting, ianya sangat fundamental dan inilah jaminan yang mesti diberikan oleh Parlimen ini dan apakah jaminan pada masa yang akan datang kalaulah Majlis Raja-raja Melayu tidak dirujuk atau mereka tidak diberikan sepatah dua kata “yang indah itu budi”, maka pada saya apakah jaminan pada masa hadapan, senarai negeri yang lain seperti hutan, seperti tanah, seperti hak menegakkan agama ini boleh dibuat pindaan yang sewenang-wenangnya yang akan mengakibatkan satu implikasi ataupun satu krisis Perlembagaan yang lebih besar pada masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, atas semangat inilah Kerajaan Persekutuan sewajarnya mengambil kira pandangan serta syor-syor daripada kerajaan negeri, apatah lagi pindaan yang dibuat ini melibatkan satu perkara yang sangat besar yang mustahak yang menyentuh kepentingan kerajaan-kerajaan negeri khususnya dan kepada rakyat amnya. Meskipun prosedur perundangan untuk meminda peruntukan ini dikatakan telah dipenuhi tetapi dari segi tradisi, etika dan moral *obligation*, dengan izin, di pihak Kerajaan Persekutuan untuk terlebih dahulu memaklumkan budi bicara serta mencapai kata sepakat dengan kerajaan negeri sebelum pindaan yang mustahak ini dibentangkan di Parlimen.

Undang-undang ini juga mungkin tidak diletakkan syarat ini tetapi jika kita mengatakan kita sebagai kerajaan yang bermaruah, yang bersusila, adab menuntut kita untuk melakukannya.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan ke atas Perlembagaan ini juga dibuat dengan menggunakan kaedah sebagai mana yang diperuntukkan dalam Artikel 159(3) Perlembagaan Persekutuan di mana pindaan tersebut memerlukan majoriti dua

pertiga, dari satu segi nampaknya tidak ada cacat celanya terhadap prosedur yang digunakan sekiranya pada masa yang sama pengundian kelak dua pertiga Ahli Dewan bersetuju, maka luluslah pindaan ini di peringkat Dewan Rakyat. Tetapi jika kita melihat kepada huraian di dalam kertas rang undang-undang pindaan ini, pindaan ini dibuat untuk membolehkan Kerajaan Persekutuan menguruskan dan mengawal selia industri air berkenaan pelesenan dan pengendalian air supaya ada pendekatan yang fokus dan seragam.

Ini bermakna tujuan utama pindaan ini dibuat adalah untuk maksud menyeragamkan undang-undang berkaitan dengan pengurusan dan pengendalian air. Jika inilah objektif pindaan Perlembagaan ini dibuat, maka saya berpandangan ia tidaklah sampai memerlukan kepada pindaan Perlembagaan yang melibatkan Jadual Kesembilan dan Kesepuluh. Menteri di Jabatan Perdana Menteri adalah seorang peguam, sudah tentu amat menyedari perkara 76(1)(b) Perlembagaan Persekutuan boleh diguna pakai bagi maksud menyeragamkan undang-undang di antara negeri-negeri, di mana Parlimen boleh membuat undang-undang berkaitan dengan perkara yang terletak dalam bidang kuasa negeri dan tertakluk kepada syarat yang terkandung di dalam perkara 76(3) tanpa perlu merampas bidang kuasa eksklusif negeri tersebut.

Kita ada contoh sebelum ini dalam hal ehwal tanah, di mana Majlis Tanah Negara sebagai contoh, sebagai bahan rujukan, diwujudkan juga Kanun Tanah Negara telah diluluskan oleh Parlimen, tetapi saya hairan mengapa peruntukan ini tidak digunakan untuk membuat undang-undang berkaitan dengan air. Kenapa perlu dipinda Jadual Kesembilan dan Kesepuluh hingga boleh mengakibatkan negeri-negeri hilang punca pendapatan. Bukankah kita semua mengambil, mengetahui jika pindaan ini tidak dibuat pun *receivable income*, dengan izin, negeri-negeri seperti yang diperuntukkan dalam Perlembagaan sebelum ini amatlah terhad. Apakah ada agenda tertentu di sebalik pindaan ini yang mungkin boleh memberikan pulangan lumayan kepada pihak tertentu .

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada apa yang berlaku kepada dunia ataupun di peringkat global yang ada pada hari ini. Adakah kita terikut-ikut ataupun kita tidak mengkaji bagaimana badan-badan dunia seperti AFTA, GAT, WTO telah membuat satu definisi bahawa mereka mengatakan *define water as a commodity, no longer as a part of government services*. Ini sangat penting untuk kita nilai. Jangan

kita menjadi seperti syarikat-syarikat gergasi dunia seperti Suez, Vivendi dan RWE yang hari ini menguasai dan cuba untuk menguasai pengurusan air dalam negara dunia ketiga.

Saya ingin merujuk satu kes yang berlaku di Argentina sebagai implikasi yang perlu kita ingatkan bersama, sebelum akta ini diluluskan bahawa syarikat-syarikat gergasi dunia ini apabila mereka mengambil alih pentadbiran sebuah negara dunia ketiga, sebagai contoh mereka mengaut keuntungan RM1 bilion dalam tahun 2003 tetapi bekalan air, mutu air yang dibekalkan pada rakyat Argentina masih pada tahap yang tidak diluluskan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Maka, Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang saya tegaskan tadi, saya secara prinsipnya tidak bersetuju dengan pindaan ini kerana ianya telah menghakis kuasa kerajaan negeri berkaitan dengan air dan juga membawa implikasi yang buruk terhadap perolehan kewangan kerajaan negeri. Jika pindaan ini ditubuhkan maka semakin terhakislah prinsip-prinsip yang mendasari sistem *federalism* yang menjadi tunggak utama pemerintahan negara kita.

Saya juga ingin menegaskan di sini bahawa pindaan ini juga seharusnya satu pindaan yang bertentangan dengan prinsip yang diterima pakai dalam konteks undang-undang Perlembagaan. Peruntukan-peruntukan dalam Perlembagaan yang berkaitan dengan sistem *federalism* serta pengagihan kuasa di antara Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri adalah diiktiraf oleh satu inti pati penting ataupun *basic structure*, dengan izin.

Kepada perlembagaan kita, sebagaimana peruntukan-peruntukan perlembagaan yang lain, seperti kedudukan Raja-raja Melayu, hak orang-orang Melayu, agama Islam, Bahasa Melayu dan sebagainya adalah menjadi satu prinsip undang-undang yang diiktiraf di negara-negara Komanwel sebagai contoh yang mengikut model *Westminster* bahawa terdapatnya *implied restriction* terhadap kuasa untuk meminda Perlembagaan sekiranya ia membabitkan peruntukan yang dianggap sebagai *basic structure* kepada Perlembagaan.

Dalam erti kata yang lain satu pindaan itu adalah tidak sah jika ianya menyentuh atau menjejaskan *basic structure* kepada Perlembagaan meskipun pindaan tersebut telah pun mematuhi prosedur yang ditetapkan untuk meminda

Perlembagaan. Meskipun *authority* undang-undang dan juga *case laws* di Malaysia berkaitan dengan perkara ini amat terhad, namun implikasinya tidak boleh kita nafikan dengan melihat kepada *nature* pindaan ini yang sebagaimana yang saya sebutkan akan membawa perubahan yang cukup besar terhadap kuasa yang dimiliki oleh kerajaan negeri. Justeru, pindaan ini tidak boleh dilakukan dengan sewenang-wenangnya tanpa kita mengambil masa yang cukup, diskusi yang cukup, *intellectual discourse* yang matang untuk kita menerima pakai apa jua cadangan yang menyebabkan pindaan Perlembagaan yang cukup besar ini.

Tuan Yang di-Pertua, seorang prof undang-undang, Prof Andrew J. Harding, seorang sarjana undang-undang yang terkenal, yang telah menulis sebuah buku yang bertajuk *Law - Government And Constitution in Malaysia* telah menghujahkan betapa sebarang perubahan yang *fundamental*, yang melibatkan negara keseluruhannya, maka persetujuan negeri-negeri adalah diperlukan. Seterusnya beliau menyatakan dengan cukup terang, *for example*, “*A constitutional amendment designed to remove the powers of the state would not surely be valid merely because it had received two third majority.*” Apa yang disebut oleh Prof. Harding ini berbetulan tepat dengan apa yang kita bincangkan pada hari ini.

Maka berdasarkan kepada hujah ini pindaan ini adalah satu pindaan yang tidak sah kepada ia menyentuh *basic structure* kepada Perlembagaan Persekutuan. Saya bersetuju dengan hujah beliau meskipun terdapat *case law* yang diputuskan sebelum ini, dalam tahun 1963 sebagai contoh, *Government of the state of Kelantan vs. Government of the Federation of Malaysia* dan Tengku Abdul Rahman Putera Al-Haj yang mana *doctrine of basic structure* ini menurut hakim adalah tidak terpakai. Namun, menurut Prof. Harding ianya bukanlah sesuatu yang mutlak dengan melibatkan kepada fakta di mana kes ini berlaku pada tahun 1963, iaitu pada waktu sebelum dari berlakunya perkembangan *jurisprudent modern* berkaitan dengan perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian adalah suatu yang bijak jika semua Ahli Dewan ini pada hari ini tidak mengundi untuk menyokong pindaan ini secara tergesa-gesa. Yang penting ialah kita perlu masa yang luas, perlu pada suatu ruang perbincangan yang lebih bijak, perlu kepada suatu diskusi yang lebih mantap sebelum kita membuat apa-apa jua keputusan. Sekiranya kerajaan mempunyai hujah yang

munasabah untuk menyeragamkan undang-undang berkaitan dengan bekalan air, maka cara yang terbaik ialah dengan membuat undang-undang di bawah perkara 76 Perlembagaan Persekutuan dan bukannya dengan meminda Perlembagaan ini yang sebenarnya tidak lain dan tidak bukan bertujuan untuk mengurangkan kuasa negeri dan timbul satu lagi persoalan apakah jaminan terhadap senarai ataupun hak yang ada pada kerajaan negeri pada masa yang akan datang. Saya mencadangkan juga agar perkara ini dirundingkan dengan semua kerajaan negeri dan mesti mendapat restu dan persetujuan daripada Majlis Raja-Raja Melayu.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan pindaan yang dicadangkan ke atas Perkara 125 iaitu untuk menaikkan umur persaraan hakim-hakim dari 65 hingga ke 66 tahun adalah suatu yang dialu-alukan. Pada umur 65 para hakim sebenarnya masih berupaya untuk memberikan perkhidmatan mereka, maka amat wajarlah kemampuan tersebut terus dimanfaatkan untuk kepentingan negara.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan ini juga harus dilihat sebagai satu langkah permulaan untuk mengembalikan prestij dan integriti badan kehakiman negara kita yang perlu diakui dan memang ini menjadi ikrar kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia di hari pertama beliau menjawat jawatan sebagai Perdana Menteri Malaysia ingin melihat, ingin mengembalikan martabat dan integriti sistem kehakiman di dalam negara kita.

Dan, sejak peristiwa pemecatan bekas Ketua Hakim Negara, tahun 1988 telah mengalami apa yang dikatakan *the erosion of public confidence*, yang telah menjadikan kita meragui akan kewibawaan sebahagian daripada hakim-hakim dalam negara kita. bahkan imej badan kehakiman kita yang dihormati dan dipandang tinggi kerana memiliki hakim-hakim yang cukup berwibawa seperti Tun Muhamad Sufian, ingin saya merakam kan penghargaan kepada mereka semua.

Seperti Tun Muhamad Sufian, Sultan Azlan Shah, Tun Salleh Abas dan ramai lagi yang mendapat pujian di peringkat antarabangsa. *Concept and indecency of judiciary*, kebebasan kehakiman hanya boleh dilihat serba indah dan baik dalam buku-buku teks undang-undang sahaja tetapi realitinya pada hari ini masih boleh kita ragukan.

Tuan Yang di-Pertua, di atas hujah-hujah yang saya katakan tadi, saya berharap bahawa Dewan yang mulia ini akan mengambil satu perkiraan yang wajar.

Kita sebagai wakil rakyat yang diamanahkan, kita mesti ada sikap kita akan menjaga maruah dan integriti Perlembagaan yang kita sanjung ini. Perlu kita ingat bahawa *bottom line* ialah kita banyak *paramount considerations*, dengan izin, mestilah kita menjaga supaya Perlembagaan ini, Perlembagaan yang dihormati oleh anak-cucu kita pada masa akan datang. Dan sekiranya pada hari ini kita membuat satu kesilapan, kesilapan yang kita buat dengan hanya kita tidak mahu menanggung masa dalam waktu yang tertentu untuk kita membincangkan secara terperinci dan bijaksana akan mengakibatkan anak-anak cucu kita akan datang akan melihat kecacatan yang berlaku dalam Parlimen dan undang-undang dalam negara kita.

Oleh itu, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, di atas peluang yang diberikan kepada saya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Jerai

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] **mempengerusikan Mesyuarat**]

3. 32 ptg.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amilruddin: Terima kasih Tan Sri. Sila rehat Tan Sri.

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila, Yang Berhormat bagi Jerai

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amilruddin: Terima kasih Timbalan Yang di-Pertua.

Pertama, Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Pindaan Perlembagaan yang ketiga-tiga yang telah dibentangkan di Dewan Rakyat yang mulia pada hari ini. Pertamanya sudah tentulah saya akan menyentuh tentang masalah "ayak". Kita tahu "ayak" ini sebenarnya Tuan Pengerusi, adalah...

Beberapa Ahli: Air!

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amilruddin: Air. Air ini ... tidak boleh, Tuan Yang di-Pertua.

Seorang Ahli: Ayak, ayak!

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amilruddin: Air ini dikurniakan oleh Allah S.W.T. dengan percuma. Sekupang pun Tuhan tidak tuntutan kepada kita dan “ayak” ini yang lembut, ia juga boleh menjadi keras dan membunuh manusia. Jadi di sinilah kekuatan “ayak” dan manusia tidak boleh hidup tanpa “ayak”.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]: Air, Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amilruddin: Air. Susah, sebab saya ini sudah asal macam itu. Jadi yang menjadi masalah hari ini ialah penjelasan tentang pengambilalihan pengurusan air itu sahaja. Saya hendak *clearkan* di Dewan ini sama ada Menteri bersetuju atau tidak setuju, bermakna hak mutlak air itu masih dipegang oleh Kerajaan Negeri. Yang hendak dilakukan ialah untuk menguruskan air itu supaya ia berjalan dengan saksama di seluruh negara kita ini, tidak termasuk Sabah dan Sarawak. Seolah-olahnya Kerajaan Persekutuan hendak swastakan air ini daripada Kerajaan Negeri, kalau tidak silap saya. Ini cara kampunglah saya fikir.

Yang pentingnya saya pun bersetuju, bukan saya hendak bangkang Dato' Menteri. Tetapi saya faham, kebanyakan kerajaan-kerajaan mengalami kos dan kerugian disebabkan oleh pengurusan air, disebabkan oleh kebocoran, air hilang di dalam tanah. Keluar mai 1,000 gelen, sampai kepada manusia untuk pakai barangkali 500 gelen. Lagi 500 gelen sudah hilang dalam bumi.

Jadi pertama saya hendak minta kita bersetuju, tetapi Kedah sendiri berhutang dengan Kerajaan Persekutuan, kes air sahaja, bantuan geran dan sebagainya sebanyak 800 juta daripada dahulu. Jadi saya hendak minta Kerajaan Persekutuan bersetuju untuk memansuhkan hutang-hutang ini. Semua negeri-negeri, hapus kira. Kerajaan Negeri bagi penswastaaan kepada Kerajaan Pusat, dan Kerajaan Pusat potong dan hapus kira. Kalau tidak bunga atas bunga, bunga atas bunga, Dato' Lim, Dato' Menteri, teruklah kita.

Macam negeri Kedah ini, Tuan Yang di-Pertua, kita bantu dua negeri [*Bertutur dalam Bahasa Cina*] dengan izin, tidak kena duit punya. Mana Penang ada bayar duit sama Kedah angkat Kedah punya air? Ini Perlis, Arau dan Kangar minum Kedah punya air pun satu sen tidak bayar. Hutan tadahan itu, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita potong pokok kayu balak itu, 1.8 bilion kita boleh dapat dari Negeri Kedah, tetapi kerana kasihankan manusia, kasihankan orang Penang, kasihankan orang Perlis, kita tahan.

Tuan Yang di-Pertua [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Cameron Highlands bangun, Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amilruddin: Ini gunung pun mahu tanyakah?

Tuan Devamany a/l Krishnasamy: Timbalan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Jerai. Sekiranya hutan itu menjadi sumber tadahan yang penting sebelum air itu diproses melalui sungai, kalau tidak dijaga dan dipelihara, tidak guna juga kita proses. Kosnya akan meningkat dan akhirnya pengguna terpaksa membiayai kosnya. Saya hendak minta penjelasan: Bolehkah semua hutan di Malaysia yang merupakan kawasan tadahan yang penting ditukar menjadi National Park, Taman Negara dan dikawal selia oleh Persekutuan?

Kalau dibiarkan di peringkat negeri, kawasan-kawasan ini ataupun kawasan tadahan ini mesti akan diteroka walaupun di bawah Jabatan Hutan kerana benda ini sudah jadi. Minta penjelasan. Mungkin ini sensitif sikit, tetapi, tengoklah. Apakah pandangan Yang Berhormat bagi Jerai dari konteks ini?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amilruddin: Hutan ini Timbalan Yang di-Pertua, sebab itulah saya sudah berapa kali kata dalam Dewan ini. Bukit-bukau ini semua Tuhan buat jadi pasak kepada bumi ini. Kalau tiada bukit, cuba tengok macam mana. Hujan turun, lembah habis. Manusia, kalau dia kepala botak, ... *[Disampuk]* Minta maaf saya hendak bercerita.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Tuan Devamany a/l Krishnasamy: Timbalan Yang di-Pertua, boleh bagi penjelasan jawab soalan saya?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amilruddin: Hendak terangkanlah ini. Dia tentu kena panas dahulu. Sebenarnya dia lebih baik daripada Jabatan Kaji Cuaca. Dia keluar, dia boleh tahu, sekejap lagi hendak hujan, atau tidak, pasal *direct*. Minta maaflah kepada orang-orang yang tidak ada rambut. Ini sahaja saya hendak bercerita. Jadi hutan-hutan ini memang harus dikekalkan supaya ia tidak mengancam.

Minta maaf Timbalan Menteri. Saya tidak tahu Yang Berhormat ada dekat sini.

Jadi, kalau kita usik ini, dia memang akan mengacau. Kalau kita usik gunung-ganang dan tanah-tanah simpanan untuk tadahan air, memang. Jadi kita harus kekalkan ini untuk hidup sebab Tuhan telah menciptakan ini, Timbalan Yang di-Pertua.

Dia sudah siap sudah semua. “Manusia jangan ganggu hak yang Aku buat, kalau kamu ganggu” Ha! Ini dia bencana kita terima’.

Tuan Devamany a/l Krishnasamy: Yang Berhormat, bagaimana dengan *National Park* tadi?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amilruddin: Hendak pilah ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]: Sabar, Yang Berhormat

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amilruddin: Macam di Kedah, kawasan tadahan kita di Pedu. Betul Yang Berhormat? Kawasan Padang Terap. Kawasan itu memang jadi kawasan macam *National Park*, tempat-tempat orang pergi berehat dan sebagainya, dan ini pandangan Yang Berhormat bagi Cameron Highlands cukup baik, walaupun jalan Cameron Highlands baru-baru ini, lori dan bas terbalik dan ada yang meninggal. Itu yang Yang Berhormat kena buat kerja itu. Tetapi walau bagaimanapun, bukit-bukit itu tidak boleh diusik.

Jadi balik kepada Kedah, saya hendak minta kerajaan Persekutuan untuk menolong Kedah menghapus kirakan hutang. Depa kata Kedah hutang RM1.8 bilion kepada Kerajaan Persekutuan. Tetapi sebenarnya hutang ini sejak merdeka.

Datuk Ronald Kiandee: [Bangun]

Datuk Bung Moktar bin Radin: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Jerai, ada dua Yang Berhormat bangun.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amilruddin: Yang mana ini? Dua-dua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tidak apa, Yang Berhormat bagi Beluran.

Datuk Ronald Kiandee: Terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai. Saya tertarik dengan cadangan untuk melupuskan hutang Negeri Kedah dengan Kerajaan Persekutuan. Sabah juga mempunyai beban hutang hampir RM1 bilion dengan Kerajaan Persekutuan berhubung dengan air di Sabah. Saya rasakan bahawa Kerajaan Persekutuan harus ada konsistensi dalam perkara ini kerana saya difahamkan bahawa Kerajaan Persekutuan akan melupuskan hutang Negeri Selangor yang hampir RM2 bilion, dan telah bercadang melupuskan hutang sebanyak RM2 bilion. Kalau ini dijadikan satu trend dengan pewujudan SPAN ini, dengan penyerahan semua kuasa negeri berkaitan dengan sumber air ini kepada Kerajaan Persekutuan

dan jadikan Selangor sebagai satu contoh, bererti Kerajaan Persekutuan harus melupuskan semua hutang Kerajaan Negeri yang berhubung dengan air selepas ini. Adakah Yang Berhormat bagi Jerai juga akan mencadangkan negeri-negeri lain termasuk Sabah, Johor, Sarawak untuk dilupuskan hutang yang berhubung dengan hutang air ini?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih Yang Berhormat bagi Beluran. Apabila saya bercakap, saya bercakap sebagai Ahli Parlimen Malaysia mewakili kawasan Jerai. Jadi, apabila saya bercakap tentang hapus kira ini, kira satu Malaysialah, ya, satu Malaysia tetapi saya fokuskan kepada Negeri Kedah kerana saya daripada Kedah; yang Terengganu cakap fokus kepada Negeri Terengganu, tetapi walau bagaimanapun, kalaulah kerajaan tak hapus pun, kita hendak bayar pun tidak boleh. Kerajaan negeri ini susah, macam Negeri Kedah ini, susah, Tuan Yang di-Pertua, sudah berapa kali saya katakan, bukan susah apa, kami ini kaya dengan budi, kaya dengan bahasa, budi bahasa Kedah. Kalau kami tidak kaya dengan budi dan bahasa, kita negara Malaysia kena *import* beras berapa million, *cost foreign exchange*, *dengan izin, where is the return investment?* [Ketawa]

Jadi, ini adalah satu pengorbanan kami.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Pasir Putih berminat, Yang Berhormat.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: Saya hendak tanya sedikit sahaja. Minta maaf ya Yang Berhormat bagi Jerai, kita jangan fikir 14 wilayah ini, 14 negeri berasingan, kita kena fikir ialah satu kerajaan. Apabila berbalik kepada kaedah, [Menuturkan sesuatu di dalam bahasa Arab] ini Islam Hadhari. Kalau kita tengok kewajipan kerajaan ke atas rakyat, ia akan bantu cara mana pun susah Kedah, Kelantan walaupun Kelantan diperintah oleh parti pembangkang. Betul atau tidak? Maka dengan sebab bagi saya, ubah Jadual 9 ini bukan ambil alih. Banyak Yang Berhormat saya rasa keliru, bukan ambil alih, hendak beri kuasa kepada Persekutuan boleh berkongsi sama, menghalalkan cara, untuk membantu, kalau sudah bantu, hutang-piutang ini hapus kiralah. Terima kasih. Setujukah atau tidak?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Setujulah. Kerajaan Persekutuan ini, Tuan Yang di-Pertua, dia macam seorang bapak, kerajaan negeri ini adalah anak-anak. Jadi, bapak ini kadang-kadang dia beri duit kepada anak pun, dia

beri, dia marah pun, marahlah, tetapi dia beri juga. Tetapi kalau anak kata, "Ayah, Allah tidak usah kiralah, ayah, hapus kiralah." "Hmm, tak apalah". Dia bagi.

Jadi sekarang ini peluang, peluang kita bertolak ansur, kita meluluskan, bukan hapus kira sahaja, tetapi padam sahaja. Yang kita dok *write-off* sudah banyak dah, Tuan Yang di-Pertua. Yang sana rugi *million*, yang ini *billion*, yang itu *billion*, saya malas hendak cerita, takut saya naik semangat kot lain, buat itu rugi, buat ini rugi, bukan kita tak tahu. Bila sudah sakit serah balik kepada kerajaan, bila sihat ambil kat depa. Hak ini berkaitan air, tidak mengapa, saya bersetuju.

Memang betul pun, bukan kita hendak ambil air itu, tidak. Air itu dok mengalir di Kuala Sungai Muda juga, bukannya dipindah ke Kuala Lumpur, tidak. Cuma pengurusannya, itu kita bersetuju. Sebabnya kerana terlampau banyak syarikat-syarikat mengurus ini, mereka mengurus cara mereka sendiri. Jadi, syarikat A buat cara A, syarikat B buat cara B. Jadi mungkin kerana syarikat itu kecil, *cost of operationnya* tinggi dan menyebabkan *cost of production* bagi menjual *water* itu mahal. Tetapi kalau kita jadikan macam SPAN ini, dia duduk, buat satu *company* besar, dia uruskan daripada atas, mungkin kosnya akan menurun rendah dan ini akan menguntungkan rakyat. Ini yang penting.

Jadi saya minta, yang pertama, tolong RM800 juta di Negeri Kedah dan di negeri-negeri lain ini Allah, *write-off* sahajalah. Bawa mai Parlimen tidak mengapa. Kalau tidak boleh bawa mai Parlimen, kita hendak tolong *write-off*. Jadi selesai bab itu, ambillah air ini untuk diproses. Proseslah elok-elok air ini, kemudian satu lagi kalau Kerajaan Persekutuan ini bermurah hati, kawasan-kawasan tadahan air yang tidak boleh kita gunakan atau apa-apa ini, bagilah sedikit-sedikit hasil. Macam di Kedah, 1.8 bilion hektar kawasan yang kita tidak usik, dok tengok sampai pokok itu jadi tua, mati tua. Ya sungguh, pokok ini bila tua, Tuan Yang di-Pertua, dia mati. Kita tua pun mati juga. Bila mati daripada pucuk sampai ke bawah, habislah, dikira mati pucuklah pokok itu. [Ketawa]

Jadi, apa pun tidak dapat ini. Baru-baru ini Kerajaan Negeri Kedah bercadang hendak ambil pakai helikopter, tarik sepokok-sepokok naik, tetapi kerana mereka tidak lulus, dan kita pun kerana memikirkan sakni kalau buat macam itu, Pulau Pinang pun tidak boleh minum air, Perlis pun dahaga, dok minum air dari Siam pula, kita tidak mahu. Jadi, kita berkorban, Kedah cukup berkorban, Tuan Yang di-Pertua. Kita tanam

padi tidak untung, dapatlah subsidi sedikit untuk pak tani, yang itu, alhamdulillah. Kalau kita tanam kelapa sawit, hari ini Kedah menjadi negeri yang kaya.

Tetapi alhamdulillah, bukanlah Kerajaan Persekutuan tidak tolong, dia bagi industri, bawa itu dan ini, semua cukup, cukup, kita pun bersyukur. Menteri Besar kami pun kata, "Tak apalah". Bersyukur, kita terima semua tetapi hak itulah, tolonglah *write-off* RM800 *million* itu, jadi tinggal hutang sedikit. Jadi *interest* tidak besar, kita boleh bayar baliklah cara bulan-bulan ataupun tahunan oleh kerajaan negeri. Ini saya hendak minta sungguh-sungguh supaya kita lulus.

Kemudian tentang royalti itu, minta [*Memandang ke arah tempat duduk Yang Berhormat Menteri*] tidak tahulah menteri mana ...

Seorang Ahli: Menteri Sumber Asli.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Oh, ini Menteri Sumber Aslilah fasal jaga sumber. Jadi, pokoknya asli semua, minta Yang Berhormat Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar tolong tengok. Kasi royaltilah sama dia. Kalau RM1.8 *million*, bagilah *in term of cash or in term of development for the state*, dengan izin. Itu saya minta.

Lagi satu, semua orang bercakap memang betul, Tuan Yang di-Pertua. Kadang-kadang bila kita cerita hendak ambil alih ini, orang terkejut, siapa pun terkejut hendak ambil alih apa-apa pun. Kalau orang mai hendak ambil alih kerja kita pun kita terkejut. Dalam mesyuarat bahagian pun dengar orang hendak ambil alih jawatan Ketua Bahagian pun kita terkejut, bukan? Tambah pula kerusi Parlimen, lagi terkejut walaupun gaji bukan banyak mana – RM5,900, bukan? RM5,900 banyak mana sangat, Datuk oii! [*Memandang ke arah tempat duduk menteri-menteri*] Datuk tidak mengapalah menteri. Yang kami ini? [*Ketawa*] Kena *Tsunami*, setahun punya *income* selesai begitu sahaja. Dia terkejut.

Kes ini macam itu jugalah, fasal dia merasakan bahawa penjelasan itu tidak *clear*. Jadi kita kena *clear*kan bahawa ini adalah untuk kebaikan seluruh penjanaan air untuk kebaikan rakyat. Macam Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu tadi kata dia *S.O.E*, dia akan buat bermacam-macam-macam lagi, dia kaji, kaji air itu, macam mana air itu jadi lembut, macam mana air itu cair, macam mana air itu, kaji fasal air dan kita boleh buat duit melalui cara itu.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya. Jadi itu saya harap, cuma satu lagi saya minta kepada Yang Berhormat Menteri [*Memandang ke arah Yang Berhormat Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Datuk Seri Lim Keng Yaik*] walaupun pejam mata tetapi sedang berfikir, supaya memastikan apabila perjanjian hendak dilakukan dengan syarikat-syarikat yang kita percaya untuk menswastakan proses air ini, pastikan perjanjian itu menguntungkan kerajaan, bila disebut kerajaan itu adalah rakyat. Jangan kita buat perjanjian yang *lopsided*, yang menguntungkan, memanglah orang yang *invest* itu mesti dia hendak untung tetapi jangan keuntungan yang berlebihan, *at the risk* ataupun *at the cost of rakyat* ini, *at the expense of the rakyat*, yang itu tidak boleh, salah dari segi peraturan. Hendak untung dalam Islam pun kalau berniaga, untung boleh tetapi jangan untung kuat, jangan untung kuat macam Along itu, sampai ke peringkat memukul orang, tidak boleh, untung sedikit-sedikit.

Kita tengok beberapa projek penswastakan yang telah dilakukan, kadang-kadang ada kesilapannya kerana orang yang buat itu ada *interest* di dalam perjanjian itu. Saya tidak menuduh tetapi benda ini berlaku. Jadi, *at the expense of the rakyat*, rakyat menanggung susah dan sebagainya. Kita swastakan sesuatu projek, dia ambil yang itu, pegang. Dia buat, buat duit, lama-lama sudah jadi tidak boleh, dia kata susah, serah balik kepada kerajaan. Kerajaan *carry* pula anak yang sakit itu. Ini contoh yang saya tunjuk.

Macam di Kedah, di Sungai Petani, ambil tanah pasukan Polis Diraja Malaysia, swastakan tanah itu di atas perjanjian hendak buat tiga buah Ibu Pejabat Polis Daerah satu di Sungai Petani, satu di Pendang dan satu di Yan, di kawasan saya. Projek rumah sudah siap, bangunan sudah dibangunkan, dia buat balai polis di Sungai Petani itu macam balai polis zaman dulu-dulu sampai kuarters itu tidak boleh diduduki, kena pecah dua jadi satu kuarters, projek di Sungai Petani tidak berjalan, projek yang di Yan pun tidak berjalan, duit dia sudah dapat. Dalam perjanjian tarikh luput tidak ada. Sekarang ini hendak pergi cari siapa? Sampai kontraktor itu boleh merajuk. Dia kata, "Kalau bising-bising, kita tidak mahu buat". Adakah kita sebagai kerajaan tidak mengkaji perjanjian dan akhirnya kerajaan kena tunduk kepada orang yang hendak berniaga, sampai kerajaan pun depa pekena, ini jenis berniaga apa, Tuan Yang di-Pertua?

Jadi saya tidak mahu. Tidak lama nanti jadi Yang Berhormat bagi Kepong, menteri pergi ke mana dia ikut, menteri naik kapal terbang dia ikut. Dia kata kena naik harga, sekarang kos tinggi, klorin tinggi, itu kacau, ini kacau, kualiti hendak baik, dia kata harga kena naik. Masa itu menteri umum naik harga. Bila naik harga, rakyat marah.

Memang saya tidak nafikan, Tuan Yang di-Pertua, hari ini rakyat kita yang hak moden, dia minum *mineral water* sebotol RM1 itu, dia minum, tiada apa, merata kedai minyak jual.

Dulu zaman saya, pergi buka air paip, gak gak gak, minum di paip. Tetapi sekarang tidak, kita singgah beli air botol mineral, Mak Long, Mak Ngah dari kampung pun pakai kain pun minum air jenis itu juga. Maknanya bila kita dah membangun, kita minum air macam tu, tidak apa. Tetapi yang di kampung yang susah marhaen ni, yang ini kita kena jaga.

Jadi saya haraplah, syarikat-syarikat yang Dato' kaji, tidak lama hendak dibagi, pertamanya pastikan bahawa syarikat ini dikuasai oleh kerajaan kerana yang ini keselamatan negara, *security of the country*', keselamatan air ni. Maknanya, kalau air ini kalau jadi apa-apa, kacau negara kita. Tenaga Nasional pun tidak boleh *generate power*, macam baru ni *blackout*, ini kerana air yang *shot* entah di mana pun kita tidak tahu. Air masuk dalam kabel ke apa, kita tidak tahu, sampai Perdana Menteri sendiri pun kelam kabut.

Jadi saya berharap supaya syarikat ini adalah syarikat yang dikuasai oleh kerajaan supaya kita boleh tegur. Kalau syarikat-syarikat yang bukan milik kerajaan ataupun dikuasai oleh orang luar daripada kerajaan, sukar sekali kita hendak menegur. Kadang-kadang bukan kita tidak tahu, bila orang sudah kaya, sudah ada duit, kita tegur pun dia boleh marah kita. Dia kata "You tahu apa, you bukan berniaga, you orang politik". Tapi dia tidak tahu, kita yang berjuang untuk mereka berniaga untuk boleh untung. Bila datang apa-apa masalah, kita hendak minta tolong pun tak boleh.

Jadi inilah yang saya harap daripada menteri. Perkara-perkara yang kita suarakan ini, bukanlah kita hendak kata apa supaya kita tidak mahu orang marah kerajaan, padahal kerajaan ini murni. Saya setuju ambil air ini kerana saya tengok macam-macam masalah. Kadang-kadang di bandar-bandar besar, di *city-city* buka air hendak minum tidak boleh, ia keruh dan sebagainya. Di Kuala Lumpur sendiri, kadang-kadang kita buka air keruh, terkejut saya. Di sebelah Yan itu pun elok airnya,

masyarakat datang dari bukit, Gunung Jerai pun bersih. Di Kepong tidak usah kiralah sebab tempat orang buang sampah, lagi air berkarat. Sebab itulah, wakil rakyat Kepong menjaga penyakit kulit, minum air berkarat. [Ketawa]

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya memohon kepada kerajaan, perkara-perkara ini bukanlah kita hendak apa, kita bersetuju dan kita fahamkan bahawa kita tidak ambil hak mutlak kuasa kerajaan negeri dan bila keuntungan diproses daripada jualan air ini, kita letaklah *royalty bag for the state*. Kerajaan Persekutuan bayarlah berapa *percent* macam ambil minyaklah. Terengganu dia hisab minyak, dia bagi royalti kepada kerajaan Terengganu. Begitu juga Sabah dan Sarawak.

Jadi kalau di Kedah, kalau ambil berapa ribu *million* matriks air ini, setelah di proses-proses, untung berilah kepada Kedah sedikit. Kita ambil harta orang tidak bayar duit ini mana boleh. Kenalah beri sedikit. Jadi inilah saya harapkan dua, tiga perkara. Saya bercakap cukup mudah supaya Dato' Menteri pun faham. Saya pun belajar daripada Yusof Chong banyak mengenai Dato' ni. Jadi saya pun tahu Dato' cukup ambil berat tentang masalah air ini.

Satu lagi Tuan Yang di-Pertua, saya hendak pergi kepada kes bersara ni, saya bersetujulah untuk hakim ini. Tetapi Tuan Yang di-Pertua, yang di kementerian ini kita minta kerajaan kaji balik. Di Malaysia ini, Tuan Yang di-Pertua, umur 60 masih kuat lagi. Saya 54, nak masuk 55, *sweet* 55, masih *steady* lagi, Dato', tiada masalah, perkakas pun masih elok lagi. Semua okay. [Disampuk] [Ketawa] Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi sekarang kita minta kalau boleh kerajaan kaji balik *retirement age* kepada pegawai kerajaan yang naik ke 60. Sekarang ini, 56, jadi empat tahun lagi. Saya baru ini, pergi ke universiti jumpa seorang profesor dia kata kerajaan rugi, "Saya profesor, bila saya sampai ke tahap jadi profesor, saya khidmat 3 tahun, saya kena pencen. Jadi rugi saya punya *experience*, pengalaman itu dan kerajaan belanja untuk saya beratus ribu untuk saya sampai ke taraf profesor." Jadi ini merugikan kerajaan. *Another words*, macam Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu kata ROI dia tidak menguntungkan, *return of investment* tiada kerana kita belanja banyak-banyak, beratus-ratus ribu, sampai umur 56 tahun dia kena bersara.

Jadi yang tentang hakim itu tidak apalah, 66 tahun. Semua pegawai kerajaan kita tambah kepada 60 tahun. Bila 60 tahun ini pun, kita rasa muda sedikit kerana masih kerja lagi. Ini umur 56 tahun, Tuan Yang di-Pertua, kena bersara dah, kasihan.

Kadang-kadang sewa rumah, *installment* rumah tidak lepas lagi, anak masih mengaji lagi, gaji sudah dapat separuh. Jadi kalau dia pergi umur 60 itu, anak dia sudah lepas dan sebagainya. Ini adalah harapan saya dan harapan pegawai-pegawai kerajaan ini. Ini dengar ini wakil rakyat sedang bela orang kerajaan ini. Jangan tidak hormat wakil rakyat.

Kadang-kadang kita pergi pejabat daerah pun dia buat tidak reti kat kita. Susah hendak minta senyum pun. Tetapi kita sabarlah sebagai pemimpin. Kadang-kadang kita bawa balik macam-macam, orang lain boleh, penat Datuk, penat. Saya semalam balik tidak tidur, bila balik menteri bagi penjelasan semalam, hendak tidur tak boleh, hendak fikir macam mana hendak cakap. Sungguh, orang kita Yang Berhormat bagi Tanah Merah sampai tulis teks, padahal dalam Parlimen mana boleh baca teks, tapi dia baca kerana dia hendak fikir tentang air dan rakyat.

Macam saya ini berjuang untuk kerajaan sama ini, untuk kerajaan, Yang Berhormat, orang politik, orang politik pun hormat pegawai kerajaan, sama-samalah. Kita ni Dato' macam lilin, cucuh bagi nyala, bagi terang, kita sendiri bakar, itu nasib kita. *[Ketawa]* Nasib, mudah-mudahan Tuhan tolong kita. Saya pergi syurga, Datuk tak tentu lagilah. *[Ketawa]*

Jadi itulah, saya ada lagi satu, Dato', tentang warisan ini. Dia kena tiga sekali. Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan tidak datangkah? Saya hormat Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan sebab dia bercakap pun semua bahasa dia bahasa warisan, itu satu kelebihan menteri. Cuma saya hendak minta supaya identiti kerana di negara-negara lain, negara-negara yang tertua ini, bangunan-bangunan itulah yang menjadi tarikan pelancong, Tuan Yang di-Pertua, dan saya bukan malu-malu hendak kata, Malaysia atau Kedah ini negeri yang nombor dua tertua daripada Amerika Syarikat. Sungguh, saya baca sejarah. Negeri yang kedua tertua daripada Amerika Syarikat ialah Kedah.

Di Kedah banyak warisannya, jadi benda-benda ini akan menjadi tarikan kepada pelancong macam Pulau Pinang. Pulau Pinang asal negeri Kedah, kita pajak saja, dalam itu kita tulis pajakan, tetapi kita tidak mahu ambil balikkah. Hendak ambil buat apa kan? Biarlah. Kalau kita minta pun, susah kan. Setahun RM10 ribu sahaja pajakan, tetapi kalau boleh tambah sedikit lagi, baguslah. RM10 ribu, kasihanlah dekat kami ini di Kedah, pajak setahun RM10 rbu. Tetapi kalau dah duit air itu, bila Dato'

Menteri proses, bagilah royalti kepada Kedah, duit air yang kita jual kepada Pulau Pinang dan Perlis.

Jadi warisan-warisan bangunan ini harus kita kekalkan seindah-indahnya supaya apabila pelancong datang ke Malaysia dan melihat bangunan-bangunan indah, rupanya inilah Malaysia asalnya. Kadang-kadang kita buang bangunan lama kerana kita naikkan bangunan baru. Bangunan baru tu di mana pun kita boleh tengok tetapi ukiran-ukiran lama itu kita tak boleh tengok. Macam kita tengok sebuah masjid yang terselamat di Aceh Tuan Yang di-Pertua, hanya ada dua buah jenis masjid di dunia yang serupa dengan yang itu, satu di Aceh, dan satu lagi di Alor Setar. *[Disampuk]* Ini bukan saya melawak, mana boleh melawak benda-benda mengenai rumah Tuhan ini.

Arkiteknya sama. Kalau Tuan Yang di-Pertua pergi ke Kedah, tengoklah masjid di Kedah dan kalau pergi ke Aceh, yang Tuhan tinggalkan sebuah masjid itu, itu adalah sama. Masjid itu berapa lama? Sudah beratus tahun. Sebab itu saya lihat penulis-penulis yang datang dari Siam masuk ke Kedah hendak pergi ke Pulau Pinang, dia singgah dan dia ambil gambar.

Jadi bangunan-bangunan ini, Tuan Yang di-Pertua, adalah hasil kutipan kita daripada pelancong-pelancong. Pelancong bukan hendak tengok sangat bangunan moden ini, di negeri mereka pun sudah ada. Mereka hendak tengok benda-benda yang lama, arkitek-arkitek yang lama macam mana mereka *design*.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat bagi Tangga Batu bangun, Yang Berhormat

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya, Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai. Oleh sebab Yang Berhormat bagi Jerai *claim* yang Kedah ialah negeri kedua tertua dunia, Melaka pun hendak campur tangan di sini sedikitlah kerana Melaka ni memang terkenal dengan nama negeri bersejarah.

Untuk makluman Yang Berhormat Jerai, bandar Melaka adalah sebuah bandar yang sedang diusahakan untuk dimasukkan ke dalam senarai warisan dunia. Usaha-usaha ini sedang berlangsung dan banyak halangan-halangan dan syarat-syarat yang telah diletakkan oleh badan ini supaya penyenaiaan ini berlaku. Di antara syarat-

syarat ini ialah tidak ada pembinaan bangunan-bangunan baru di sekeliling kawasan *heritage* ini atau kawasan warisan ini umpamanya.

Apa yang berlaku Yang Berhormat Jerai, yang saya hendakkan sedikit penjelasan ialah halangan ataupun prasyarat yang diletakkan oleh badan warisan dunia ini seolah-olah meletakkan negeri Melaka ini terkebelakang sedikit. Kata, op..... jangan maju, jangan maju ke depan kita hendak senaraikan you ini dan sebagainya dan akhirnya pembangunan sosioekonomi masyarakat negeri Melaka ini terbelakang sedikit, perlahan sedikit apabila kita tidak boleh membina bangunan-bangunan yang bersifat komersial di kawasan-kawasan ini. Apa pendapat serta pandangan Yang Berhormat Jerai?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Yang ini saya ingat boleh diselesaikan oleh Ketua Menteri Melaka sendiri. Dia seorang yang bijak dan saya memang betul Tuan Yang di-Pertua, di Melaka, saya melawat Melaka, saya membawa rombongan, bandar yang cukup bersih. Di waktu malam lampu dia menyala semua elok. Dia ada satu kampung itu dengan bunga-bunga dan landskap yang cantik. Memang bagus Yang Berhormat Tangga Batu tentang Melaka. Saya setuju.

Kedah sedang meningkat, Alor Setar sedang meningkat, insya-Allah. Benda-benda itu betul macam Yang Berhormat kata, hak warisan ini Datuk, macam kita pergi ke negara-negara asing dia memang bawa kita dia tunjuk tempat-tempat. Ada satu tempat yang saya pergi tetapi saya lupa namanya, kita boleh *wish*, ambil *coin* baling masuk dalam *wishing well*. Dia cipta benda itu di Rome.

Kita pergi ambil duit syiling, *wish*. Petang atau sebelah malam dia keringkan kemudian dia kutip duit. Itu cara depa perkenakan kita. Macam saya pun di Gunung Jerai, itu ada satu kubur, tempat itu kalau orang pergi... - cuma Kepong itu kalau dia pergi dia tidak naik di kubur itu. Pergi di kubur itu dia boleh menurun dan adalah kita cerita-cerita, jadi lagenda benda itu. Orang mari dekat kita. Ini cerita-cerita ini lagenda, cerita-cerita dongeng yang kadang-kadang dia terikut-ikut dan terbawa-bawa dan ini menguntungkan.

Saya harap kepada Menteri Warisan ini *go ahead especially* Pulau Pinang itu, saya tengok rumah-rumah lama itu sudah *direnovate*, sayang, sayang Tuan Yang di-Pertua. Benda-benda ini kita sudah tidak boleh cari lagi. Kita kekalkan benda-benda ini dan saya mengucapkan tahniahlah kepada Menteri juga kerana menganjurkan

“Budi dan Bahasa” baru-baru ini pelancarannya. Ini bagus, kita ini hidup walaupun kaya kalau tidak berbahasa dan berbudi, tidak ada ertinya Tuan Yang di-Pertua.

Kekayaan itu bukan hak milik dia, hak milik Tuhan. Tetapi budi itu kalau kita gunakan, pahala pun boleh dan orang pun hormat dekat kita. Saya harap macam itulah macam Kepong dia pun bagus budi cuma Ipoh Barat, Ipoh Timor ini dia tidak berbudi dan berbahasa, kasar bahasa dia, tidak tahu berbudi dan sebagainya. Dengan ini saya menyokong. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tiap-tiap Yang Berhormat boleh dan ada peluang berucap. Minta sabarlah yang lain-lain. Sri Gading.

4.04 ptg

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bersama-sama bangun menyokong Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2004. Saya hanya hendak menyentuh Fasal 4 Jadual Ke-9 kepada Perlembagaan Persekutuan berkaitan dengan pemeliharaan warisan, berkaitan dengan warisan sahaja.

Dengan pindaan ini pemeliharaan warisan kita akan dimasukkan sebagai suatu butiran yang dikongsi bersama dengan Kerajaan Persekutuan dan mudah-mudahan Kerajaan Persekutuan akan dapat memainkan peranan yang lebih berkesan dalam pemeliharaan warisan. Cuma saya inginkan penjelasan kalau boleh dalam penggulungan Yang Berhormat menteri berkenaan boleh membuat penjelasan apakah pengertian warisan yang sebenarnya.

Pengertian warisan yang dikehendaki dalam akta ini dalam erti yang lebih luas. Warisan ini dalam Bahasa Melayu yang bererti pusaka yang diturunkan, warisan namanya. Saya mewarisi harta ayahanda saya, maknanya yang diturunkan. Anak saya akan mewarisi harta saya, maknanya yang saya turunkan. Jadi hendak pengertiannya itu, definisi warisan itu. Dalam hubungan ini kalau warisan itu sebagai pusaka apakah yang berkaitan dengan bangsa, yang berkaitan dengan negara dan yang berkaitan dengan agama.

Dalam konteks negara Malaysia ini di mana harus diterjemahkan warisan siapa. Siapa punya warisan dan dalam hubungan ini soal penentuan masa, bila masa yang dikatakan sebagai warisan negara, bila? Apakah daripada zaman Melaka dibuka atau

waktu Sang Nila Utama membuka Temasik atau warisan ini daripada kerajaan-kerajaan Melayu yang dahulu. Dari mana mulanya, dan negara kita telah pun dijajah 450 tahun lebih kurang iaitu tahun 1511 sampai 1957.

Apakah warisan penjajah ini juga kita namakan sebagai warisan kita walaupun penghinaan penjajahan kepada kita itu begitu hebat maka oleh sebab atas nama warisan, kita kena pelihara. Itu masalahnya. Di mana? Warisan ini macam Jerai kata tadilah, apakah hanya berhubung dengan tempat, berhubung dengan bangunan, berhubung dengan peribadi orang perseorangan, soal-soal yang berkaitan dengan peristiwa, soal-soal yang berkaitan dengan budaya dan kalau budaya itu, budaya siapa? Budaya Melayu peribumi atau budaya siapa dan kalau budaya yang diambil ini dikatakan budaya Melayu dan peribumi sesuai dengan sejarah negara ini, apakah budaya Melayu yang termasuk pantun, gurindam, syair, lagu, makanan, pakaian, adat istiadat, kesenian itu juga mesti dipelihara.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Ketereh bangun.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Jemput.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Yang Berhormat Sri Gading, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, sebab Yang Berhormat sebut pantun, fasal warisan. Saya hendak berpantun minta balas:

*Yang lorek itu kendi,
Yang merah itu saga,
Yang baik itu budi;
Yang indah itu bahasa.*

Tolong jawab *[Dewan riuh dengan ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tetapi Yang Berhormat, majlis ini bukan majlis berbalas pantun Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tidak apalah Tuan Yang di-Pertua, saya penuhi.

*Sudah gaharu cendana pula,
Sudah tahu, dianya bertanya pula. [Ketawa]*

Ini hendak minta penjelasan dan perkara tentang sejarah, tentang pusaka, tentang budaya dia bukan perkara kecil. Bukan perkara kecil Tuan Yang di-Pertua,

bukan perkara remeh. Kadang-kadang keperibadian seseorang itu ada kaitan dengan sejarahnya, dengan keturunannya. *“Takkan Melayu Hilang Di dunia”* kata Hang Tuah. Itu menjadi bahasa keramat. *[Ketawa]* Saya menyokong kerajaan membutirkan ini, membawa pindaan ini saya sokong sangat, supaya kita jangan samar-samar.

Kita jangan tidak berapa jelas. Di Malaysia ini kita bertembung dengan berbagai-bagai budaya, berbagai-bagai sejarah, percampuran yang begitu terlalu banyak jadinya definisi ini. Adakah P. Ramlee masuk dalam warisan kita? Adakah Tun Sri Lanang masuk dalam warisan kita? Apakah Hang Li Po Melaka menjadi warisan kita? Saya mohon Dato' Seri Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan hebat orangnya. Tiga tokoh negara, Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Tun Mustafa, mendiang Tun Jugah, tiga tokoh negarawan yang menjadi warisan. Kalau tanpa tiga tokoh ini, Malaysia tidak akan menjadi kenyataan pada 16 September 1963.

Setakat ini bagaimana kita memperlihatkan sejarah tiga tokoh ini kepada generasi akan datang dan generasi hari ini. Kita tidak pernah sebenarnya, tidak pernah hendak war-warkan. Dato' Onn Jaafar misalnya, ini juga tokoh yang bukan calang-calang orang hebatnya. Itu berkaitan dengan perseorangan atau peribadi. Ini juga saya minta definisi dan pengertian yang lebih luas tentang perkara-perkara seperti ini.

Jadi, saya berharaplah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan akan dapat memperjelaskan, memperincikan dan dapat membutirkan segala-galanya supaya jelaslah kepada kita apa yang hendak kita pelihara, apa yang hendak kita pertahankan. Apa dia? Dan dalam hendak menjaga kepentingan warisan ini, peruntukan kerajaan biarlah bersesuaian. Kadang-kadang nafsu kita terlampau besar, tenaga dan kemampuan tidak secukupnya. Jadi saya menyokong, terima kasih.

Timbalan yang di-Pertua [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Puchong.

4.13 ptg.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Tuan yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya untuk membahaskan mengenai Pindaan Undang-undang Perlembagaan khasnya mengenai perkhidmatan air dan juga bekalan air yang telah dibahaskan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat terdahulu daripada saya.

Di sini saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Persekutuan kerana Kerajaan Persekutuan ini telah tahu bahawa masalah ini telah menjadi masalah yang lebih serius lagi kalau kita tidak mengambil langkah-langkah yang lebih berkesan daripada sekarang ini untuk kepentingan rakyat di masa akan datang.

Persoalan yang kedua ialah mengenai kepentingan kecekapan dan juga keberkesanan pengurusan perkhidmatan dan bekalan air negara ini adalah berdasarkan kepada beberapa faktor. Kita tahu mengenai rakyat telah bertambah dan juga proses urbanisasi juga bertambah dan juga proses perindustrian negara juga bertambah.

Ini bermakna bahawa pengguna air di masa-masa akan datang ini akan bertambah juga iaitu sekurang-kurangnya tiga kali ganda. Ini mengikut satu kajian yang telah dibuat oleh Majlis Perdagangan Tema Malaysia pada tahun lepas. Sebagai contoh, pemindaan domestik air akan bertambah kepada 16.2 juta meter *cube* sehari dalam tahun 2050 dan jumlah pengguna air itu akan bertambah kepada 50 juta meter padu pada tahun 2050 dan ini mengikut satu kajian. Di sini juga saya lihat bahawa kalau kita tidak mengambil langkah-langkah yang tertentu pada masa kini, maka krisis air akan berlaku di masa-masa akan datang dengan masalah-masalah sampingan yang lebih teruk lagi akan berulang lagi.

Tetapi, baru-baru ini kita lihat satu perjanjian penswastan telah dimeterai khasnya di Negeri Selangor, kerana saya dari Negeri Selangor, maka saya lihat perjanjian ini telah memberi fokus ataupun tumpuan hanya kepada beberapa perkara. Tetapi ini telah menimbulkan banyak persoalan yang kita perlu mengadakan satu penjelasan daripada Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi mengenai persoalan yang akan saya tanya nanti.

Mengikut perjanjian di antara SYABAS dengan Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri ini dan tumpuan hanya diberikan kepada NRW iaitu *Non Revenue Water*. Mengikut perjanjian itu, satu perjanjian yang telah menyatakan bahawa takrif hanya akan dinaikkan kalau NRW ini dapat dikurangkan.

Sebagai contoh, dari tahun sekarang ke 2006, kalau boleh turun kepada 30.8% dan diturunkan kepada 28% pada tahun 2009. Maka SYABAS Sdn. Bhd. boleh meminta Kerajaan Pusat untuk menambahkan takrif ataupun kadar air di Selangor dan juga tumpuan-tumpuan diberikan kepada apakah model kewangan yang akan dikekalkan, dilaksanakan di negeri Selangor, bagaimanakah strategi untuk

menukarkan paip yang sudah lama di Selangor dan ini telah mengubah sesuatu terma perjanjian yang telah dimeterai.

Tetapi persoalan sekarang ialah, kalau syarikat ini tidak memenuhi tema-tema ini, apakah penaltinya. Siapakah yang akan memulakan satu inisiatif untuk mendapatkan pampasan dan seterusnya penalti-penalti yang akan dikenakan? Ini ialah satu persoalan yang bagi saya ramai rakyat hendak tahu apakah penalti yang akan dikenakan kepada syarikat tersebut. Ini merupakan satu contoh yang amat penting sebelum SPAN. SPAN akan ditubuhkan yang diharap-harap pada tahun ini untuk menguruskan perkhidmatan dan pengurusan air di negara ini.

Persoalan yang kedua yang agak penting yang telah dibangkitkan oleh ramai Yang Berhormat sebelum ini, iaitu mengenai apakah *benchmark* mengenai kualiti air, perkhidmatan pengguna atau *customer service* dan juga satu masalah ialah mengenai *down time*. Kalau sesuatu kemalangan berlaku, apakah *down time rate* atau *down time* masa yang boleh diterima. Ini semua soalan yang tertentu dan saya berharap agar kementerian boleh memberikan perhatian yang lebih menyeluruh mengenai syarat-syarat perjanjian yang akan diadakan mungkin di antara semua syarikat di bawah penguatkuasaan daripada SPAN.

Seterusnya ini juga telah dibangkitkan oleh beberapa Yang Berhormat yang sebelum saya mengenai bagaimana kita boleh melindungi sumber-sumber air. Walaupun dalam pindaan ini, sumber-sumber air itu masih terletak di bawah negeri, tetapi saya ingin mencadangkan kepada Kerajaan Pusat, kita mesti memberi satu strategi atau satu tindakan yang bersungguh-sungguh untuk melindungi sumber-sumber air kerana kos pemprosesan sumber-sumber air ini akan menentukan tarif dan juga kualiti air yang akan diadakan pada masa akan datang.

Sebagai contoh, saya telah membangkitkan beberapa kali dalam Dewan yang mulia ini juga, mengenai sumber air di Sungai Langat, walaupun Ahli Yang Berhormat bagi Hulu Langat ini duduk di Hulu Langat, di sepanjang sungai itu kita dapati banyak kilang-kilang, ada yang haram dan ada juga yang ada lesen untuk beroperasi tetapi Sungai Langat ini telah memberi suatu sumber air kepada ramai penduduk di kawasan Lembah Klang.

Kita mestilah ada satu cara untuk mengawal supaya pencemaran dan juga hakisan tidak berlaku, kerana ini akan memberi satu kesan yang lebih negatif kepada

sumber-sumber air yang akan diproses dan diminum oleh penduduk-penduduk terutama di *Klang Valley* ini.

Maka, saya ingin mencadangkan supaya Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi bekerjasama dengan Kementerian Alam Sekitar untuk mengadakan satu perundingan ataupun satu peraturan di mana kawasan-kawasan tadahan air ataupun sumber-sumber air ini mesti dilindungi secukupnya supaya kesan pencemaran dan juga kos pemprosesan dapat dikurangkan. Seterusnya ini juga akan dapat mengurangkan ataupun kemungkinan besar, akan mengurangkan tarif air kepada pengguna terutama di bandar-bandar yang besar terutamanya di *Klang Valley*.

Persoalan yang ingin saya bangkitkan di sini ialah mengenai SPAN. Siapakah yang akan menguruskan SPAN dan juga bagaimanakah proses tender dan sebagainya yang akan dilakukan ataupun dikawal selia oleh SPAN ini untuk syarikat-syarikat yang mungkin akan mencebur- diri dalam industri air di masa yang akan datang?

Kalau kita benar-benar ingin untuk meningkatkan lagi keberkesanan pengurusan dan bekalan air di negara ini, maka kita ingin tahu apakah indikator (*indication*) ataupun KPI yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu ini mengenai syarikat-syarikat yang akan menguruskan pengurusan air di dalam industri ini terutamanya dari segi modal, kepakaran dan juga kualiti manusia yang akan menguruskan syarikat ini.

Persoalan-persoalan lain kebanyakannya telah dicadang atau dibincangkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, maka sebelum saya mengakhiri perbahasan saya ini, saya ingin mencadangkan kepada kerajaan ataupun kementerian bahawa apa-apa dasar yang akan diadakan di masa yang akan datang ini, haruslah berdasarkan kepada tiga perkara yang amat penting, iaitu rakyat jelata hanya memerlukan air yang berkualiti, kebersihan air mestilah konsisten dan tinggi; perkhidmatan pengguna (*customer service*) yang berpatutan dan *reasonable* dan juga kadar tarif yang munasabah dan juga berkemampuan kepada semua rakyat di negara kita ini.

Apa juga dasar ataupun polisi yang kita akan adakan di bawah kawal selia SPAN ini, kita haruslah memberi fokus kepada ketiga-tiga faktor penting ini dan saya berharap kementerian dapat melaksanakan polisi ataupun dasar-dasar ini berasaskan kepada ketiga-tiga perkara ini. Dengan itu saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kinabatangan.

4.24 ptg.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya turut ingin melontar sedikit pandangan walaupun saya sendiri merasa kecewa sedikit sebab Negeri Sabah tidak dimasukkan dalam Pindaan Perlembagaan.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua, air adalah merupakan satu keperluan manusia sejagat. Manusia boleh hidup tanpa ada rumah, manusia boleh hidup tanpa ada jalan raya atau tanpa ada api elektrik tetapi kalau tidak ada air, belum ada sejarah menunjukkan bahawa manusia boleh bertahan selama satu minggu kalau tidak dapat meminum air. Selepas satu minggu dia akan menjadi bukan manusia.

Justeru itu, saya ingin bertanya kepada kementerian dan juga menteri yang bertanggungjawab terhadap air, apakah dengan Sabah dikecualikan daripada pengambilan rawatan air ini bermakna Kerajaan Persekutuan tidak akan lagi memberi apa-apa bantuan kepada Kerajaan Negeri Sabah berhubung dengan masalah air. Sebab kita semua tahu Sabah merupakan salah satu negeri yang mempunyai masalah air sehingga pada hari ini.

Rakan saya tadi dari Beluran ingin mencadangkan kalau Kerajaan Persekutuan boleh melupuskan hutang-hutang air di Negeri Selangor, saya juga ingin meminta kepada kerajaan supaya hutang-hutang air di Negeri Sabah juga dilupuskan, jangan buat keputusan bertindih-tindih, mesti seimbang. Sebab apa pun hakikatnya, saya sendiri secara peribadi memang mengalu-alukan langkah yang telah dibuat oleh kerajaan sebab sebenarnya masalah air ini adalah masalah negeri tetapi oleh kerana masalah ini tidak putus-putus maka Kerajaan Persekutuan memikirkan adalah perlu kerajaan yang bertanggungjawab membela akan negeri-negeri ini supaya air bukan lagi menjadi masalah di peringkat akar umbi.

Kepada saya, ini adalah balasan kepada rakyat yang telah mengundi Barisan Nasional dalam pilihan raya yang lalu sebab pada saya buat apa Kerajaan Persekutuan mencari beban menanggung hutang, *write-off* hutang dan sebagainya. Kenapa tidak biarkan sahaja kerajaan negeri? Tetapi oleh kerana kita dalam satu gagasan, maka Kerajaan Persekutuan telah memikirkan langkah inilah yang terbaik.

Kenapa saya mengatakan saya kecewa kerana Sabah tidak termasuk, mungkin ada sesuatu perkara ataupun halangan. Tetapi saya berkeyakinan pada suatu masa saya berharap kerajaan-kerajaan negeri yang tidak termasuk boleh dimasukkan pada suatu ketika, sebab masalah air ini perlu ditangani secara bersama. Saya tidak melihat ada kerugian kepada kerajaan-kerajaan negeri apabila menyerahkan pengurusan air, sebab kita sudah jelas bahawa air, apa juga sumbernya masih menjadi milik kerajaan-kerajaan negeri. Yang kita bimbang, rakyat bimbang dan pembangkang juga bimbang termasuk Ipoh Timor iaitu adakah jaminan harga air ini dapat dikawal selia oleh kerajaan ataupun oleh SPANKah, SPENkah atau apa sahaja namanyalah *[Disampuk].....*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Tangga Batu mohon laluan, boleh?

Tuan Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Saya hendak amat-amati ucapan Ahli Yang Berhormat bagi Kinabatangan dengan melahirkan rasa kekesalan kerana Sabah dan Sarawak tidak termasuk di dalam Pindaan Perlembagaan pada kali ini.

Saya hendak bertanya kepada Ahli Yang Berhormat bagi Kinabatangan, kalau diberi ruang hendaklah Sabah ataupun menggesa Sabah supaya masuk ke dalam semua negeri-negeri yang terlibat dalam Pindaan Perlembagaan pada kali ini?

Datuk Bung Moktar bin Radin: Daripada petikan ungkapan saya, saya percaya pada suatu hari nanti ia akan masuk. Jadi, saya percaya sebab tidak ada kerugiannya dan tidak ada masalahnya. Walau bagaimanapun, seperti yang saya jelaskan tadi, apakah negeri Sabah, saya tidak mahu bercakap mengenai Sarawak sebab ia ada wakil-wakilnya sendiri.

Tuan Wilferd Madius Tangau [Tuaran]: *[Bangun]*

Datuk Bung Moktar bin Radin: Ya, silakan. *[Ketawa]*

Tuan Wilferd Madius Tangau: Terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Pandangan Ahli Yang Berhormat ini amat menarik. Ahli Yang Berhormat kesal kerana Pindaan ini, penyerahan soal bekalan dan perkhidmatan air tidak dimasukkan bagi Sabah, khususnya Sabah. Tetapi adakah Yang Berhormat sedar bahawa dalam Perlembagaan Persekutuan ini sendiri terdapat peruntukan-peruntukan.

Sebagai contoh, dalam Artikel 161E(2) yang menyatakan bahawa ada perkara tertentu yang diperlukan persetujuan sebelum Sabah ini dapat dimasukkan. Sebagai contohnya, persetujuan daripada Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah. Ini bererti bahawa jika sekiranya ada perkara-perkara yang dipinda sama ada dalam senarai bersama atau dalam senarai negeri hendaklah kita meminda banyak perkara dalam Perlembagaan Persekutuan sebelum kita ke situ.

Jadi, adakah Yang Berhormat juga menghormati bahawa bukan senang untuk meminda perkara-perkara dalam senarai negeri dan senarai bersama, oleh kerana kita ini mempunyai perundangan-perundangan tertentu termasuklah dalam Perlembagaan Persekutuan ini sendiri yang tidak membolehkan perkara itu dibuat. Mohon penjelasan Yang Berhormat. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila duduk dulu. Setiausaha.

**USUL
MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH
PERATURAN MESYUARAT 18(1)**

Bencana Tsunami – Persiapan Menangani

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang masa telah pun pukul 4.30 petang dan menurut keputusan yang telah pun dibuat pada pagi tadi, satu usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) telah dibenarkan dibahaskan pada petang ini. Saya sekarang memulakan perbahasan usul itu seperti yang telah pun diputuskan masa-masa tertentu diberi oleh pihak-pihak yang berkenaan. Oleh itu saya ingin menjemput Yang Berhormat bagi Kemaman untuk mengemukakan usul.

4.30 ptg.

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Tuan Yang di-Pertua, pertamanya ingin saya rakamkan ucapan ribuan terima kasih di atas keizinan Tuan Yang di-Pertua untuk mempertimbangkan usul saya dan seterusnya memberi keizinan untuk kita merundingkan perkara mengenai bencana dahsyat gempa bumi dan ombak Tsunami ..

Datuk Bung Moktar bin Radin: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan. Ini bermakna saya berhenti sahaja atau saya sambung bila ada waktu.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh sambung.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Bila?

Tuan Yang di-Pertua: Selepas ini.

Seorang Ahli: *[Besok]*.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Selepas ini atau besok?

Tuan Yang di-Pertua: Kalau ada masa, selepas ini.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Ooh.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau tidak ada masa, besok.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Habis kita tidak ada..

Tuan Yang di-Pertua: Boleh, fasal masa sudah sampai untuk majlis ditangguhkan untuk membenarkan Yang Berhormat bagi Kemaman membahaskan mengemukakan usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) seperti yang telah diberitahu pagi tadi. Silakan Yang Berhormat Kemaman. Teruskan.

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Ingin saya rakamkan ucapkan ribuan terima kasih di atas keizinan Tuan Yang di-Pertua untuk mempertimbangkan usul saya dan seterusnya memberi keizinan untuk kita merundingkan perkara mengenai bencana dahsyat gempa bumi dan ombak Tsunami di lautan Hindi yang melanda negara kita dan banyak negara-negara Asia dan Afrika lain pada tanggal 26 Disember 2004 yang lalu.

Sebagai negara yang dikurniakan Tuhan berada di dalam kesejahteraan dan tidak terdedah daripada bencana alam yang besar, kita tidak dibiasakan untuk menerima kemusnahan separah ini. Mungkin sukar untuk kita merasakan kepedihan sebenar yang dialami oleh mangsa bencana ini. Pada keluarga mangsa yang terkorban, kepada anak-anak yang menjadi yatim, kepada mereka yang kehilangan rumah tangga dan harta benda, kepada mereka yang kehilangan punca mata pencarian mari kita rakam rasa dukacita kita dan ucapan takziah yang tidak terhingga.

Saya mohon agar Parlimen Malaysia yang mulia ini yang mewakili rakyat negara ini turut menghantar kawat takziah pada Parlimen negara-negara yang dilanda bencana ini, mudah-mudahan pendirian Dewan yang mulia ini menjadi sedikit penawar dan kekuatan kepada mereka yang menjadi mangsa untuk meneruskan langkah menghadapi hari-hari yang mendatang. Sesungguhnya berat mata memandangi, berat lagi bahu yang memikul. Kata-kata dan luahan ucapan sahaja tidak mencukupi melainkan disusuli oleh tindakan dan pelbagai bantuan lain.

Oleh itu kita juga harus mengalu-alukan apa jua langkah yang telah diambil oleh pihak kerajaan kita dan orang ramai dalam membantu mereka yang menjadi mangsa. Kita turut berbangga apabila kumpulan sukarelawan Malaysia seperti MERCY Malaysia, Smart Team, Aman Malaysia, Persatuan Bulan Sabit Merah, anggota keselamatan, Pasukan-pasukan Bomba dan Penyelamat, parti-parti politik, para wartawan dan doktor dan lain-lain pertubuhan yang telah menjadi antara kumpulan pertama sampai ke negara-negara lain yang mengalami kemusnahan khususnya Wilayah Aceh yang dilanda kemusnahan paling teruk dan mencatatkan kematian lebih dua pertiga daripada lebih 160 ribu kematian akibat bencana ini di seluruh dunia.

Secara khusus juga kita patut menghargai keprihatinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang awal-awal lagi telah mengetuai rombongan kerajaan kita meninjau kawasan-kawasan berkenaan. Semua ini telah mengangkat negara dan rakyat ke darjat yang lebih tinggi. Kita adalah negara kecil tetapi kita berhati besar, kita bukan lagi bangsa penerima tetapi sudah menjadi bangsa pemberi. Tidak ada yang lebih indah daripada kehidupan di dunia ini daripada kesediaan kita untuk saling mengasihani, saling berkorban dan saling memberi pertolongan kepada setiap insan lain atas semangat sukarelawan. Saya percaya pada hari ini pun kerajaan kita sudah tentu sudi untuk memaklumkan pada Dewan yang mulia ini segala bentuk bantuan kewangan, kemudahan, ketenteraan, peralatan dan lain-lain program pembangunan dan pemulihan sebagai bukti kita kuat dan cepat bingkas bangun apabila dilanda seperti ini.

Di zaman dahulu kala orang percaya kepada dongengan yang mengatakan punca gempa bumi ialah pergerakan kerbau besar di mana bumi terletak di atas tanduk kerbau itu, kini kepercayaan seperti itu dan kepercayaan-kepercayaan karut lain sepatutnya tidak ada lagi. Ilmu pengetahuan telah mendekatkan kita kepada kebenaran, kebanyakan bencana alam boleh dijelaskan secara saintifik, banyak yang boleh diramal, banyak yang boleh dikurangkan kesannya, banyak bencana yang menjadi pemusnah ribuan nyawa di suatu tempat tetapi hanya bersifat perosak di negara lain yang dilandanya, ada kalanya ia banyak bergantung kepada persiapan, peralatan dan kesediaan mereka yang dilanda.

Sesungguhnya Tuhan bukan sahaja menguji kita dengan bencana seperti ini, tetapi juga menguji sejauh manakah kita menggunakan akal akan kebijakan

kurniaannya untuk menghadapi ujian ini. Sebab itulah kita harus meneladani negara-negara lain yang sudah lama memiliki sistem amaran awal dan persiapan lain dalam menangani bencana seperti ini, seperti di negara-negara di lautan Pasifik. Pengumuman kerajaan untuk memasang peralatan sistem amaran awal tsunami amat dialu-alukan, lebih-lebih lagi negara kita di kelilingi laut di mana jarak kawasan yang terdedah kepada bahaya gempa bumi tidak terlalu jauh.

Kita juga sepatutnya menyokong pengisytiharan untuk memperkukuhkan bantuan kecemasan, pemulihan dan pembangunan semula selepas bencana gempa bumi dan Tsunami yang dicapai dalam mesyuarat khas pemimpin negara-negara ASEAN di Jakarta pada 6 Januari 2005. Juga kita harus menyokong resolusi kerjasama untuk mengatasi bencana gempa bumi dan Tsunami yang dicapai dalam forum Parlimen Asia Pasifik, APPF Ke-13 di Halong City, Vietnam pada 10 hingga 13 Januari 2005 yang lalu. Juga persidangan mengenai pengurangan bencana akan diadakan di Kobe, Jepun yang bermula pada hari esok, semuanya ini menggariskan langkah kerjasama negara-negara dunia dalam menghadapi bencana seperti ini.

Dalam kita mengalu-alukan keprihatinan dunia dan bantuan mereka kepada negara-negara yang menjadi mangsa kita harus belajar dari sejarah. Dalam beberapa insiden bencana alam sebelum ini hanya secebisian bantuan yang diterima daripada ribuan juta dolar yang dijanjikan. Gempa bumi di Bam, Iran misalnya telah mengorbankan hampir 30 ribu orang penduduknya pada bulan Disember tahun 2003, ketika itu USD1.1 bilion dijanjikan oleh masyarakat antarabangsa kepada negara bangsa, namun hanya USD17 juta sahaja yang diterima iaitu tidak sampai 20% pun daripada apa yang dijanjikan.

Negara yang berjanji akan memberi seribu alasan untuk tidak mengotai janjinya, namun seperti kata pepatah, "pengemis tidak berhak memilih", negara yang menjadi mangsa tidak boleh berbuat apa-apa untuk menagih janji orang lain. Apabila isu bencana itu dilupakan, merekalah menanggung bebanan bersendirian, lebih-lebih lagi kalau negara itu miskin dan tidak digemari oleh kuasa yang berjanji. Apatah lagi kalau negara itu dikatakan ada reputasi sebagai negara rasuah dan banyak berlaku penyalahgunaan kuasa, ertinya di sini, kita juga tidak boleh terlalu berharap. Janji USD4 *billion* masyarakat antarabangsa untuk membantu negara yang dilanda bencana Tsunami kali ini akan sampai kepada sasarannya, di sinilah peranan pakatan negara-negara serantau untuk memainkan peranan yang lebih proaktif.

Sebagai Pengerusi Persidangan Negara-Negara Islam (OIC) pula, saya percaya Malaysia boleh dan turut memainkan peranan dalam menggembelngkan sokongan negara Islam dalam mengurangkan bebanan umat yang ditimpa bencana ini dan sekali gus mengatasi tohmahan bahawa negara Islam itu banyak yang kaya raya tetapi kekayaannya tidak boleh membantu saudaranya sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, kebimbangan Kerajaan Indonesia terhadap kehadiran tentera asing di Aceh mungkin ada asasnya. Kita mendengar mereka memberi tempoh tiga bulan untuk tentera asing keluar dari negara itu. Sekiranya benar, dasar seperti ini sudah tentu mengakibatkan negara jiran kita itu menanggung risiko untuk tidak mendapat bantuan yang dijanjikan. Soalnya, tanpa bantuan asing, apakah mereka mampu memulihkan sendiri keadaan yang sangat parah itu? Kita tidak berniat campur tangan dalam hal ehwal negara jiran kita, namun kita boleh mengagak kesan bencana alam terhadap masyarakat miskin yang sedang berkonflik, jauh lebih dahsyat berbanding tempat-tempat lain. Bencana Tsunami bukan sekadar boleh mengubah peta geografi dan demografi kawasan berkenaan tetapi turut boleh mengubah corak geopolitik di wilayah yang kaya dengan hasil minyak itu.

Sebagai negara yang paling hampir dari segi geografi, bangsa, bahasa, budaya dan agama dengan wilayah yang berkenaan, Malaysia harus mengikuti perkembangan ini secara yang proaktif. Kita tidak mahu ada pihak ketiga mengambil kesempatan dari krisis ini dan kita juga tidak boleh membenarkan krisis kemanusiaan berterusan di sana, yang sudah tentu akan mendatangkan akibat buruk kepada kita jua. Ketangkasan tindakan pihak berkuasa dan orang ramai dalam menghadapi bencana seperti ini banyak bergantung kepada maklumat yang diberikan. Kunci kepada keupayaan mengurus dan menangani bencana pula terletak pada pendidikan dan informasi.

Kita menghargai peranan para wartawan dan media kita dalam menyemarakkan perasaan kita untuk bersimpati, menghulurkan kasih dan bakti kepada mangsa bencana ini. Namun begitu, mungkin tidak keterlaluan kalau saya menganggap bencana 26 Disember 2004 itu turut menguji konsep Infotainment Stesen TV milik kerajaan kita, bukan dari segi istilah bahasanya tetapi dari segi pelaksanaannya. Mana yang sepatutnya didahulukan, infonya atau entertainmenya? Pada hari dunia dilanda bencana itu, ramai yang bertanya, mana *breaking news*nya? Mana berita dan maklumat terkini sewaktu rancangan hiburan diteruskan? Mana

nombor telefon talian panasnya? Ramai yang terpaksa mencari stesen TV luar negara untuk mendapatkan berita terkini mengenai apa yang berlaku di negara kita sendiri. Saya yakin di Dewan yang mulia ini, kerajaan ada jawapan di atas kekeliruan ini.

Saya juga percaya kerajaan melalui sistem pendidikan, media massa, Program Latihan Khidmat Negara dan agensi-agensi lain akan mendidik rakyat mengenai bencana alam. Bukan sahaja tentang apa itu Tsunami yang bukan sahaja disebabkan gempa bumi, tetapi juga sebab-sebab lain, juga mengenai bencana lain yang selama ini kita andaikan tidak mungkin berlaku di negara kita, juga mengenai cara mengendalikan bencana, cara menghantar maklumat mengenai bencana, cara termudah dan termurah menyaring air untuk diminum. Cara menangani penyakit dan wabak penyakit, cara mengubat kecederaan, cara mengatasi trauma akibat kehilangan orang yang tersayang atau tempat bergantung, atau pelbagai cara lain yang sudah tentunya amat berguna apabila berlaku kecemasan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam menghadapi bencana, banyak pihak dilihat berlumba-lumba menghulur bakti, baik kerajaan atau bukan kerajaan, juga parti politik dan pelbagai kumpulan berkepentingan. Mereka bukan sahaja membawa bantuan tetapi ada juga yang membawa agenda institusi masing-masing. Ada yang mengambil kesempatan dari kesempatan orang lain, ada kalanya mengatasi kemurnian nilai kemanusiaan dan mencetuskan konflik lain sesama manusia. Dalam sejarah kemanusiaan, banyak kematian dan kemusnahan bukanlah disebabkan oleh bencana alam, tetapi oleh peperangan dan persengketaan. Dalam sejarah ini, manusialah yang menjadi pembunuh manusia yang terbesar. Di sinilah ujian terbesar kita iaitu bagaimana menghadapi bencana Ombak Tsunami ini sebagai alat penyatu kemanusiaan, bukan pemecah kemanusiaan.

Semoga di Dewan yang mulia ini, kita sentiasa mengambil iktibar, agar tidak mengulangi kesilapan orang yang terdahulu. Saya mohon mencadangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Ipoh Timor.

4.46 ptg.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah terhadap keputusan Tuan Yang di-Pertua, yang membenarkan perbahasan tergepar diadakan dengan membincangkan perihal malapetaka 26 Disember 2004 yang telah membunuh 69 orang di Malaysia dan lebih dari 162 ribu orang di seluruh

dunia, dengan jumlah kematian mutakhir mungkin melebihi angka 200 ribu, setengah juta orang cedera dan lima juta lagi kehilangan rumah tangga. Tahap kemusnahan dan kematian yang menjangkau seluas 4,000 batu di 12 negara dan enam zon setelah berlakunya gempa bumi bawah laut di luar pesisiran Sumatera.

Saya lebih suka sekiranya Parlimen Malaysia selaras dengan tanggungjawab kita selaku Pengerusi OIC dan NAM menjadi Parlimen pertama di dunia yang membahas secara menyeluruh atas satu usul yang sewajarnya atas dimensi dalam negeri dan antarabangsa serta implikasi-implikasi yang dibawa oleh malapetaka Tsunami ini yang berakhir dengan satu keputusan mungkin sebulat suara dan bukanlah satu perbahasan satu jam yang diusulkan mengikut Peraturan Mesyuarat 18 yang akan berakhir tanpa sebarang keputusan atau undi yang rasmi.

Parlimen-Parlimen lain seperti *House of Commence UK* telah pun menangani perihal malapetaka Tsunami tetapi belum ada mana-mana Parlimen yang mengadakan perbahasan menyeluruh menerusi satu usul yang sewajarnya dan inilah sebab mengapa menjelang 31 Disember yang lepas, saya telah menghantar faks kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah membatalkan cutinya di Sepanyol mencadangkan supaya Mesyuarat Khas Parlimen dua hari ini dilanjutkan demi membolehkan satu perbahasan tergepar mengenai bencana kemanusiaan dan peranan yang seharusnya dimainkan oleh Malaysia selaku Pengerusi NAM dan OIC dalam menggerakkan pendapat dunia antarabangsa, sumber-sumber dan azam untuk mengadakan sistem pengurangan bencana yang berkesan.

Hari Selasa yang lepas, semasa merasmikan Kempen Budi Bahasa dan Nilai-nilai Murni di Istana Budaya, saya telah menyampaikan pendapat ini kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, bahawa memandangkan malapetaka Tsunami yang merupakan bencana teruk dalam dan luar negara yang membawa kesan yang meluas dan berpanjangan, beliau sendiri haruslah mengemukakan satu usul atas tajuk ini di Mesyuarat Parlimen Khas hari ini.

Beberapa Menteri Kabinet yang saya temui di majlis perasmian berkenaan semuanya bersetuju bahawa adalah wajar dan tepat pada waktunya untuk Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengemukakan usul seperti ini, maka adalah sungguh mengecewakan bahawa Kabinet pada hari seterusnya telah mengambil keputusan yang bertentangan. Walau bagaimanapun, saya mengalu-alukan sikap kerajaan yang

menaruh minat atas perkara ini dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri akan menjawab bagi pihak kerajaan pada penghujung perbahasan ini.

Apabila tahun 2004 berlanjutan menjadi tahun 2005, tidak wujudnya rasa gembira seperti tahun-tahun yang lepas dan Malaysia bersama-sama dengan negara-negara yang lain telah membatalkan perayaan *countdown* masing-masing. Malapetaka Tsunami ini merupakan bencana semula jadi yang paling teruk dalam sejarah negara dan sungguhpun Malaysia tidak mengalami kerosakan seteruk di Indonesia, Sri Lanka, India dan negeri Thai, ini bukanlah sesuatu yang menyenangkan, memandangkan setiap nyawa yang kehilangan sememangnya mungkin diselamatkan sekiranya satu sistem amaran awal telah dipasang. Ianya mustahak dari segi nyawa manusia dan kesengsaraan yang berlakunya.

Seterusnya, sebenarnya bencana ini boleh dielakkan sekiranya Malaysia dan lain-lain negara di Asia Tenggara telah memandang serius perbincangan yang mereka ada dalam tahun 2003 dan 2004 mengenai pemasangan sistem amaran awal Tsunami, sungguhpun perkara seperti ini jarang sekali berlaku di Lautan Hindi. Saya tidak berminat langsung dengan sebarang cubaan saling cela-mencela, dan negara kita serta rakyat kita tidak harus terikat dengan sikap cuba menyalahkan mana-mana pihak, sebaliknya kita harus bersikap rasional dan berani dan belajar dari kelemahan dan kesilapan kita sendiri demi memastikan bahawa bencana kehilangan nyawa dan kesengsaraan seperti ini tidak akan berulang lagi di masa hadapan.

Kejadian-kejadian spesifik seperti gempa bumi, Tsunami dan letupan gunung berapi tidak dapat dielakkan dari berlaku tetapi penyeliaan ahli dokumentari sistem amaran awal serta pendidikan yang wajar semuanya boleh menyumbang dalam usaha menyelamatkan nyawa yang tidak ternilainya. Adalah dilaporkan di media antarabangsa bahawa dalam satu mesyuarat Suruhanjaya *Oceanography* antara kerajaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada bulan Jun tahun lepas, para pakar telah menyimpulkan bahawa Lautan Hindi menghadapi ancaman yang ketara dari kejadian Tsunami tempatan dan harus dibentuk satu rangkaian amaran. Tidak ada sebarang tindakan yang dipersetujui oleh para pegawai dari Malaysia, negeri Thai, India dan lain-lain negara yang menganggap Tsunami sebagai satu masalah Lautan Spesifik dan tidak menunjukkan sebarang usaha untuk mengambil apa-apa tindakan.

Pada 30 Disember 2004 yang lepas Ahli-ahli Parlimen DAP termasuk Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam, Tanjong dan Bagan dan saya sendiri telah melawat

Wee Boon Kim di Bukit Mertajam yang kehilangan 6 ahli keluarganya di dalam bencana Tsunami 26 Disember di pantai Pasir Panjang berdekatan dengan Pulau Betong di Pulau Pinang. Beliau membangkitkan satu persoalan yang memerlukan dan perlu dijawab secara serius dan persoalan tersebut juga turut dibangkitkan oleh ahli-ahli keluarga, saudara-mara dan rakan-rakan kepada 66 orang mangsa Tsunami di Pulau Pinang, Kedah, Perlis dan Perak. Mengapakah pihak-pihak kerajaan tempatan, negeri dan Persekutuan gagal mengeluarkan amaran mengenai bahaya yang wujud sungguhpun mereka mempunyai masa selama tiga hingga empat jam sebelum ombak maut yang dicetuskan oleh gempa bumi 9 magnitud Sumatera menimpa pantai utara Semenanjung Malaysia.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengarahkan semua agensi-agensi berkenaan di Pulau Pinang dan Kedah supaya melakukan *post mortem* segera mengenai Tsunami yang melanda Malaysia supaya satu prosedur operasi standard dapat diperkenalkan untuk menghadapi bencana yang serupa di masa hadapan. Ini merupakan satu langkah yang betul dan berani yang diambil oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menghapuskan sindrom penapian (*denial syndrome*) yang menyelami perkara Tsunami ini dikendalikan dari awal-awal lagi yang menganggap Tsunami maut ini sebagai satu yang telah ditakdirkan dan sebagai *Act of God*. Walau bagaimana pun satu *post-mortem* yang dilakukan oleh agensi-agensi berkenaan di Pulau Pinang dan Kedah sebenarnya tidak mencukupi untuk menangani sistem amaran kebangsaan yang gagal menangani mala petaka seperti ini. Apa yang diperlukan adalah siasatan terbuka demi mencari jawapan kepada persoalan-persoalan yang disuarakan oleh mangsa-mangsa Tsunami kepada Wee Boon Kim ini.

Rakyat Malaysia biasa mungkin tidak tahu bahawa Tsunami sebenarnya boleh diramalkan berikutan dengan berlakunya gempa bumi. Tetapi tidak ada sebab mengapa mereka yang bertanggungjawab di peringkat kerajaan tempatan, negeri dan Persekutuan yang digaji untuk menjaga keselamatan dan kebajikan rakyat Malaysia tidak pula sedar tentang perkara ini seperti mana orang yang berpengetahuan dalam perkara ini akan sedar. Perdana Menteri Negeri Thai, Thaksin Sinawatra telah memecat Ketua Ahli Meteorologi, Suparit Tansrinatwong dan melancarkan satu siasatan untuk menyiasat mengapa jabatan yang berkenaan gagal mengeluarkan amaran Tsunami yang mungkin dapat menyelamatkan beribu-ribu nyawa di situ. Pemecatan Ketua Ahli Meteorologi Negeri Thai ini sekali lagi mengingatkan kita

bahawa adalah perlu diadakan siasatan terbuka yang serupa di Malaysia demi mengatasi sindrom penapian kita yang enggan menyerap pengajaran yang betul dari malapetaka Tsunami ini khasnya dalam segi kegagalan sistem amaran bencana nasional, menyiasat aspek-aspek misalnya mengapa kerajaan gagal mengeluarkan amaran mengenai bahaya yang akan melanda sungguhpun kita ada empat jam sebelum ombak maut melanda pantai Malaysia.

Sama ada 69 nyawa yang terkorban ini sepatutnya boleh diselamatkan atau dikurangkan kepada angka satu digit sekiranya sistem amaran yang lebih berkesan sedia dipasangkan. Saya bukan hendak mencadangkan bahawa kita harus mengikuti teladan Thaksin dan memecat Ketua Pengarah Perkhidmatan Meteorologi Malaysia atau Pengarah Seismologi MMS tetapi kerajaan janganlah cuba mengelakkan dari tugas yang tidak menyenangkan ini dengan mengadakan siasatan teliti ke atas kegagalan sistem amaran bencana nasional yang dahsyat. Kegagalan pihak-pihak berkuasa dalam menangani bencana misalnya kegagalan televisyen dan radio untuk membekalkan maklumat *real pack* kepada rakyat Malaysia mengenai apa yang berlaku di Pulau Pinang dan pantai Utara Semenanjung Malaysia dan apa yang berlaku setelah Tsunami melanda Malaysia khasnya dalam isu pengendalian bantuan Tsunami.

Memang timbul sikap belas kasihan dan bermurah hati yang luar biasa dari rakyat Malaysia serta masyarakat dunia setelah berlakunya malapetaka Tsunami. Tetapi wujud juga banyak aduan mengenai sama ada pampasan yang secukupnya ada dibuat mengenai kelambatan dalam membayar pampasan dan bantuan serta mengenai wujudnya sikap diskriminasi dalam pembayaran bantuan dan pampasan. Semua ini patutlah merupakan rungutan yang dikemukakan kepada Ahli-ahli parlimen DAP yang ada melawat Kuala Terengganu dan Bukit Maru di Langkawi oleh Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam serta Sungai Burong dan Sungai Tiang, Yang Berhormat Batu Gajah dan saya ada melawat semua ini harus disiasat dalam siasatan terbuka demi memastikan satu sistem bantuan dan pemulihan lepas bencana (*post disaster relieve the recovery*) yang adil penuh belas kasihan, tidak berat sebelah dan berkesan akan dapat diwujudkan.

Pada waris antarabangsa sebagai Pengerusi NAM dan OIC, Malaysia seharusnya mengadakan mesyuarat tergempar kedua-dua pertubuhan ini atau mengadakan mesyuarat bersama yang tidak pernah diadakan sebelum ini, setelah

berlakunya malapetaka Tsunami 26 Disember selepas untuk mengaturkan gencatan senjata (*cease-fire*) di Aceh, Sri Lanka dan Somalia – tiga negara *civil war* yang dalam kawasan yang ditimpa ini serta berbentuk satu mekanisme yang efektif untuk memastikan keberkesanan, i, ketelusan dan integriti dalam usaha mengutip dan mengedarkan bantuan Tsunami sebanyak mungkin US8 bilion dolar kepada US10 bilion dolar yang telah dijanjikan oleh kerajaan-kerajaan seluruh dunia, pertubuhan-pertubuhan antarabangsa serta orang-perseorangan dari setiap pelosok dunia. Kini masyarakat dunia semakin kluatir bahawa pegawai-pegawai yang *corrupt* di negara-negara yang terjejas ini akan menggunakan bantuan Tsunami ini untuk kepentingan mereka sendiri. Bahawa perang saudara yang berterusan khususnya di Aceh dan Sri Lanka akan menjejaskan usaha-usaha bantuan dan pembinaan semula kawasan-kawasan berkenaan. Rakyat Indonesia sendiri sama ada masyarakat NGO mahupun media telah membangkitkan rasa kluatir seperti ini.

Jakarta Post telah menyeru kerajaan Indonesia supaya meletakkan keutamaan ke atas bantuan Tsunami sama ada dalam bentuk derma atau pengurangan hutang untuk membina semula kawasan-kawasan yang dilanda Tsunami di Aceh dan di utara Sumatera dan bukannya digunakan untuk memperbaiki bajet negara itu dan untuk menubuhkan satu badan bebas yang ditugaskan secara telusnya untuk menyimpang satu rekod derma untuk Aceh dan cara pengagihan serta memastikan bahawa dana tersebut mencapai sasaran asalnya kerana reputasi dan kredibiliti negara Indonesia kini terancam.

Presiden Indonesia, Susilo Bambang Yudhoyono telah meletakkan pelancaran perang terhadap rasuah sebagai agenda utama jawatan lima tahunnya tetapi beliau tidak menjangkakan bahawa beliau akan menghadapi ujian dalam tempoh yang begitu cepat dan di bawah pengawasan dunia antarabangsa dan dalam keadaan yang begitu kritikal sekali. Inilah satu-satunya perkara yang dapat NAM dan OIC lakukan untuk membantu Presiden Indonesia supaya memastikan *accountability*, ketelusan dan integriti negara ini dengan menerima, mengguna dan mengawal selia berbilion-bilion dolar bantuan Tsunami dan menjadikan operasi teladan yang mana rasuah, salah urus dan salah guna kuasa boleh dielakkan dengan pemerhatian masyarakat dunia dan bahawa proses pembinaan semula (*reconstruction*) Aceh adalah berpandukan *standard* ketelusan, keselamatan dan kualiti, nilai *for value*, sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya rasa memadailah perbincangan yang telah dibuat mengenai perkara ini. Banyak yang telah diperkatakan dan juga banyak juga tindakan-tindakan yang telah dilakukan terutama sekali oleh Kerajaan Malaysia. Oleh itu saya minta Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri untuk menjawab.

5.01 ptg.

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan [Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat bagi Kemaman dan Ipoh Timor yang telah mengambil bahagian dalam Usul Tergempar Mengenai Peristiwa Tsunami yang telah menimpa rantau Asia selatan ini termasuk negara Malaysia kita.

Tuan Yang di-Pertua, pada 26 Disember yang lalu, kira-kira pukul 8.58 pagi, satu gempa bumi yang berukuran 8.9 pada skala richter telah berlaku di bawah dasar Lautan Hindi yang berhampiran dengan kawasan utara Sumatera. Gempa bumi ini telah menyebabkan ombak besar Tsunami dengan kelajuan antara 700 hingga 800 kilometer sejam melanda pantai-pantai kawasan Lautan Hindi, Aceh, Maldives, Sri Lanka, India, Thailand, Myanmar dan hinggalah ke pantai timur Afrika termasuk negara Somalia, Kenya dan negara Malaysia juga tidak terkecuali daripada dilanda pukulan ombak besar Tsunami ini.

Tuan Yang di-Pertua, banyak pihak yang telah bertanya sama ada ombak besar Tsunami ini dapat dielakkan kesan buruknya sekiranya kita dapat mengambil tindakan yang lebih awal lagi. Perlu saya jelaskan bahawa bukan semua gempa bumi membawa kepada Tsunami dan Tsunami ini hanya akan dapat dikesan sekiranya kita dapat mewujudkan sistem dengan izin, Sistem BUOYS yang terletak di bawah paras air, yang akan mengesan pergerakan air secara besar-besaran.

Malaysia bukan sahaja satu-satu negara yang tidak dapat mengeluarkan amaran awal, malah tidak ada negara lain pun yang telah mengeluarkan amaran awal mengenai bencana Tsunami ini. Justeru itu, kerajaan sedar bahawasanya sesuatu perlu dilakukan. Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat bagi Kemaman dan Ipoh Timor yang kedua-duanya telah menyatakan betapa perlunya sistem amaran awal ini diwujudkan oleh kerajaan. Kabinet dalam mesyuaratnya pada

minggu yang lalu telah bersetuju dengan cadangan supaya sistem amaran awal ini diadakan secepat mungkin dan tindakan akan diambil untuk memilih sistem yang sebaik mungkin dan mengikut jadual kerjanya, sistem amaran awal ini boleh diwujudkan menjelang akhir tahun ini, insya-Allah.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, memang benar seperti mana yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Kemaman dan bukanlah kita di dalam Dewan ini sahaja, tetapi rata-rata bila kita berucap kepada khalayak ramai, kita selalu menyebut bahawa Malaysia sebuah negara yang terlindung yang dilindungi oleh Allah S.W.T. Kita terkeluar dari dengan izin, *ring of fire*. Kita tidak ada sejarah gempa bumi, tidak ada sejarah *volcano* ataupun gunung berapi, tidak ada sejarah *typhoon* secara besar-besaran.

Oleh itu, selama ini kita tidak terfikir, malah tidak ada sesiapa pun dapat memikir bahawa kemungkinan boleh berlaku bencana Tsunami kepada negara kita. Malah ramai pun yang tidak tahu apa perkataan Tsunami. Sekarang ini kita semua sudah sedar, rakyat pun sudah sedar. Oleh itu, kita perlulah bukan sahaja mewujudkan sistem amaran awal ini tetapi kita perlu juga mewujudkan Sistem Penyampaian Maklumat dengan pantas, dengan segera kepada setiap pelosok, setiap pantai, walaupun pantai itu bukanlah pantai yang popular untuk orang ramai tetapi kita perlulah mewujudkan satu sistem penyampaian amaran, barangkali ada cadangan sistem siren, ada cadangan menggunakan media massa, ada cadangan menggunakan SMS, ada cadangan menggunakan kereta polis dan sebagainya.

Kerajaan akan memikirkan perkara ini dengan sebaik mungkin dan kita perlu melakukan proses *public education* Tuan Yang di-Pertua, dengan meluas supaya rakyat faham, bukan sahaja apa dia Tsunami, tetapi apa perlu dilakukan ketika amaran dikeluarkan oleh pihak berkuasa. Insya-Allah kita akan mewujudkan sistem prosedur yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Ipoh Timor dan kita akan bertindak berasaskan kepada *operating procedure* dan kita akan tentukan dan kita juga akan memilih cara-cara, mungkin bukan satu cara tetapi pelbagai cara supaya penyampaian ini menyeluruh ini untuk mengelak kalau sekiranya berlaku Tsunami, insya-Allah kita akan pastikan rakyat akan dapat maklumat secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, pada kesempatan ini juga saya ingin memaklumkan bahawa kerajaan telah mengambil pelbagai tindakan sebenarnya dan tindakan-tindakan ini telah pun dilaporkan secara meluas dalam akhbar, dalam media massa,

tidak perlulah saya memberikan butir-butir yang terlalu banyak di dalam Dewan ini kerana saya percaya Ahli Yang Berhormat sedia maklum akan perkembangan tindakan yang telah diambil oleh kerajaan untuk membantu mangsa-mangsa Tsunami. Sambutan di kalangan rakyat cukup mengagumkan. Setakat ini kutipan daripada orang ramai sehingga 14 Januari 2005 berjumlah RM53,142,180.91. [Tepuk]Jumlah ini telah dikutip melalui akhbar tempatan, ada juga yang menyerahkan terus kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, ada juga yang menyerahkan terus kepada saya sebagai Pengerusi Jawatankuasa Bencana Negara, ini suatu jumlah yang tidak pernah kita kutip sebegini besar dalam masa yang begitu singkat. Tuan Yang di-Pertua, ini menunjukkan keprihatinan rakyat. Selain daripada itu, selain daripada kita menaruh simpati yang amat sangat kepada mangsa-mangsa Tsunami, kita juga menghulur derma dan bertindak dengan pantas, umpamanya pada peringkat awal lagi, kita telah mengeluarkan sumbangan sebanyak RM1,000 kepada setiap yang telah meninggal dunia. RM500 kepada mereka yang berpindah ke pusat pemindahan yang telah disediakan oleh kerajaan dan yang hilang punca pendapatan. RM500 kepada setiap nelayan, petani, penternak ikan sangkar dan RM200 bagi setiap mangsa yang dimasukkan ke hospital.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, bagi setiap mangsa yang telah terkorban, yang telah meninggal dunia, kita telah memberi sumbangan daripada kerajaan dan rakyat berjumlah RM20,000. Ini telah saya sampaikan kepada mangsa-mangsa di dalam negara kita dan malah yang telah meninggal dunia di luar negara pun, khususnya di Phuket, kita juga akan beri sebanyak itu juga kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, tindakan untuk membaik pulih rumah-rumah mereka sedang diambil oleh kerajaan. Umpamanya di kawasan peta Kuala Muda, di Kedah, kita telah bina rumah transit dalam masa 10 hari sahaja, Tuan Yang di-Pertua, satu rekod dalam masa 10 hari sahaja kita sudah bina rumah transit. [Tepuk] Dan, hari ini mereka sudah pindah masuk, 112 keluarga sudah masuk dan rumah tersebut telah dilawati oleh Assistant State Secretary, James Kelly dari Amerika Syarikat telah melawat rumah transit. Dia beritahu saya, "*Alangkah bertuahnya kita di Malaysia, rumah transit lebih baik daripada rumah kekal di setengah-setengah negara yang lain.*" [Tepuk] Ini pendapat yang dikeluarkan oleh wakil dari Kerajaan Amerika Syarikat.

Sukacita saya maklumkan kepada Dewan yang mulia ini, kita akan ambil tindakan segera untuk membina rumah-rumah baru untuk mereka yang telah kehilangan rumah-rumah mereka. Rumah yang sudah ranap sama sekali. Hasrat kerajaan rumah-rumah baru ini lebih baik daripada rumah asal mereka dan kita pun telah ambil keputusan bahawa rumah baru ini kita akan bina. Kita telah tetapkan Syarikat Perumahan Negara (SPN) bina rumah ini dalam masa 12 bulan, keluasannya tidak kurang daripada 1,000 kaki persegi, nilainya lebih kurang RM60,000. Dan, mereka hanya dikehendaki bayar balik RM50 sebulan sahaja, inilah satu tindakan yang bersungguh-sungguh yang telah dan akan dilakukan oleh kerajaan.

Untuk rumah-rumah yang rosak, kita akan baik pulih. Kita sudah putuskan, kita serahkan kerja ini kepada SPN. SPN akan pilih kontraktor-kontraktor tempatan. Puak-puak kelas F ini banyak yang mengharapkan kerja, kita akan beri kepada mereka, buat kerja, baik pulih rumah ini ikut pada kadar kerosakan dan ini saya telah tetapkan mesti siap dalam masa sebulan sahaja. Rumah ini mesti dibaik pulih. Dengan ini, insya-Allah mereka yang kehilangan, rumah mereka rosak dan sebagainya, yang jumlahnya lebih kurang; rumah musnah - 137; rumah rosak - 989. Kesemua rumah ini akan dibina semula ataupun dibaik pulih oleh kerajaan.

Puan Chong Eng: Terima kasih, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Kita semua tahu bahawa pada 9 Februari 2005 ialah Tahun Baru Cina dan di dalam bencana ini ada juga nelayan Cina yang rumah mereka telah dirosakkan. Dan, bolehkah saya merayu supaya golongan ini, rumah mereka diperbaiki dahulu atau dibina, diberi rumah terlebih dahulu sebelum Tahun Baru Cina. Terima kasih.

Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, kita bantu rakyat Malaysia tidak kira bangsa. *[Tepuk]* Semua akan dapat layanan yang adil dan saksama. Inilah Kerajaan Barisan Nasional. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu kita juga akan mengambil tindakan untuk memastikan bahawa golongan yang putus mata pencarian akan dapat menyambung sara hidup mereka. Tindakan ini telah pun diambil atas rayuan Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Asas Tani. Kerajaan telah meluluskan cadangan supaya segala peraturan diketepikan. Hendak baik pulih bot boleh dibuat keputusan serta-merta oleh LKIM dan Jabatan Perikanan. Tidak payah guna prosedur biasa.

Ada sahaja pihak yang baik pulih bot, bagi tugas kepada mereka. Bagi kerja kepada mereka. Hasratnya hendak beri nelayan itu keluar ke laut secepat mungkin.

Ada juga dalam trauma, takut keluar ke laut juga pun, kita akan beri kaunseling kepada mereka supaya mereka dapat menyambung sara hidup mereka secepat mungkin. Dan, kalau perlu kita hendak import pukot atau jaring, kita importlah. Apa-apa tindakan pun kita akan ambil supaya dalam masa lebih kurang tiga, empat bulan akan datang ikut kepada Kementerian Pertanian, jangka waktu itu, insya-Allah mereka akan dapat bot-bot mereka dipulihkan oleh atas usaha kerajaan. Dalam pada itu, wang tunai pun kita beri. Hak bot besar kita beri. Hak bot besar yang rosak kita beri RM3,000, hak bot kecil yang rosak kita beri RM1,000. Ini untuk sementara. Tetapi hak untuk bot kekal pun kita akan ganti dengan bot-bot baru. Inilah usaha yang akan dijalankan oleh kerajaan.

Baru-baru ini saya diberitahu ada pula

Tuan Salahuddin bin Ayub: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Saya ingin menyentuh sedikit tentang bantuan kita ke Aceh. Pasukan sukarelawan yang hendak pergi ke Aceh, di antara laluan yang agak sukarlah, mereka terpaksa mendarat di Medan. Daripada Medan untuk ke Aceh mengambil masa 16 jam perjalanan Darat.

Saya mengalu-alukan, baru-baru ini bahawa KD Mahawangsa telah mengambil peranan membawa sumbangan dan kemudian berikan sedikit kelapangan kepada para sukarelawan kita. Saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kerajaan, untuk memudahkan dan mempercepatkan proses bantuan kita ke Aceh, adakah tentera laut dengan kapal KD Mahawangsa ini boleh membawa lebih banyak sukarelawan, sebab kapal KD Mahawangsa ini boleh terus ke Lok Samawi dan di situ mempermudah. Jadi, tidak payah masuk jalan darat 16 jam, sampai ke Pelabuhan Lok Samawi, maknanya kita boleh pergi ke tempat ataupun ke destinasi dengan lebih cepat.

Jadi, kalau langkah ini boleh dibuat saya rasa ini amat membantu kita pihak Malaysia dari mana-mana pertubuhan, pasukan sukarelawan untuk kita membantu lebih cepat masa di Aceh. Terima kasih.

Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, saya akan sentuh bantuan kita ke luar negara sedikit masa lagi, ya.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini saya telah dimaklumkan juga di dalam mesyuarat Jawatankuasa Bencana Negara bahawa ada kumpulan-kumpulan lain yang kehilangan mata pencarian, penternak laut, akuakultur pun sangkar-sangkar mereka juga telah musnah, itu pun kita setuju beri RM500, peringkat awal dan kita akan nilai kerosakan, kerugian mereka dan kita akan beri bantuan.

Hak petani pun, tanaman mereka musnah pun kita akan beri bantuan dan inilah hasrat kerajaan supaya tidak ada sesiapa yang terkecuali dari segi menerima bantuan yang sepatutnya diberi bantuan oleh kerajaan. Kita akan mengambil kesempatan, Tuan Yang di-Pertua, untuk menyusun semula perkampungan nelayan ini. Nelayan ini suka duduk tepi laut. Saya dengar khabar kalau tidak dengar pukulan ombak dia tidak boleh tidur malam, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, macam mana pun untuk keselamatan mereka, kita akan pindahkan mereka jauh sedikit tetapi agaknya masih boleh dengar ombak laut agaknya, tetapi jangan tepi pantai sangat kerana ini akan mendedahkan mereka kepada mara bahaya pada masa akan datang. Jadi, kita ambil tindakan untuk menentukan tapak-tapak kekal ini, biarlah ada sedikit jarak antara laut dengan rumah kekal yang akan dibina oleh kerajaan dalam masa 12 bulan.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, itulah usaha-usaha yang kita jalankan dan saya hendak di Dewan yang mulia ini mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak, kepada rakyat Malaysia yang cukup bermurah hati, semua pihak tampil ke hadapan memberi sumbangan kepada tabung kita. *[Tepuk]* Tidak kurang juga kepada Ahli-ahli Yang Berhormat pun juga beri sumbangan melalui Bank Banchers Club sebentar tadi ada beri RM30,000. Terima kasih saya ucapkan .

Seorang Ahli: DAP.

Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Kalau DAP ada,

Tuan Lim Kit Siang: *[Menyampuk]*

Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:kalau sudah kutip boleh serah kepada saya sebagai Pengerusi Jawatankuasa Bencana Negara. Hendak berikah? *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya hendak masuk bab antarabangsa pula. Kita seperti mana Yang Berhormat bagi Kemaman berkata kita negara penyumbang, kita ini bukan negara penerima, tetapi kita negara penyumbang. Kita negara

penyumbang kerana kita telah dapat membina negara kita dengan kemampuan untuk menolong orang lain.

Justeru itu kerajaan telah mengambil tindakan untuk membantu mereka yang dilanda pukulan Tsunami ini yang lebih dahsyat lagi daripada kita, yang kita tidak dapat bayangkan sebenarnya betapa hebatnya pukulan Tsunami itu yang telah menimpa mereka di Aceh, di Sri Lanka, di Selatan India, di Maldives, Phuket dan sebagainya. Berkenaan dengan bantuan kita, kerajaan telah meluluskan peruntukan seperti berikut. Setakat ini untuk negara Indonesia dari segi wang ringgit *cash sahaja*, dana, Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun menyampaikan sumbangan daripada Kerajaan Malaysia berjumlah RM3 juta baru-baru ini dan syarikat-syarikat GLCs termasuk syarikat-syarikat yang beroperasi di Indonesia, telah memberi sumbangan sebanyak RM9.95 juta.

Jadi setakat ini, dari segi dana sahaja RM12.95 juta telah disumbangkan kepada Kerajaan Indonesia. *[Tepuk]* Dan bagi Sri Lanka kita telah beri RM1 juta, bagi Maldives RM380 ribu, sementara Thailand dan Myanmar kita sedang menentukan sumbangannya dan kita juga telah mengambil keputusan untuk menambahkan lagi jumlah wang yang kita akan sampaikan. Jadi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mempunyai ruang yang lebih luas untuk menentukan tahap sumbangan untuk negara-negara yang dilanda ombak Tsunami dan jumlah daripada negara Malaysia ini insya-Allah akan terus bertambah dalam sedikit masa lagi.

Kita juga akan memainkan peranan melalui OIC terutama sekali dalam peringkat *reconstruction* ini nanti, kita ada cadangan secara spesifik untuk membantu pembangunan semula di Aceh, tetapi saya tidak dapat memaklumkan pada Dewan yang mulia ini, kerana kita belum sampaikan lagi kepada Presiden Indonesia. Sebaik sahaja Presiden Indonesia memberi persetujuan, saya boleh umumkan dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sudah meminta saya supaya menyelaraskan kerja-kerja pemulihan di Aceh atas sumbangan Kerajaan dan rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, itu dari segi sumbangan kerajaan dalam bentuk dana, tetapi bantuan-bantuan lain pun banyak yang telah kita berikan, termasuk juga kumpulan NGOs kita sudah pergi, MERCY, kumpulan *SMART Team* kita, dan juga dari Bomba, Polis, Tentera sudah masuk pada hari yang kedua kita masuk ke Aceh, sekarang ini sudah ada kumpulan yang kedua masuk, kita hantar kapal KD Mahawangsa sudah dua kali pergi ke Aceh dengan setiap kali kapal KD Mahawangsa

pergi membawa muatan 550 tan termasuk traktor, *backhoe*, kenderaan 3 tan, pakaian, minuman dan berbagai-bagai jenis bantuan rakyat dan Kerajaan Malaysia, kita sudah hantar ke Indonesia. Saya sudah tambah satu lagi kapal KD Inderasakti akan berlepas sedikit masa lagi.

Tuan Yang di-Pertua, pada tiap-tiap hari untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kita bersama-sama dengan Bangsa-Bangsa Bersatu di bawah program *United Nations Food Programme* di mana tiap-tiap hari ada sekurang-kurangnya ada dua penerbangan *Charlie* T130 kita punya, TUDM Kerajaan Malaysia yang digunakan dan ditempah oleh Bangsa-Bangsa Bersatu melalui *UN Food Programmenya* untuk menghantar bantuan ke Aceh dan pada pagi tadi saya telah berjumpa dengan Pengarah *UN Food Programmenya* yang telah menyatakan bahawa kalau Malaysia tidak bantu mereka dari segi memberi kebenaran untuk kapal terbang mereka mendarat di Subang dan di tempat-tempat lain, tidak mungkin mereka dapat membantu mereka yang memerlukan bantuan di Aceh.

Mereka amat berterima kasih kepada kita dan dalam hal ini bukan sahaja *UN Food Programme*, tetapi negara-negara asing yang lain pun kita memberi kebenaran untuk menggunakan pangkalan-pangkalan kita kerana atas program kemanusiaan, kita tidak akan menyekat mana-mana negara untuk membantu kepada negara lain. *[Tepuk]* Gunakanlah Malaysia sebagai *transit point* untuk mereka.

Bersabit dengan kenyataan yang telah dibuat oleh Naib Presiden ataupun wakil Presiden Indonesia, katanya bahawa tentera-tentera asing perlu keluar dalam masa tiga bulan, saya sudah mendapat penjelasan, barangkali kenyataan itu tidak berapa tepat. Jadi, setakat ini saya telah mendapat pengakuan, kita negara-negara di rantau ini boleh terus berada di Aceh sehinggalah pada suatu ketika yang akan ditentukan. Jadi, notis tiga bulan itu tidak terkena kepada kita. Jadi, insya-Allah kita akan teruskan usaha kita dan cadangan kita ialah untuk mendirikan satu *relief centre*, sebab kita mempunyai banyak khemah-khemah yang disumbangkan oleh pengusaha-pengusaha Kem Latihan Khidmat Negara. Mereka mempunyai banyak khemah-khemah, mereka hendak beri kepada rakyat Aceh dan kita akan mendirikan suatu pusat untuk ditempatkan lebih kurang 10,000 orang rakyat Indonesia dalam khemah ini, pusat ini dan kita akan beri keutamaan kepada anak-anak yatim. Jadi, kalaulah kita ada suatu pusat maknanya bantuan kita lebih terserlah. Kalau kita bagi merata tempat, sukar

hendak menilai apa sumbangan kita. Jadi ini kita harap akan menjadi kenyataan dalam sedikit masa lagi.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta penjelasan.

Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Bila ada pusat khemah ini nanti, pusat ini nanti, kita akan mendirikan juga hospital yang akan dikendalikan oleh ATM yang lengkap dengan *operating theatre* (OT). Ini juga akan kita dirikan supaya pusat ini nanti akan benar-benar merupakan pusat yang dapat membantu rakyat Indonesia dan bantuan ini kita dapat pastikan sampai kepada kumpulan sasarannya, itu yang penting. Saya faham keraguan sesetengah pihak bahawa takut-takut kalau kita kumpul macam-macam barang ini, akhirnya tidak sampai kepada kumpulan sasar, banyak tercicir di tengah jalan.

Kita harap melalui cara seperti inilah kita dapat pastikan bahawa bantuan daripada rakyat Malaysia akan sampai kepada rakyat Indonesia khususnya rakyat Aceh yang sedang menderita dengan keadaan yang amat dahsyat sekali. Tuan Yang di-Pertua, itulah yang dapat saya menyatakan.

Cik Fong Po Kuan: Minta penjelasan.

Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Ya.

Cik Fong Po Kuan: Terima kasih Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Ini ada satu soalan yang dipersoalkan oleh orang ramai sekarang adalah berkenaan dengan wang kutipan yang didermakan oleh orang ramai. Apakah pihak Yang Amat Berhormat sebagai Pengerusi Tabung Bencana ini dapat memastikan ada ketelusan di dalam pengagihan derma-derma ini, yang pertama. Dan apakah selepas ini pihak tabung ini akan mengemukakan satu laporan lengkap ke mana pergi wang ini, [*Dewan riuh*] jadi orang ramai akan merasa pihak yang mengutip derma ini bertanggungjawab. Inilah yang sering kali sekarang ini mula dipersoalkan, apakah ini akan sampai kepada mereka yang patut menerimanya. Sebab sebelum ini kita mendapat lihat mangsa-mangsa selepas masalah khinzir, dahulu tabung itu dikutip oleh MCA, tetapi selepas itu pihak yang tidak patut dapat, dapat. Jadi, ini saya hendak bantu, apakah selepas ini akan ada satu laporan lengkap ke mana pergi wang kutipan orang ramai ini

Seorang Ahli: Diam-diamlah hai!

Cik Fong Po Kuan: untuk menunjukkan ketelusan dan keadilan dalam pengagihan ini.

Seorang Ahli: DAP beri duit dahululah!

Cik Fong Po Kuan: untuk orang awam.

Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya boleh bagi jaminan bahawa segala kutipan ini akan kita bentangkan, cara mana kita bagi, banyak mana kita bagi secara telus dengan syarat bila DAP kutip pun, DAP pun bentangkan juga. *[Sorak][Ketawa]* Boleh tak?

Beberapa Ahli DAP: Tak boleh. *[Bersorak]*

Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tak boleh? Kalau hak dia tak boleh pula. *[Ketawa]*

Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh: Minta penjelasan.

Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Jadi, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh: Saya minta penjelasan, Yang Amat Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat bagi Temerloh.

Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Kita sungguh rasa tersentuh dan besar hati sekali, dalam keadaan yang memerlukan begini kerajaan kita begitu cepat, cekap dan begitu pantas sekali *[Tepuk]* dan ini menerima banyak pujian daripada negara-negara antarabangsa dan sebagainya. Saya hendak minta penjelasan sedikit Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, lazimnya kalau kita tengok sejarah, selepas bencana-bencana besar begitu berlaku, kalau kematian 100,000, 200,000, dalam kes *Tsunami* ini hampir 200,000 kematian tetapi selepas sahaja bencana-bencana ini, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, beratus-ratus ribu pula lagi kematian akibat penyakit-penyakit – penyakit malaria dan bermacam-macam-macam lagi.

Jadi, saya ingin tahu apakah usaha yang dilakukan oleh kerajaan, terutamanya Kementerian Kesihatan, khususnya dalam menyediakan barangkali ubat-ubatan yang sesuai, mengambil tindakan-tindakan tertentu supaya kita tidak lagi dilanda oleh satu bencana baru yang kita tidak bersedia. Terima kasih.

Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Kerajaan memang sedar kemungkinan adanya risiko dari segi penyakit berjangkit (*infectious disease*) dan perkara ini sedang diawasi oleh Kementerian Kesihatan. Setakat ini tidak ada tanda-

tanda bahawa ada penyakit berjangkit yang sedang menular akibat daripada peristiwa *Tsunami*.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja penjelasan yang saya dapat berikan. Percayalah bahawa kerajaan berazam untuk melakukan yang terbaik. Kita ambillah iktibar daripada sesuatu kejadian yang telah ditentukan oleh *Allah Subhanahu Wataala*. Ambillah hikmat daripada kejadian itu dan salah satu daripada hikmatnya ialah untuk menambahkan lagi keazaman kita supaya mereka yang menjadi mangsa *Tsunami* ini akan dapat menyambung kehidupan mereka dalam keadaan yang jauh lebih baik hasil daripada usaha kerajaan dan rakyat Malaysia. Terima kasih. [*Tepuk*]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup dalam perbincangan di bawah Peraturan Mesyuarat 18(I) dan yang demikian saya ingin menutupkan perbincangan ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan dan Dewan akan bersidang semula pada hari esok, Selasa, 18 Januari 2005 jam 10.00 pagi.

Dewan ditangguhkan pada jam 5.34 petang